# LAPORAN PENYELIDIKAN

# PENGUASAAN "AL-BALAGHAH" DAN PERMASALAHANNYA DI KALANGAN PELAJAR SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM) (KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA NEGERI SELANGOR)

KOD: PPPP(J)/2005


KETUA PENYELIDIK:
ROSNI BIN SAMAH

PENYELIDIK BERSAMA:
MUHAMMAD MARWAN BIN ISMAIL

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA


SEPTEMBER 2006

**LAPORAN PENYELIDIKAN**

# PENGUASAAN "AL-BALAGHAH" DAN PERMASALAHANNYA DI KALANGAN PELAJAR SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM) (KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA NEGERI SELANGOR)

**KOD: PPPP(J)/2005**

**KETUA PENYELIDIK:**
**ROSNI BIN SAMAH**

**PENYELIDIK BERSAMA:**
**MUHAMMAD MARWAN BIN ISMAIL**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA**
**SEPTEMBER 2006**

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

Laporan Penyelidikan

# PENGUASAAN "AL-BALAGHAH" DAN PERMASALAHANNYA DI KALANGAN PELAJAR SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM) (KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA NEGERI SELANGOR)

---

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan

# PENGUASAAN "AL-BALAGHAH" DAN PERMASALAHANNYA DI KALANGAN PELAJAR SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM) (KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA NEGERI SELANGOR)

KOD: PPPP (J)/2005

LAPORAN AKHIR

KETUA PENYELIDIK:
ROSNI BIN SAMAH (S 418)

PENYELIDIK BERSAMA:
MUHAMMAD MARWAN BIN ISMAIL (S 195)

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
Web Site: www.kuim.edu.my

September 2006

## PENGAKUAN

Kami akui bahawa keseluruhan isi penyelidikan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya kami jelaskan sumbernya.

Tarikh 4 SEPTEMBER 2006

Tandatangan

Ketua Penyelidik:

Rosni Samah

Penyelidik Bersama:

Muhammad Marwan Ismail

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala pujian bagi Allah yang menjadikan langit dan bumi. Selawat dan salam bagi junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W sebaik-baik pribadi, bagi keluarga baginda, para sahabat dan sesiapa yang mengikuti panduan baginda hingga ke akhirnya.

Kami amat bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya, dapat kami siapkan penyelidikan ini yang bertajuk "Penguasaan "Al-Balaghah" dan Permasalahannya di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (Kajian di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor)"

Kami merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Kolej Universiti Islam Malaysia khususnya Fakulti Pengajian Bahasa Utama dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan KUIM di atas segala kerjasama yang telah diberikan bagi menjayakan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan Dasar Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia, Lembaga Peperiksaan Malaysia, Jabatan Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor, dan tidak ketinggalan pihak sekolah-sekolah yang menawarkan STAM di negeri Selangor yang terlibat secara langsung dalam penyelidikan ini.

Terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan penyelidikan ini.

## ABSTRAK

Subjek Balaghah ditawarkan kepada pelajar di sekolah-sekolah menengah agama sebagai sebahagian daripada subjek-subjek bahasa Arab, manakala di peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia STAM ia mempunyai kertas peperiksaan tersendiri. Kurikulumnya digubal berdasarkan kepada kurikulum Sekolah Menengah al-Azhar, Mesir. Para pelajar mempelajari pelbagai tajuk daripada ilmu *Ma$^{c}$ani* dan ilmu *Badi$^{c}$*. Tujuan penyelidikan ini ialah untuk mengenal pasti tahap penguasaan pelajar terhadap aplikasi ilmu Balaghah dan mengkaji permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Bagi mendapatkan data kajian, borang soal selidik telah dirangka khusus bagi mengenal pasti tahap penguasaan pelajar melalui soalan-soalan subjektif bagi menguji tahap kefahaman mereka terhadap tajuk-tajuk yang telah dipelajari. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh pelajar melalui soalan-soalan diskriptif yang mempunyai skala tertentu untuk dipilih oelh responden. Borang soal selidik tersebut diedarkan kepada 252 orang pelajar yang terdiri daripada lima buah sekolah menengah agama di negeri Selangor. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar sasaran terhadap subjek ini terlalu lemah. Ini kerana pembelajaran mereka berorientasikan kepada hafalan contoh-contoh dan kaedah-kaedahnya serta kurang penekanan kepada unsur aplikasi. Turut dikenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh para pelajar yang berhubung dengan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan buku teks. Saranan dan cadangan turut dikemukakan bagi menangani permasalahan tersebut.

# ملخص البحث

تدرس مادة البلاغة في المدارس الدينية منذ السنة الرابعة الثانوية وتعد مادة مستقلة للغة العربية. وفي مستوى الشهادة الثانوية العالية الدينية توجد ورقة مستقلة لها. وتم تعديل مراجعة مناهجها وإعداد مقررها من مناهج ومقرر معهد البعوث الإسلامي الأزهري. ويدرس التلاميذ الموضوعات من علم المعاني والبديع. وتهدف هذه الدراسة إلى الكشف عن مستوى التلاميذ في تطبيق قواعدها، وتجلية المشكلات التي تواجههم في دراستها. وللحصول على المواد العلمية المدروسة تعتمد هذه الدراسة على الاستبانة التي تم إعدادها ورسمها للكشف عن مستوى التلاميذ في تطبيق قواعدها من خلال الأسئلة المقدمة، ولتجلية المشكلات التي تواجههم في دراستها من خلال الأسئلة الوصفية لاختيار الإجابة المناسبة. وتم توزيع هذه الاستبانة على 252 تلميذا من خمس مدارس دينية بولاية سلنجور. وتوصلت هذه الدراسة إلى النتيجة التي تدل على أن مستوى التلاميذ في تطبيق قواعد هذه المادة ضعيف، لأن طبيعة دراستهم تتركز على جانب القواعد والحفظ مع عدم الاهتمام بجانب التطبيق. كما تم تجلية المشكلات التي تواجههم في دراستها وهي تتعلق بعملية التعليم والتعلم والكتاب المقرر. وكذا تم تقديم بعض الحلول لتسويتها.

# ABSTRACT

Balaghah is being offered in religious secondary schools as a subject on its own. At STAM level, this subject has its own paper. The course content and syllabus are produced based on Al-Azhar Secondary Schools, Egypt. The students learn from chapters of *Ma^c ani* and *Badi^c* knowledge. The objective of this research is to identify the students' level of achievement in the application of this knowledge and also to identify the problems faced by them. In order to collect data, a set of questionnaires is designed specifically to identify the students' level of acquisition through subjective questions and descriptive questions to identify the problems faced by them. The questionnaires are distributed to 252 respondents of five religious secondary schools in Selangor. Based on the findings, it shows that the respondents' level of acquisition of the subject is too low. This is due to the reason that they learn using method and memorization as well as lack of emphasis on application. It is also being identified that the respondents faced problem in the teaching and learning process and also the text books used. Some suggestions are highlighted in order to solve these problems.

# KANDUNGAN

| | Halaman |
|---|---|
| **PENGAKUAN** | i |
| **PENGHARGAAN** | ii |
| **ABSTRAK** | iii |
| **MULAKHKAS AL- BAHTH** | iv |
| **ABSTRACT** | v |
| **KANDUNGAN** | vi |
| **SENARAI LAMPIRAN** | ix |
| **SENARAI RINGKASAN** | x |
| **BAB I: PENDAHULUAN** | 1 - 13 |
| 1.1 PENGENALAN | 1 |
| 1.2 MATLAMAT KAJIAN | 3 |
| 1.3 OBJEKTIF KAJIAN | 4 |
| 1.4 PERSOALAN DAN PERMASALAHAN KAJIAN | 4 |
| 1.5 KAWASAN PENYELIDIKAN | 10 |
| 1.6 METODOLOGI KAJIAN | 11 |
| 1.7 TAKWIM PENYELIDIKAN | 12 |
| **BAB II : BAHASA ARAB DAN BALAGHAH** | 14 - 38 |
| 2.1 BAHASA ARAB | 14 |
| 2.2 BAHASA ARAB DAN CABANG-CABANG ILMUNYA | 17 |
| 2.3 PENGERTIAN AL-BALAGHAH | 19 |
| 2.4 SEJARAH AL-BALAGHAH | 23 |
| 2.5 KEDUDUKKAN ILMU BALAGHAH DALAM ILMU SASTERA | 25 |
| 2.6 BALAGHAH DAN ILMU-ILMUNYA | 28 |
| 2.7 PENGAJARAN BAHASA | 29 |
| 2.8 PENGAJARAN BAHASA ARAB | 31 |
| 2.9 OBJEKTIF PENGAJARAN SUBJEK BALAGHAH | 33 |
| 2.10 PRINSIP ASAS PENGAJARAN SUBJEK BALAGHAH | 34 |
| 2.11 TEKNIK-TEKNIK ASAS PENGAJARAN SUBJEK BALAGHAH | 36 |

| | | |
|---|---|---|
| **BAB III: SUBJEK BALAGHAH SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)** | | **37 - 58** |
| 3.1 | SUKATAN SUBJEK BALAGHAH | 37 |
| 3.2 | BUKU TEKS | 50 |
| 3.3 | PEPERIKSAAN | 53 |
| 3.4 | KAEDAH PENGAJARAN SUBJEK BALAGHAH STAM | 54 |
| **BAB IV: ANALISIS PENGUASAAN PELAJAR DALAM SUBJEK BALAGHAH STAM DAN PERMASALAHANNYA** | | **59 - 130** |
| 4.1 | PENGENALAN | 59 |
| 4.2 | ANALISIS DAPATAN SOAL SELIDIK | 60 |
| 4.2.1 | PANDANGAN UMUM PELAJAR TENTANG SUBJEK BALAGHAH | 60 |
| 4.2.1.1 | Minat dan Tanggapan Umum Pelajar | 60 |
| 4.2.1.2 | Kepentingan Balaghah | 62 |
| 4.2.1.3 | Hubungan Balaghah dalam Penguasaan Bahasa Arab | 63 |
| 4.2.1.4 | Objektif Subjek Balaghah | 64 |
| 4.2.1.5 | Andaian Pelajar Terhadap Subjek Balaghah | 66 |
| 4.2.1.6 | Tahap Penguasaan Bahasa Arab | 67 |
| 4.2.1.7 | Tahap Penguasaan Subjek Balaghah | 68 |
| 4.2.1.8 | Tahap Aplikasi Pelajar bagi Subjek Balaghah | 70 |
| 4.2.2 | TAHAP PENGUASAAN PELAJAR | 72 |
| 4.2.2.1 | Soalan Pertama | 73 |
| 4.2.2.2 | Soalan Kedua | 74 |
| 4.2.2.3 | Soalan Ketiga | 76 |
| 4.2.2.4 | Soalan Keempat | 77 |
| 4.2.2.5 | Soalan Kelima | 78 |
| 4.2.2.6 | Soalan Keenam | 79 |
| 4.2.2.7 | Soalan Ketujuh | 81 |
| 4.2.2.8 | Soalan Kelapan | 82 |
| 4.2.2.9 | Soalan Kesembilan | 83 |
| 4.2.2.10 | Soalan Kesepuluh | 85 |
| 4.2.3 | PERMASALAHAN PEMBELAJARAN SUBJEK BALAGHAH | 87 |
| 4.2.3.1 | Subjek Balaghah | 87 |
| 4.2.3.2 | Kaedah Pengajaran | 96 |
| 4.2.3.3 | Buku Teks | 118 |
| **BAB V : HASIL DAPATAN KAJIAN** | | 131 - 141 |
| 5.1 | SUBJEK BALAGHAH STAM | 131 |
| 5.2 | DAPATAN KAJIAN | 131 |
| 5.2.1 | TAHAP PENGUASAAN PELAJAR | 132 |
| 5.2.2 | PERMASALAHAN PELAJAR | 134 |
| **BAB VI : CADANGAN DAN PENUTUP** | | 142 - 145 |

**BIBLIOGRAFI** 147 - 148

**LAMPIRAN** 149 - 165

# SENARAI LAMPIRAN

Halaman

**A** SOAL SELIDIK (KAJIAN PERINTIS) 149

**B** BORANG SOAL SELIDIK 151

**C** CARTA ANALISA PERATUSAN JAWAPAN RESPONDEN BAGI SOALAN-SOALAN KEFAHAMAN PELAJAR 157

**D** ALBUM PENYELIDIKAN 162

# SENARAI RINGKASAN

| | |
|---|---|
| Kolej Islam Sultan Alam Shah Klang | **KISAS** |
| Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Rahimah, Sungai Manggis, Banting | **SMATB** |
| Sekolah Agama Menengah Tinggi Hisamuddin, Kampung Jawa, Klang | **SMATHK** |
| Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor | **SMATKKB** |
| Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sabak Bernam | **SMATSB** |

# BAB I
# PENDAHULUAN

## 1.1 PENGENALAN

Bahasa Arab mempunyai komponan-komponan ilmu bahasa yang tersendiri. Para pelajar yang mempelajari bahasa Arab khususnya di sekolah-sekolah bukanlah semata mata mempelajarinya bagi menguasai pelbagai kemahiran bahasa sahaja malahan mereka juga didedahkan dengan ilmu-ilmu bahasa yang pelbagai bagi membantu mereka menghayati makna disebalik ungkapan dan penggunaan bahasa Arab. Bagi pelajar di peringkat STAM mereka mempelajari pelbagai ilmu bahasa Arab yang terdiri daripada ilmu-ilmu linguistik dan sastera seperti subjek *Nahu, Sorof, Mutala$^{c}$ah, Tarikh Adab, al-$^{c}$Arud wa al-Qafiah, Balaghah* dan sebagainya . Bagi memahami makna yang tersirat di sebalik ayat yang diungkapkan, pengajian bahasa Arab memerlukan kepada penghayatan dan penguasaan ilmu-ilmu lingustik dan sastera dengan baik. Dalam kompenan ilmu sastera ini terdapat ilmu Balaghah yang mana fokus utamanya adalah kepada keindahan makna di sebalik sesuatu ungkapan bahasa Arab khususnya sastera.

Rangkumannya adalah seperti yang digambarkan dalam rajah di bawah:

Rajah 1: Komponen Ilmu-ilmu Bahasa Arab



Dalam proses memahami ungkapan bahasa Arab dengan baik pula pelajar hendaklah melalui beberapa peringkat seperti berikut:




Rajah 2 : Peringkat-peringkat yang Perlu Dilalui bagi Memahami Ungkapan Bahasa Arab

Seperti yang tertera dalam rajah di atas, pelajar tidak akan mencapai tahap kefahaman yang baik dalam ilmu Balaghah melainkan dengan mempelajari tatabahasa terlebih dahulu. Memahami makna dengan baik juga tidak terhasil melainkan dengan penguasaan Balaghah dengan baik Penguasaan ilmu Balaghah pula dibahagikan kepada beberapa tahap. Tahap pertama berhubung dengan kaedah. Tahap kedua menganalisa contoh-contoh ayat pilihan untuk menerangkan kaedah tersebut. Tahap ketiga ialah tahap penghayatan atau yang lebih dikenali dengan nama Balaghah terapan seperti yang dinyatakan pada rajah berikutnya:

Rajah 3: Tahap-tahap Kefahaman dalam Balaghah



Tahap yang ketiga iaitu tahap Balaghah terapan ini merupakan kemuncak penguasaan Balaghah yang boleh diterapkan ke dalam semua ungkapan bahasa Arab. Memandangkan kepada pentingnya penguasaan tahap ini yang merupakan kemuncak pembelajaran bahasa Arab, Fakulti Pengajian Bahasa Utama Kolej Universiti Islam Malaysia (FPBU, KUIM) memperkenalkan subjek Balaghah Terapan sebagai salah satu daripada kursus-kursus wajib fakulti yang ditawarkan kepada pelajar-pelajarnya. Bagi memastikan pembelajaran subjek ini di KUIM dapat diikuti dengan baik, kajian ini cuba melihat persediaan asas penghayatan Balaghah yang dimiliki oleh pelajar khususnya mereka yang berada diperingkat STAM sebelum mereka melangkah masuk ke Universiti..

Subjek "*al-Balaghah*" di peringkat STAM merupakan subjek teras yang wajib diambil oleh setiap pelajar. Subjek ini bukan hanya menekankan aspek teori semata-mata bahkan ia juga memfokuskan kepada aspek penggunaan. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai kekangan dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan daripada subjek ini. Tidak semua pelajar dapat memahami dengan baik apa yang telah mereka pelajari dari subjek ini apatah lagi dalam proses menggunakannya (aplikasi) dalam pembacaan, perbualan dan penulisan mereka dengan menggunakan bahasa Arab. Kandungan silibus yang kurang bersesuaian juga boleh membantutkan usaha dalam mencapai sasaran sebenar subjek ini, ditambahkan lagi dengan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang kurang berkesan. Apa yang lebih membimbangkan ialah hilangnya minat para pelajar terhadap subjek ini dan terus melabelnya sebagai "sukar".

Justeru, dirasakan amat perlu dijalankan satu penyelidikan bagi mengenal pasti permasalahan-permasalahan khususnya dikalangan pelajar yang timbul dari subjek "*al-Balaghah*" ini, dan mengukur sejauh manakah pencapaian para pelajarnya sebagai satu usaha bersepadu untuk memperkasa penguasaan pelajar terhadap aspek-aspek metafora bahasa Arab secara khususnya dan penguasaan bahasa Arab itu sendiri amnya. Penyelidikan ini akan menjalankan analisis dan kesimpulan, serta mengemukakan cadangan penyelesaian bagi masalah yang berkaitan.

## 1.2 MATLAMAT

Matlamat utama penyelidikkan ini dijalankan ialah:

1. Untuk melihat secara dekat tahap penguasaan Balaghah di kalangan pelajar-pelajar di peringkat STAM.

2. Mengenal pasti permasalahan-permasalahan yang dihadapi dalam proses (P&P) bagi subjek tersebut.

Permasalahan ini meliputi apa yang dihadapi oleh para pelajar dalam memahami dan menguasai isi kandungan subjek ini, mahupun para guru mereka dalam proses P&P. Semoga melalui sesi-sesi lawatan ke sekolah-sekolah sasaran dan agensi-agensi sasaran nanti akan membuahkan satu natijah tentang permasalahan yang dikaji. Hasil daripada natijah tersebut akan menampakkan rintangan-rintangan dalam meningkatkan penguasaan para pelajar tehadap aspek metafora bahasa Arab dan penguasaan kemahiran bahasa Arab itu sendiri secara amnya.

Kesimpulan akan dibuat sebagai cadangan bagi mengatasi setiap permasalahan yang timbul. Semoga dengan penyelidikan ini, satu cadangan dapat dikemukakan kepada pihak-pihak berkaitan dalam usaha menangani permasalahan-permasalahan yang timbul seterusnya merai sasaran dan objektif yang telah ditetapkan.

## 1.3 OBJEKTIF

Di antara objektif utama penyelidikkan ini ialah :

1) Melihat tahap penguasaan aplikasi Balaghah di kalangan pelajar peringkat STAM.

2) Mengenal pasti permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh mereka dalam mempelajari subjek ini, meliputi kaedah-kaedah P&P yang digunakan dan tahap kesesuaian isi kandungan buku teks dan silibus subjek"*al-Balaghah*"di peringkat STAM.

## 1.4 PERSOALAN DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Penyelidikan ini cuba mengkaji jawapan bagi permasalahan utamanya, iaitu sejauh manakah tahap penguasaan subjek Balaghah di kalangan pelajar STAM dan apakah permasalahan yang dihadapi oleh mereka dalam pembelajaran subjek tersebut?.

Keupayaan para pelajar yang mengikuti pengajian di dalam subjek-subjek berkaitan bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi (IPT) kurang memuaskan terutama dalam aspek pengaplikasian ilmu-ilmu linguistik dan sastera yang telah merka pelajari semenjak di bangku sekolah lagi. Ini berdasarkan kepada kurangnya bahan bacaan yang berkaitan, ketidak sesuaian buku teks dan silibus yang digunakan, ditambah pula dengan teknik P&P yang lemah.

Ramai pelajar yang mendapat gred pencapaian yang baik dalam subjek ini, tetapi penguasaan mereka tidak setanding dengan kelulusan yang diperolehi. Ini terjadi kerana mereka belajar untuk lulus dalam peperiksaan dengan menghafal kaedah serta contohnya sahaja, tetapi mereka gagal untuk memahami dan mengaplikasinya.

Ini jelas dapat dilihat melalui kajiselidik (kajian perintis) yang dijalankan pada bulan September 2005 kepada lepasan STAM yang merupakan pelajar tahun 1 daripada pelbagai fakulti pengajian di KUIM, majoriti mereka mendapat pangkat keseluruhan *Jayyid Jiddan* dalam subjek Balaghah tetapi mereka masih gagal menjawab 10 soalan kefahaman yang dikemukakan. Soalan-soalan tersebut sebenarnya berkisar tentang tajuk-tajuk yang mereka telah pelajari di peringkat STAM .

Kajian perintis ini dijalankan kepada seramai 26 orang lulusan STAM. Dua daripada mereka mendapat pangkat *Mumtaz* di peringkat STAM dan 24 orang lagi mendapat pangkat *Jayyid Jiddan*. Seperti yang dinyatakan dalam draf di bawah:

Rajah 4 : Gred Pencapaian Keseluruhan STAM Responden



Dari sudut pencapaian subjek Balaghah STAM di kalangan responden pula, tujuh daripada mereka mendapat pangkat *Mumtaz*. Namun demikian melalui soalan-soalan kefahaman yang dikemukan dalam borang soal selidik hanya seorang pelajar sahaja daripada tujuh orang responden ini menjawab dengan betul dua soalan.

Rajah 5: Gred Pencapaian Subjek Balaghah Responden




Rajah 6 : Bilangan Pelajar yang Mendapat Gred *Mumtaz* dan Menjawab dengan Betul






Daripada 26 orang responden yang terlibat, 19 pelajar pula mendapat pangkat *Jayyid Jiddan* dalam subjek tersebut. Enam pelajar sahaja yang mampu menjawab, itupun hanya satu soalan sahaja yang betul.

Rajah 7 : Bilangan Pelajar yang Mendapat Gred *Jayyid Jiddan* dan Menjawab dengan Betul






Daripada 26 orang pelajar (responden) hanya tujuh pelajar sahaja yang mampu menjawab dengan betul soalan-soalan kefahaman yang dikemukakan, itupun hanya seorang responden sahaja dapat menjawab dengan betul dua soalan dan enam lagi menjawab dengan betul hanya pada satu soalan. Manakala bakinya seramai 19 orang gagal menjawab sebarang soalan kefahaman yang dikemukakan dengan betul.

Rajah 8 : Pecahan Responden yang Menjawab dengan Betul




Daripada sepuluh soalan yang dikemukakan hanya dua soalan sahaja yang dapt dijawab oleh responden. Satu soalan (soalan ke-7) mendapat tujuh jawapan betul oleh responden dan satu lagi (soalan ke-6) mendapat satu jawapan sahaja. Jumlah pelajar yang menjawab dengan betul soalan-soalan tersebut ialah tujuh orang pelajar daripada jumlah keseluruhan 26 pelajar.

Rajah 9 : Bilangan Soalan yang Dapat Dijawab dengan Betul




Kegagalan penguasaan subjek Balaghah ini berlaku di kalangan pelajar kerana mereka gagal memahami dan menghayati intipati subjek tersebut. Mereka lebih cenderung untuk menghafal secara langsung apa yang telah mereka pelajari tanpa memahaminya khususnya kaedah-kaedah dan contoh-contoh dalam buku teks. Justeru, mereka gagal menggunakanya dalam subjek-subjek bahasa Arab yang lain.

Kaedah P&P yang hanya menumpukan kepada konsep peperiksaan semata-mata tidak akan membuahkan hasil yang diharap-harapkan. Keputusan pepriksaan yang cemerlang gagal menterjemahkan tahap penguasaan sebenar para pelajar terhadap isi kandungan subjek yang telah mereka pelajari. Masalah ini akan terus berlanjutan sehingga mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di universiti kelak. Sudah semestinya jika masalah ini tidak diatasi, para pelajar ini akan menghadapi pelbagai kesukaran dalam meneruskan pembelajaran mereka dalam subjek ini kelak.

Adakah permasalahan ini harus dibiarkan berlanjutan tanpa sebarang usaha bagi menanganinya? Adakah benar proses P&P bagi subjek "*al-Balaghah*" ini tidak mampu mencapai sasaran yang telah ditetapkan? Wajarkah kita menunding jari kesalahan kepada para pelajar dan para guru semata-mata dalam permasalahan ini?.

Oleh itu, satu penyelidikan perlu dijalankan bagi mengenal pasti permasalahan-permasalahan yang dihadapi dan mengukur sejauh manakah tahap pencapaian para

pelajar STAM dalam subjek "*al-Balaghah*". Usaha ini tidak harus dilihat sebagai suatu usaha untuk mencari kesalahan mana-mana pihak, sebaliknya ia adalah satu usaha untuk mencari punca sebenar permasalahan dan mencari jalan yang terbaik untuk mengatasinya demi kemaslahatan semua pihak.

Hasil daripada penyelidikan ini akan dapat membantu pihak-pihak berkaitan dalam usaha memperkasa tahap penguasaan para pelajar terhadap aspek-aspek metafora bahasa Arab, selanjutnya meningkatkan tahap kemahiran mereka dalam bahasa Arab.

## 1.5 KAWASAN PENYELIDIKAN

Fokus penyelidikan ini tertumpu kepada mengkaji sejauhmanakah tahap pencapaian para pelajar STAM bagi subjek "*al-Balaghah*" dan permasalahan yang mereka hadapi dalam mempelajari subjek tersebut. Terdapat lima buah sekolah Agama sahaja di negeri Selangor yang mengambil peperiksaan STAM, dan sekolah-sekolah ini dipilih sebagai sasaran kajian. Sekolah-sekolah tersebut ialah:

1) SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sabak Bernam.
2) SAMT Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.
3) SAMT Hishamuddin, Klang.
4) SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Sg Manggis, Banting.
5) Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang.

Beberapa sesi lawatan perlu dilakukan bagi mendapat data kajian. Terutama kepada lima buah sekolah sasaran dan agensi-agensi yang mengawal selia perlaksanaan STAM itu sendiri bagi mendapat pandangan pakar yang bertanggungjawab mengurus dan menyelia perlaksanaan STAM di Malaysia. Secara ringkasnya lawatan dan urusan penyelidikan ini tertumpu kepada agensi-agensi berikut :

1) Jabatan Pengajian Islam dan Moral (JAPIM) Kementerian Pelajaran Malaysia
2) Lembaga Peperiksaan Malaysia
3) Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPN Selangor)

4) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

5) Pejabat-pejabat Pendidikan Daerah di negeri Selangor (PPD) – seperti daerah Kajang, Klang Gombak dan lain-lain.

## 1.6 METODOLOGI

Penyelidikan ini tertumpu kepada kajian lapangan dengan menyemak sukatan pelajaran bagi subjek "*al-Balaghah*" di peringkat STAM, dan mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan melalui borang kaji selidik dan temubual. Data kajian ini akan diperolehi daripada responden sasaran. Proses mengumpul dan menyemak bahan dilakukan melalui lawatan ke sekolah-sekolah sasaran, jabatan-jabatan dan pejabat-pejabat pelajaran. Semasa lawatan diadakan sesi kaji selidik, temubual dan observasi dengan pihak terbabit turut dijalankan.

### 1.7 Soal Selidik

Beberapa sesi soal selidik akan dijalankan dengan menggunakan format borang soal selidik yang disediakan bagi mendapatkan data kajian. Borang-borang ini telah diedarkan kepada responden yang merangkumi para pelajar yang mewakili sekolah mereka. Responden-responden ini adalah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi sebenar pelajar di sekolah-sekolah terlibat. Secara keseluruhannya, soal selidik tersebut melibatkan seramai 252 orang responden yang merupakan 69% daripada populasi pelajar STAM sebenar di lima buah sekoalah yang terlibat seperti yang dinyatakan pada jadual di bawah:

Rajah 10 : Taburan Responden Mengikut Sekolah dan Peratusan Responden yang Terpilih Berbanding Populasi Sebenar

| | | Responden | Pelajar STAM | Peratusan Responden |
|---|---|---|---|---|
| Valid | KISAS | 12 | 12 | 100 |
| | SMATB | 62 | 84 | 73.8 |
| | SMATHK | 56 | 73 | 76.7 |
| | SMATKKB | 55 | 81 | 67.9 |
| | SMATSB | 67 | 115 | 58.3 |
| | Total | 252 | 365 | 69.0 |

5.2 Temubual dan Observasi

Sesi temubual dan observasi dijalankan dengan tenaga pengajar subjek "*al-Balaghah*", guru-guru subjek-subjek lain yang berkaitan dan para pelajar terpilih. Tidak ketinggalan juga, temubual ini dijalankan ke atas beberapa *figure* yang berkaitan seperti Nazir sekolah-sekolah agama, Penyelaras sekolah-sekolah agama JAIS, Guru Panitia Bahasa Arab di sekolah-sekolah, Guru-guru Kanan dan Pengetua-pengetua sekolah yang terbabit.

5.3 Analisis Data dan Maklumat

Menjalankan analisis data dan maklumat yang diperolehi daripada borang kaji selidik, semakan bahan temubual, observasi dengan mengikut pendekatan analisa kandungan bahan dan analisis statistik. Bagi menjayakan analisa data program SPSS 12 digunakan.

## 1.7 TEMPOH PENYELIDIKKAN

Penyelidikkan ini akan dilakukan dalam tempoh satu tahun bermula 1 November 2005 hingga 31 Oktober 2006, di mana ia dibahagikan kepada tiga tahap. Tahap pertama bermula 1 November 2005 hingga 31 Januari 2006, tahap kedua pula bermula pada 1 Februari 2006 hingga 31 Julai 2006, manakala tahap akhir akan bermula 1 Ogos 2006 hingga 31 Oktober 2006.

Jadual kerja tersebut bagi tahap-tahap tersebut adalah seperti berikut :

**Nov 05- Jan 06**

- Penyediaan borang soal selidik
- Proses permohonan kebenaran bagi mengadakan lawatan penyelidikkan (selepas mendapat kelulusan JPU)

**Feb- Julai 2006**

- Lawatan ke sekolah-sekolah sasaran, Jabatan-jabatan, Pejabat-pejabat Pendidikan Daerah serta mengirim bahan

dan borang kaji selidik kepada agensi-agensi yang tidak dilawati bagi mengemaskini data yang diperolehi.

- Temubual dan kajiselidik
- Pengumpulan data dan bahan
- Pemprosesan dan analisis data
- Penyediaan laporan awal

**Ogos- Nov 2006**

- Pengemaskinian data dan analisisnya
- Penyediaan Laporan akhir

Adalah diharapkan agar penyelidikan ini dapat menyumbangkan input positif yang boleh dimanfaatkan oleh semua pihak dalam usaha memperkasa penguasaan para pelajar terhadap aplikasi Balaghah dan bahasa Arab di Malaysia. Semoga usaha murni ini mendapat dokongan dan sokongan padu daripada semua pihak. Didoakan agar usaha ini senantiasa mendapat berkat dan keredhaan daripada Allah taala.

# BAB II
# BAHASA ARAB DAN AL-BALAGHAH

## 2.1 Bahasa Arab

Bahasa Arab tergolong di kalangan bahasa-bahasa *al-Samiah* اللغات السامية , iaitu perkumpulan bahasa yang dinisbahkan kepada putera nabi Nuh yang dikenali dengan nama Sam Bin Nuh (al-Rajihi1988:11). Antara bahasa lain yang tergolong dalam kumpulan ini ialah bahasa Babilion, bahasa *Asyuria,* bahasa *ᶜIbri*, bahasa Habasyiah dan sebagainya. Kebanyakan bahasa ini telah luput ditelan zaman kecuali bahasa *ᶜIbri* yang masih lagi digunakan oleh orang-orang Yahudi dan dijadikan sebagai bahasa rasmi bagi negara Israel, selain bahasa Arab yang masih lagi ditutur oleh sebahagian besar orang Arab.

Bahasa Arab terutamanya bahasa *Fushah* (standard) semenjak dahulu lagi telah menjadi satu bahasa yang penting dan tersebar luas di kalangan kabilah-kabilah Arab. Antara faktor yang menyebabkan bahasa ini menjadi bahasa utama adalah disebabkan oleh pelbagai faktor meliputi aspek politik, sosial dan ekonomi (Mujahid 1999: 19). Kewujudan Mekah semenjak dahulu lagi sebagai pusat perkumpulan utama di kalangan kabilah-kabilah Arab untuk tujuan keagamaan dan perdagangan adalah merupakan faktor utama yang menjadikan bahasa Arab standard ini mendapat kedudukan yang tinggi. Kaum Quraish yang telah dipertanggungjawabkan bagi menjaga Kaabah dan kota Mekah amnya telah mendapat kedudukan yang tinggi dari aspek politik dan sosial, justeru bahasa Arab yang standard adalah dibina berdasarkan kepada dialek kabilah ini, di samping beberapa dialek yang hampir dengannya.( Mujahid 1999: 234)

Bahasa ini seterusnya dimuliakan lagi oleh Allah dengan turunnya kitab suci al-Quran yang juga menggunakan bahasa Arab dan dilantik pula seorang rasul yang berasal daripada kaum Quraish. Dengan penyebaran Islam keseluruh pelusuk bumi timur dan barat, bahasa Arab pun menjadi semakin luas penggunaannya, bahkan bahasa ini tidak lagi terhad kepada orang-orang Arab semata-mata malahan ia mula dipelajari dan dituturi oleh jutaan umat Islam yang terdiri daripada pelbagai bangsa dengan pelbagai bahasa ibunda mereka (Beeston 1970:11).

Justeru tidak hairanlah, terdapatnya pelbagai kajian berkaitan bahasa Arab yang telah dijalankan oleh para ilmuan Islam walaupun mereka ini bukanlah orang Arab yang asli. Mereka ini datang daripada pelbagai tempat dan keturunan yang kemudiannya mempelajari bahasa ini seterusnya mengusainya dengan sempurna sama seperti orang-orang Arab. Kajian-kajain ini dilakukan oleh mereka semata-mata untuk beribadat kepada Allah. Mereka percaya dengan memahami selok-belok penggunaan bahasa Arab maka mudahlah bagi mereka memahami dengan mendalam isi kandungan kitab suci al-Quran dan Hadis-hadis nabi serta ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya yang kebanyakannya menggunakan bahasa Arab (Abdul Salam 2000:66).

Kitab suci al-Quran jugalah yang telah memainkan peranan utama dalam mengekalkan bahasa Arab dalam bentuk asalnya sepertimana yang telah digunakan berabad lamanya. Malahan kitab suci ini dianggap sumber rujukan utama bagi setiap aspek penggunaan bahasa sama ada dari aspek fonologi, morphologi, sintak mahupun semantic (Mujahid 1999:41). Pada masa kini bahasa Arab adalah merupakan bahasa rasmi bagi 22 buah negara Arab dan menjadi bahasa kedua di lebih 30 buah negara Islam yang lain.

Bahasa Arab juga semakin berkembang terutama dengan perkembangan ilmu pengetahuan, media masa, gerakan penterjemahan dan seumpamanya, justeru diwujudkan institusi-institusi bahasa Arab di setiap ibu negara Arab dan juga di beberapa universiti terkemuka timur tengah. Kewujudan institusi berkaitan bahasa Arab ini sebenarnya tidak hanya terbatas di negara-negara Arab, bahkan sekarang ini banyak pusat pengajian terkemuka dunia tanpa mengira sama ada di timur mahupun barat telah membuka pelbagai peluang penggajian dalam bidang-bidang berkaitan bahasa Arab kepada para pelajar seluruh dunia.

Pengajian bahasa Arab sudah menjadi tidak asing lagi di beberapa universiti negara-negara Barat seperti United Kingdom, Perancis, Jerman, Itali, Amerika Syarikat dan sebagainya, malahan ramai pelajar Arab mahupun bukan Arab melanjutkan pengajian mereka di universiti-universiti ini terutama di peringkat yang lebih tinggi seperti peringkat sarjana ataupun doktor falsafah.

Antara kelebihan bahasa Arab adalah *al-I'rab* الإعراب iaitu kesan penggunaan tatabahasa Arab yang boleh dilihat ke atas sesuatu perkataan berdasrkan makna dan

konteks ayat tersebut (al-Sayyid 1997:12), kesan ini merujuk kepada bentuk perkataan itu akan berubah-ubah berdasarkan kepada kedudukan dan strukturnya di dalam ayat. Perubahan-perubahan ini meliputi aspek bunyi (baris perkataan) binaan perkataan, strukturnya seterusnya akan juga membawa perubahan pada aspek makna ayat tersebut. Justeru tidak hairanlah ilmu tatabahasa Arab adalah satu cabang ilmu yang cukup luas perbincanganya.

Selain daripada itu, bahasa Arab juga terkenal dengan kepelbagaian perbendaharaan katanya (al-Samiraie 2000:16). Kepelbagaian perbendaharaan kata ini memberi makna yang terperinci terhadap sesuatu perkara yang diadaptasikan daripada persekitaran kehidupan masyarakat Arab. Tambahan pula terdapat kepelbagaian kata-kata sinonim di dalam bahasa Arab, juga terdapat pelbagai antonim yang berbeza-beza bagi hanya satu perkataan, di samping pelbagai kata jamak yang berbeza-beza walaupun bagi satu perkataan yang sama di dalam bahasa Arab. Semua ini memberi gambaran yang jelas betapa bahasa Arab itu amat kaya dengan kepelbagaian perbendaharaan katanya.

Bahasa Arab juga dikenali dengan sifatnya yang ringkas dan padat di dalam penggunaanya. Orang Arab amat mementingkan aspek ini, bahkan ia dianggap sebagai aspek utama yang mesti diambil kira oleh setiap penutur agar kata-katanya dapat diterima dengan baik oleh para pendengar (Abbas 1997:15). Penggunaan bahasa yang ringkas dan padat ini bukanlah bermakna menjadikan makna dan tujuan asal daripada ayat tersebut tergantung ataupun tidak sempurna, akan tetapi penggunaan yang tepat sebenarnya amat mementingkan aspek makna, justeru makna tersebut hendaklah disampaikan dengan cara yang mudah, jelas dan ringkas agar mudah difahami oleh orang lain.

Penggunaan bahasa tersebut boleh juga dihiasi dengan pelbagai elemen metafora yang bersesuaian terutama dalam usaha membantu pihak lain memahami maksud daripada ayat tersebut. Tidak semestinya makna yang panjang atau banyak harus diungkap melalui bilangan perkataan yang banyak akan tetapi pemilihan perkataan yang tepat dan mampu membawa maksud sepertimana yang dihajati akan menjamin para pendengar memahami maksud yang dibawa oleh ayat tersebut. Teknik-teknik penggunaan bahasa dengan tepat ini adalah merupakan salah satu daripada topik perbincangan ilmu Balaghah yang bertujuan agar sesuatu penggunaan bahasa itu bertepatan dengan situasinya.

## 2.2 Bahasa Arab dan Cabang-cabang Ilmunya.

Ilmu bahasa Arab terdiri daripada pelbagai pecahan dan cabang ilmu yang menjadi tunjang bagi menjamin keteguhannya. Ilmu-ilmu ini meliputi aspek suara (fonologi) علم الأصوات seperti ilmu-ilmu berkaitan teknik sebutan huruf atau lebih dikenali dengan nama ilmu *Tajwid.* Ilmu *Tajwid* ini meliputi pelbagai perbincangan tentang ciri-ciri setiap huruf Arab selain daripada teknik-teknik sebutannya (Mujahid 1999:29). Ilmu ini berkait rapat dengan kaedah-kaedah bacaan al-Quran dengan cara yang betul. Ilmu Tajwid membincangkan dengan teliti sifat-sifat setiap huruf Arab, ini kerana setiap satu daripada huruf-huruf ini mempunyai sifat-sifat dan ciri-cirinya yang tersendiri. Justeru teknik sebutannya pun akan berbeza-beza, kesilapan dalam menyebut huruf akan menyebabkan para pendengar menyangkakan huruf yang berbeza, maka makna yang dihafami mereka pun akan menjadi berbeza daripada apa yang dihajati oleh penutur.

Perkara ini sering kita dapati terutama pada huruf yang mempunyai sifat yang hampir sama seperti huruf ث dengan س huruf ذ dengan huruf ز huruf ت dengan ط dan sebagainya. Ilmu ponologi ini dianggap sebagai ilmu pertama di kalangan ilmu-ilmu bahasa Arab, ini kerana ilmu ini mengkaji binaan asas yang menjadi asas binaan kepada bahasa itu sendiri iaitu bunyi atau suara.

Seterusnya, terdapat pula ilmu morpologi علم الصرف yang menitik beratkan perihal binaan perkataan. Ilmu ini adalah ilmu yang kedua mengikut susunannya selepas daripada ilmu ponolgi yang mengkaji elemen-elemen bunyi sebelum elemen-elemen tersebut bersatu dan membina satu perkataan (Mujahid 1999:45). Bahasa Arab adalah merupakan bahasa *Ishtiqaq* اللغة الاشتقاقية iaitu bahasa yang boleh menerima pelbagai tambahan atau imbuhan pada sesuatu kata dasar tanpa mengira samada ia bersifat imbuhan awalan, akhiran, dipertengahan mahupun sebarang tambahan ataupun pengurangan pada binaan asal kata dasarnya (Ghallayini 1987:1:101). Ciri inilah yang menyebabkan bahasa Arab memilikki perbendaharaan kata yang amat luas kerana setiap kata dasar itu mampu dikembangkan kepada pelbagai perkataan baru yang juga membawa makna baru.

Ilmu yang ketiga mengikut susunanya adalah ilmu Nahu atau sintak علم النحو, yang mengkaji struktur dan susunan perkataan-perkataan dalam ayat. Setiap perkataan dan kedudukannya dalam ayat memainkan peranan yang berbeza-beza, seterusnya perkataan tersebut akan membawa tanda-tanda علامات الإعراب yang juga berbeza-beza berdasarkan kepada peranannya dalam ayat tersebut. Ilmu sintak adalah merupakan cabang ilmu yang terbesar di kalangan ilmu-ilmu bahasa Arab, malahan ia sering mendapat perhatian yang utama oleh para ilmuan dan pengkaji bahasa dahulu sehingga sekarang (Crystal 1992:15). Ilmu sintak amat berkait rapat dengan ilmu morpologi, maka kedua-dua ilmu ini sering digabungkan dan diberi nama Tatabahasa *Grammar* علم القواعد. Ilmu Tatabahasa ini mempunyai pengertian yang lebih menyeluruh dengan meliputi persoalan binaan perkataan dan susunannya dalam ayat, agar setiap penggunaan perkataan itu dan susunannya mematuhi peraturan dan kaedah tatabahasa bagi sesuatu bahasa (Crystal 1995:66).

Rangkuman ilmu-ilmu fonologi, morpologi dan sintak yang mana setiap satunya saling berkait dengan yang lain membawa kepada ilmu yang keempat iaitu ilmu semantik علم الدلالة. Semantik membicarakan perihal makna dari setiap penggunaan bahasa (Abdul Salam 2000:73). Kajian-kajian ilmu semantik amatlah luas meliput segenap perbincangan berkaitan makna sama ada yang tersurat mahupun yang tersirat dan salah satu daripadanya ialah ilmu kesusasteraan الأدب. Sastera juga merupakan sebahagian daripada bentuk-bentuk penggunaan bahasa, akan tetapi bentuk penggunaannya berbeza dengan kaedah penggunaan biasa terutama dari aspek makna. Dalam ilmu sastera elemen makna ini dijana dan dikembangkan secara kreatif melampaui skop makna yang biasa difahami dalam bentuk penggunaan biasa.

Dalam ilmu sastera inilah, terdapatnya ilmu Balaghah ataupun metafora yang merupakan paksi utama bagi ilmu sastera itu sendiri (al-Madhi 1986:10). Balaghah memainkan peranannya yang utama dengan menyediakan garis panduan bagi setiap bentuk penggunaan bahasa dan kepelbagaiannya terutama yang menyentuh tentang penggunaan elemen-elemen bahasa sama ada dari segi pemilihan perkataan, binaannya, mahupun strukturnya dalam ayat (Abbas 1997:17). Semua proses penggunaan bahasa ini dilakukan secara kreatif bagi menjana makna-makna-makna baru melampaui penggunaan bahasa secara biasa.

## 2.3 Pengertian al-Balaghah

Al-Balaghah dari segi bahasa merujuk kepada sampai ke suatu tempat atau hentian terakhir bagi sesuatu tujuan ia berasal daripada kata dasar بلغ يبلغ (Mustafa et.al 1999). Seperti kehidupan orang Arab pada masa lalu yang gemar berpindah-randah dari satu tempat ke tempat yang lain bagi mencari petempatan baru yang lebih sesuai, maka tempat baru yang hendak dituju itu adalah merupakan sasaran yang hendak dicapai oleh mereka. Kemudian makna asas yang berbentuk fizikal ini berkembang kepada satu makna yang lebih mendalam iaitu apa-apa perkara yang dihajati bagi mendapatkan tujuan-tujuan tertentu. Makna ini seterusnya berkembang lagi dengan menjadi lebih terfokus kepada sifat-sifat atau ciri-ciri kata-kata atau ungkapan yang baik dan tidak ada padanya sebarang kecatatan yang boleh menjadikan penggunaannya salah ataupun tidak sesuai.(Abbas 1997: 19-20)

Di dalam al-Quran terdapat juga perkataan balaghah yang digunakan sebagai kata sifat bagi kata-kata ataupun ungkapan yang baik, Allah berfirman :(al-Nisa' ayat: 63)

{ أولئك الذين يعلم الله ما في قلوبهم، فأعرض عنهم وعظهم وقل لهم في أنفسهم قولا بليغا }

Melalui ayat al-Quran di atas kita dapati bahawa perkataan بليغا adalah merupakan kata sifat (adjektif) kepada perkataan قولا yang terletak sebelumnya, justeru bolehlah difahami maksud daripada ayat ini, bahawasanya Allah menyuruh para hambanya menggunakan perkataan-perkataan yang baik iaitu dengan cara menyampaikan pesanan-pesanan, kata-kata nasihat yang berhemah semasa kita berkomunikasi dengan orang lain walaupun mereka itu menentang ajaran Islam.

Sebelum Balaghah menjadi satu ilmu yang lengkap, topik-topik perbincangan yang terkandung dalamnya tidak tersususun dan bercampur aduk bahkan sebahagian daripadanya kurang jelas dan nampak seolah-olah tiada perkaitan dengan asas perbincangan ilmu Balaghah (Abbas 1997:21). Walaubagaimanapun, kepelbagaian topik perbincangan ini dan permasalahan yang wujud padanya di peringkat awal ini sebenarnya masih lagi berkisar pada satu perkara pokok yang utama iaitu penggunaan bahasa yang indah, keasyikan bahasa, kualitinya dan sejauh mana kesan penggunaannya kepada para pendengar atau para pembaca.

Justeru bolehlah dikatakan bahawa Balaghah adalah merupakan satu bentuk penggunaan bahasa yang berbeza dengan bentuk penggunaan bahasa yang biasa, walaupun penggunaan bahasa itu hanyalah penggunaan yang ringkas akan tetapi makna yang terjana daripadanya adalah luas dan boleh meninggalkan kesan yang mendalam kepada para pendengar ataupun para pembaca. Bentuk penggunaan inilah yang telah mencapai kehendak ilmu Balaghah iaitu penggunaan tersebut telah berjaya sampai ke matlamat dan sasarannya.

Terdapat pelbagai takrif Balaghah dari segi istilah (Matlub 1996:37), akan tetapi takrif yang lengkap dan diterima pakai oleh kebanyakkan ilmuan Balaghah adalah takrif yang dikemukakan oleh Qazwini dalam kitabnya *al-Talkhis* التلخيص melalui ungkapannya yang tersohor :" Balaghah adalah kata-kata yang menepati situasinya bersama dengan kelancaranya (jauh daripada apa yang boleh mencacatkan penggunaan kata-kata tersebut).(al-Qazwini 1996:33) Maka, Balaghah menurut Qazwini adalah merujuk kepada lafaz kata-kata yang boleh membawa makna dengan tepat sepertimana yang dihajati oleh penuturnya melalui susunan struktur ayat yang betul dan menepati situasi penggunaan kata-kata tersebut.

Justeru, Balaghah amat memerlukan citarasa bahasa yang tinggi bersama dengan kebijaksanaan (Abbas 1997:58). Sesorang itu perlulah bijak dalam mengenalpasti bilakah waktu dan keadaan yang sesuai untuk dia mula berbicara dan bilakah dia harus berhenti berdasarkan kepada situasi sekitar yang harus diambil kira olehnya sebelum dan semasa ia berbicara. Dia juga perlu membuat pilihan yang bijak terhadap perkataan-perkataan yang ingin digunakannya lalu menyusunnya dengan kemas dalam ayat yang tersusun rapi dari aspek struktur dan turutan perkataannya.

Kemahiran memilih perkataan dan menyusunnya dalam ayat ini amat memerlukan kepada pengetahuan dan citarasa bahasa yang tinggi, ini kerana jika seseorang itu hanya memilikki bilangan perbendaharaan kata yang terhad, maka amat sukar baginya untuk membuat pilihan bagi memilih perkataan yang sesuai, lantas dia gagal menyusunnya dengan sempurna agar mudah difahami oleh pihak lain. Jikalau seseorang itu mengabaikan perkara-perkara penting ini dengan hanya mengeluarkan kata-katanya sesuka hatinya tanpa melihat situasi dan kesesuaiannya ditambah pula dengan pengabaian dari aspek pemilihan perkataan yang bersesuaian, maka dikhuatiri makna

yang hendak disampaikan olehnya itu akan gagal difahami , bahkan yang lebih teruknya makna tersebut mungkin akan disalah tafsirkan oleh pihak lain.

Bagi yang melihat ilmu Balaghah secara kasar mungkin berpandangan bahawa ilmu ini lebih mementingkan penggunaan bahasa yang indah semata-mata. Akan tetapi bagi yang mendalami ilmu ini, mereka akan mendapati bahawa kata-kata yang indah itu tidak akan ada ertinya sekiranya aspek-aspek bahasa yang lain seperti pemilihan perkataan, sebutannya, susunanya dan makna daripadanya tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Justeru para ahli Balaghah telah menetap 3 ciri utama yang perlu ada pada setiap pengguaan bahasa, agar penggunaan bahasa tersebut mencapai tahap *al-Kalam al-Baligh* الكلام البليغ (kata-kata yang menepati kehendak ilmu Balaghah). 3 ciri utama tersebut adalah: (al-Jarim1996:6)

1) Penggunaan bahasa yang tepat seperti menepati aspek tatabahasa.
2) Pemilihan perkataaan- perkataan-perkataan yang dipilih adalah perkataan yang membawa maksud sepertimana yang dikehendaki dengan tepat.
3) Penutur meyakini maksud dan tujuan yang hendak disampaikan olehnya itu.

Jelaslah kepada kita, bahawa Balaghah bukanlah sekadar ilmu yang hanya mementingkan penggunaan bahasa yang indah semata-mata, akan tetapi Balaghah sebenarnya berkait rapat juga dengan cabang-cabang ilmu bahasa yang lain selain daripada ilmu sastera seperti ilmu fonologi, morpologi, sintak, semantik dan sebagainya.

Penggunaan bahasa yang menepati kehendak-kehendak Balaghah hendaklah terlebih dahulu menepati kaedah-kaedah nahu dan tatabahasa dan mampu membawa maksud dengan jelas sepertimana yang dihajati oleh penuturnya. Seterusnya kata-kata itu diperindahkan lagi dengan menjana makna-makna baru sama ada secara tersurat mahupun tersirat agar mampu meninggalkan kesan ataupun pemahaman yang mendalam kepada para pendengar. Pada peringkat inilah seseorang itu perlu memilikki keyakinan terhadap apa yang hendak disampaikan olehnya sendiri, ini kerana seseorang itu akan gagal untuk menyampaikan dengan tepat hasratnya sekiranya dia sendiri meragui tentang hasratnya itu, apatah lagi untuk meyakini orang lain tentang kebenaran hasratnya itu.

Kesimpulannya, sesuatu penggunaan bahasa itu tidak akan mencapai ciri-ciri ilmu Balaghah ataupun apa yang dinamakan *al-Kalam al-Baligh* melainkan ia terlebih dahulu

memenuhi tiga elemen penting yang meliputi segenap aspek bahasa tanpa terhad kepada elemen pengindahan gaya bahasa semata-mata sepertimana yang telah dinyatakan di atas. Rentetan itu penggunaan bahasa yang mencapai tahap ini tidak akan tercapai dengan hanya menghafal kaedah-kaedah mahupun contoh-contoh penggunaan Balagahah semata-mata, akan tetapi seseorang itu perlulah terlebih dahulu mendalami ilmu-ilmu bahasa yang turut memainkan peranan utamanya dalam setiap penggunaan bahasa seperti ilmu fonologi, morpologi, sintak dan sebagainya.

Seseorang itu juga perlulah mempunyai pembacaan yang meluas terutama dalam membaca dan mengkaji pelbagai bentuk karya-karya sastera yang agung tanpa mengira sama ada ia merupakan karya-karya klasik mahupun karya-karya moden (al-Rikabi 1996:113). Melalui pembacaan seperti ini, sesearang itu mampu mendapat pelbagai contoh dan panduan dalam menggunakan bahasa dengan tepat, selain menambah perbendaharaan katanya. Selanjutnya barulah pengetahuan dan kemahiran berbahasa yang dimilikkinya tadi, diperkukuhkan lagi dengan pengetahuan yang mendalam dalam ilmu Balaghah dan perbincanganya.

Tidak dinafikan juga faktor minat dan bakat turut memainkan peranannya dalam usaha ini (Abdul Rahman 2000:137), bahkan minat dan bakat akan mempercepatkan lagi usaha sesorang itu untuk mencapai tahap *al-Kalam al-Baligh* dalam setiap penggunaan bahasanya. Walaupun demikian berbekalkan minat dan bakat semata-mata tidak akan membantu kita dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan dengan sempurna. Minat dan bakat tadi seharusnya digilap dan dibentuk dengan sempurna iaitu dengan berpandukan kepada teknik-teknik dan ilmu-ilmu yang bersesuaian seperti ilmu-ilmu bahasa termasuklah ilmu Balaghah.

Teknik-teknik dan ilmu-ilmu ini sebenarnya mampu menambahkan minat yang sedia ada dikalangan para pelajar, agar mereka lebih cenderung dan berminat serta berusaha gigih dalam meningkatkan tahap penggunaan bahasa mereka, agar ia bukan sekadar penggunaan yang betul bahkan penggunaan tersebut turut dihiasi dengan unsur-unsur metafora yang boleh mengindahkannya lagi. Teknik-teknik dan ilmu-ilmu ini juga sebenarnya mampu memainkan peranannya dalam mengasah bakat-bakat baru ataupun mencungkil bakat-bakat terpendam mahupun kemampuan-kemampuan tersendiri yang dimilikki oleh setiap individu yang mungkin tidak disedari oleh mereka sendiri.

## 2.4 Sejarah Balaghah.

Masyarakat Arab semenjak zaman jahiliyah lagi memang terkenal dengan kehebatan mereka dalam menghasilkan karya-karya sastera yang tinggi mutunya (al-Rajihi 1988:44). Justeru mereka telahpun mengenali Balaghah, bahkan amat mementingkan penggunaan elemen-elemen metafora (Balaghah) yang merupakan tunjang utama dalam mengindahkan gaya bahasa seseorang. Akan tetapi pengetahuan mereka pada masa tersebut terhadap elemen-elemen Balaghah ini hanyalah secara semulajadi dan rawak, di mana pengetahuan mereka ini adalah berdasarkan kepada citarasa bahasa dan penghayatannya yang dimilikki oleh individu sahaja. Pengetahuan dan kemahiran ini mereka milikki melalui pengetahuan bahasa dan penguasaannya yang telah dimilikki oleh mereka secara semulajadi hasil daripada persekitaran kehidupan mereka. (Mujahid 1999:247)

Mereka ini lahir dan membesar di kalangan masyarakat Arab yang tulen dan jarang sekali bercampur dengan bangsa-bangsa lain, hasilnya mereka mampu memilikki citarasa bahasa Arab yang tulen dan ia menjadi sebati dalam diri mereka sepertimana yang telah digunakan dan diwarisi dari generasi ke generasi semenjak dahulu lagi. Faktor inilah yang menjadi penyumbang utama bagi mereka menghasilkan karya-karya sastera yang indah-indah dan masih menjadi ikutan sehingga hari ini.

Apabila datangnya Islam dan bermulalah pembukaan negara Islam yang baru, maka umat Islam bukan lagi hanya terdiri daripada orang Arab bahkan agama suci ini mula menjadi anutan pelbagai bangsa sama ada di timur mahupun barat. Pada ketika inilah orang-orang Arab telah mula bercampur dengan orang-orang *ᶜAjam* (bukan Arab). Natijahnya citarasa bahasa Arab tulen yang dimilikki oleh orang Arab secara turun temurun melalui persekitaran mereka, telah menjadi semakin lemah terutama di kalangan generasi-generasi baru yang lahir selepas kedatangan Islam. (Abbas 1997:68)

Daripada aspek Balaghah pula, orang-orang Arab tidak lagi boleh bergantung kepada citarasa bahasa yang dimilikki oleh mereka semata-mata, ini kerana citarasa bahasa mereka tersebut telah menjadi semakin lemah. Maka bagi menyelamatkan dan memupuk semula citarasa dan kemahiran berbahasa tersebut agar tetap terus terpelihara, beberapa kaedah yang lebih bercorak pengajaran dan pembelajaran perlulah

diperkenalkan. Kaedah-kaedah ini mula diterapkan terutama di kalangan kanak-kanak semenjak mereka kecil lagi, tanpa mengira sama ada mereka itu berketurunan Arab mahupun bukan Arab.

Pada ketika inilah para ilmuan Balaghah Arab dengan aktifnya memainkan peranan mereka. Antara para ilmuan yang memberikan sumbangan-sumbangan besar mereka pada peringkat awal ini ialah *al- Jahidz* الجاحظ *Ibn- Qutaibah* ابن قتيبة *Ibn- Mu^c^taz* ابن المعتز *Qudamah* قدامة *al-Baqillani* الباقلاني dan lain-lain lagi (Abbas 1999:73). Pada peringkat awal ini sehinggalah sekitar kurun kelima Hijrah, ilmu Balaghah masih lagi belum berkembang kepada bentuk-bentuk dan pembahagiannya sepertimana yang kita kenali sekarang ini. Hampir semua topik ilmu Balaghah dan perbincangannya dirangkumkan di bawah satu pokok perbincangan yang besar, iaitu dengan menamakanya al-Balaghah secara umum. Pada ilmu inilah segala perbincangan berkaitan Balaghah dikaji dengan teliti seperti persolan-persolan berkaitan البديع البيان الفصاحة البراعة dan lain-lain lagi.

Topik-topik Balaghah kekal bercampur aduk sesamanya sendiri, sehinggalah datang Abdul Qadir al-Jurjani عبد القادر الجرجاني yang telah menulis dua buah buku yang dianggap sebagai rujukan utama bagi ilmu Balaghah. Kedua-dua buku tersebut ialah *Dalalil al-I^c^jaz* dan *Asrar al-Balaghah* دلائل الإعجاز و أسرار البلاغة. Al-Jurjani di dalam kitabnya *Dalail al-I^c^jaz* (al-Jurjani 1996:12) telah membincangkan dengan terperinci tentang *al-Nazm* النظمyang merupakan paksi utama kepada perbincangan-perbicangan ilmu *Ma^c^ani* علم المعاني, manakala kitabnya yang kedua *Asrar al-Balaghah* pula, menumpukan kepada perbicangan-perbincangan berkaitan ilmu *al-Bayan* علم البيان seperti persoalan-persoalan الاستعارة التشبيه المجاز dan lain-lain lagi (al-Jurjani 1997: 8).

Melalui dua buah kitab ini dapatlah kita perhatikan bahawa al-Jurjani seolah-olahnya telah berusaha untuk meletakkan satu cadangan atau panduan agar ilmu Balaghah ini disusun semula terutama dengan menyususun semula topik-topik perbincangan yang terdapat padanya agar lebih teratur dan mudah difahami. Beliau telah cuba untuk memisahkan ilmu Balaghah ini kepada dua bahagian utama iaitu ilmu *Ma^c^ani* dan ilmu *Bayan* agar setiap satu daripada pecahan ilmu Balaghah ini mampu diberi penekanan dan tumpuan khusus, selanjutnya kajian-kajian yang lebih mendalam terhadap setiap pecahan ilmu tersebut dapatlah dilakukan dengan sempurna. Selain daripada itu,

kita juga dapat melihat setiap topik Balaghah itu dapat disusun semula degan lebih kemas dan tidaklah bercampur aduk di antara satu dengan yang lain. (Abbas 1999:75)

Usaha al-Jurjani ini diteruskan lagi oleh al-Sakkaki السكاكي menerusi kitabnya *Mifah al-$^{c}$Ulum* مفتاح العلوم. Beliaulah yang telah membuka jalan kepada pembahagian topik-topik ilmu Balaghah kepada tiga bahagian sepertimana yang kita kenali sekarang.(al-Sakkaki 1991:5) Beliau telah berjaya meletakkan tajuk-tajuk yang khusus bagi setiap pecahan ilmu Balaghah iaitu dengan melengkapkan usaha yang telah dilakukan oleh al-Jurjani sebelumnya pada ilmu *Bayan* dan ilmu *Ma$^{c}$ani.* Seterusnya beliau telah berjaya mengemukakan beberapa tajuk asas bagi ilmu *al-Badi$^{c}$* yang pada masa itu masih lagi bernaung di bawah ilmu *Ma$^{c}$ani*. (al-Sakkaki 1991:165)

Mankala pembahagian ilmu Balaghah kepada tiga bahagian yang utama secara lengkap sepertimana yang kita kenali sekarang iaitu ilmu *Bayan, Ma$^{c}$ani* dan *Badi$^{c}$* علم البيان ، المعاني و البديع , telah berjaya dilakukan oleh Badruddin Bin Malik بدر الدين بن مالك yang telah meringkaskan kitab *Miftah al-Ulum* karya al-Sakkaki. Dengan pembahagian ilmu Balaghah kepada tiga bahagian yang utama ini, setiap topik perbicangan ilmu Balaghah telah menjadi lebih tersusun dengan setiap topik kecil mahupun besar daripadanya bolehlah dipelajari dan dikaji dengan lebih mendalam.

Balaghah bukan lagi hanya merupakan satu bentuk pengetahuan semulajadi yang dimilikki oleh orang Arab dan pengetahuan ini diwarisi dan diambil daripada persekitaran mereka dengan berpandukan kepada citarasa bahasa meraka semata-mata, malahan Balaghah telah menjadi satu ilmu yang mempunyai pelbagai topik dan perbincangan mengikut pembahagiannya yang tersusun. Selain daripada itu, setiap daripada tajuk-tajuk ini diberi huraian dan penjelasan yang teliti, agar mudah difahami dan diaplikasikan dalam setiap penggunaan bahasa, bukan hanya di kalangan orang-orang Arab bahkan bukan Arab juga mampu mempelajarinya dan menggunakannya dengan sempurna.

## 2.5 Kedudukan Ilmu Balaghah dalam Ilmu Sastera.

Balaghah merupakan satu ilmu yang meletakkan garis panduan yang jelas dalam menentukan binaan asas yang terdapat pada setiap karya sastera (Abbas 1997:126). Garis

panduan ini hendaklah diikuti oleh seorang sasterawan dalam menyusun dan mengemukakan idea mahupun maksud yang hendak disampaikan olehnya. Balaghah juga memberi panduan kepada sasterawan agar memilih perkataan-perkataan yang tepat lagi bersesuaian sebelum menyusunnya secara kreatif dan indah berbeza dengan mana-mana bentuk penggunaan biasa. Secara kolektifnya, Balaghah mengemukakan sejumlah panduan dan tatacara yang boleh membantu seseorang sasterawan itu dalam menghasilkan apa saja bentuk karya sastera.

Justeru, sesuatu karya itu tidak boleh diterima sebagai karya sastera melainkan ia dihasilkan berdasarkan kepada aspek-aspek dan garis panduan yang terkandung dalam ilmu Balaghah (al-Madhi 1986:23). Begitu juga ilmu Balaghah sebenarnya tidak terhasil melainkan ia adalah hasil daripada rangkuman karya-karya sastera terutama elemen-elemen penting yang terdapat dalamnya. Elemen-elemen inilah yang membezakan sesuatu karya sastera dengan mana-mana karya mahupun penggunaan bahasa secara biasa. Para ilmuan Balaghah telah meneliti dan mengkaji elemen-elemen yang terkandung di dalam karya-karya sastera ini, kemudian mereka cuba mengemukakannya semula dalam bentuk garis panduan dan kaedah-kaedah agar dapat diajar dan dipelajari oleh orang lain dalam menghasilkan karya-karya sastera baru.

Oleh yang demikian, apabila seseorang ahli sastera itu ingin menggunakan bahasa dalam satu bentuk penggunaan khas dan berbeza dengan penggunaan biasa agar kata-katanya itu mampu memberi kesan yang boleh menarik perhatian para pendengar kepada keindahan gambaran dan perumpaan yang dikemukan misalnya, beliau akan bergantung kepada kaedah-kaedah dan teknik-teknik yang terdapat dalam ilmu Balaghah.

Maka kita akan mendapati terdapatnya beberapa perkataan yang sengaja didahulukannya, ada pula perkataan yang secara sengaja disebut pada akhir ayat, perkataan-perkataan yang lain pula hanya dsebut secara ringkas dan ada pula yang diberi penjelasan yang panjang lagi terperinci, terdapat juga beberapa perkataan yang tidak disebut olehnya dengan sengaja dan ada juga yang ditambah ataupun diulang berkali-kali, sesetengah ayat pula dibantu dengan pelbagai kata tegas untuk menyokong kebenaran maksud yang dibawa oleh ayat tersebut. Pada ketika yang lain pula, seorang ahli sastera akan menggunakan sesuatu perkataan degan maknanya yang asal, akan tetapi pada ketika yang lain beliau akan menggunakan perkataan yang sama tetapi beliau cuba menjana

pelbagai makna lain secara simbolik dan tidak lagi terbatas kepada makna asal perkataan tersebut semata-mata.

Semua bentuk penggunaan bahasa secara khusus ini, yang berbeza dengan bentuk penggunaan bahasa secara biasa, adalah merupakan teras kepada ilmu Balaghah. Maka jelaslah kepada kita hubung kait antara ilmu Balaghah dengan sastera dan betapa pentingnya ilmu Balaghah ini kepada para ahli sastera sehingga mereka mampu menghasilkan karya-karya sastera yang indah dengan mendalami dan mengikut kaedah-kaedah yang terdapat di dalam ilmu Balaghah.

Kepentingan ilmu Balaghah tidak hanya terhad kepada kepada ahli sastera semata-mata, para peminat karya-karya sastera dan para pembaca secara umumnya juga perlu mendalami ilmu Balaghah (al-Madhi 1986: 79). Dengan mempelajari ilmu ini, para pembaca mampu memahami dan mengahayati setiap elemen Balaghah yang digunakan oleh ahli sastera dalam karya mereka. Sudah semestinyalah elemen-elemen ini amat penting untuk difahami oleh para pembaca dalam mana-mana karya sastera memandangkan kepada peranannya yang besar dalam mengindahkan dan menjadikan karya tersebut berbeza dengan karya-karya bukan sastera.

Tanpa memilikki pengetahuan tentang ilmu Balaghah para pembaca akan gagal memahami makna-makna tersirat yang terkandung dalam sesuatu teks sastera, ini kerana ahli sastera tersebut juga telah menggunakan kaedah-kaedah yang terdapat dalam ilmu Balghah bagi membantunya dalam menjana makna-makna baru terutamanya yang tersirat di dalam karyanya itu. Bagi memahami makna-makna ini sudah semestinya para pembaca juga perlu mendalami selok-belok ilmu Balaghah dan kaedah-kaedahnya. Hasilnya para pembaca akan mampu memahami dan menghayati dengan sempurna intipati dan keindahan karya-karya sastera melalui pemahaman mereka terhadap ilmu Balaghah.

Selanjutnya ilmu Balaghah berkait juga dengan ilmu kritikan sastera علم النقد الأدبي yang memberi penumpuan kepada penilaian karya-karya sastera secara membandingkannya dengan karya-karya lain (Mandur 1995: 17). Melalui perbandingan ini para pengkaji akan dapat melihat di manakah kekuatan atau kelebihan sesuatu karya tersebut dan begitulah juga sebaliknya. Dalam menilai sesuatu karya sastera sama ada dari aspek pemilihan perkataan, idea, tema, maksud dan tujuannya, perlambangan atau

perumpamaan yang terdapat di dalamnya, sejauh mana kesesuaian karya tersebut, kesanya terhadap emosi pembaca atau sebagainya, kita amat memerlukan kepada pengetahuan yang mendalam dalam ilmu Balaghah. Ini kerana melalui ilmu ini, kita akan mampu memberi satu penilaian yang tepat terhadap mana-mana karya sastera dan bukan hanya bergantung kepada citarasa individu semata-mata tanpa disandarkan kepada mana-mana kaedah atau ilmu pengetahuan.

Justeru, ilmu Balaghah bukan hanya penting kepada para ahli sastera dan peminat karya sastera sahaja, bahkan para pengkritik sastera yang ingin mengemukakan pandangan dan penilaian mereka terhadap mana-mana karya sastera seharusnyalah terlebih dahulu mendalami selok-belok ilmu sastera itu sendiri terutama yang menyentuh penggunaan elemen-elemen Balaghah di dalam karya-karya sastera. Kebergantungan kepada citarasa individu semata-mata tanpa berdasarkan kepada kaedah-kaedah ilmiah akan hanya melahirkan penilaian-penilaian dan komentar-komentar yang tidak tepat dan hanya berdasarkan kepada kecenderungan dan minat individu semata-mata.

**2.6 Balaghah dan Ilmu-ilmunya.**

Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya ilmu Balaghah terbahagi kepada tiga iaitu *al-Bayan, al-ma<sup>c</sup>ani* dan *al-Badi<sup>c</sup>*. Sesetengah ahli Balaghah menamakan ketiga-tiga cabang Balaghah ini dengan nama ilmu علم maka lahirlah ilmu *al-Bayan* علم البيان, ilmu *al-Ma<sup>c</sup>ani* علم المعانيdan ilmu *al-Badi<sup>c</sup>* علم البديع. Menurut mereka cabang-cabang Balaghah ini juga merupakan salah satu cabang ilmu yang bernaung di bawah ilmu Balaghah.(al-Jarim 1997:18) Manakala sesetengah ilmuan menamakan ketiga-tiga cabang ini dengan istilah seni فن maka lahirlah istilah-istilah seperti seni *al-Bayan* فن البيان, seni *al-Ma<sup>c</sup>ani* فن المعاني dan seni *al-Badi<sup>c</sup>* فن البديع . Bagi mereka ini ketiga-tiga cabang ini bukanlah merupakan satu ilmu yang lengkap dan boleh berdiri dengan sendiri akan tetapi ia hanyalah merupakan satu seni yang lahir daripada ilmu Balaghah itu sendiri. Kebanyakkan ilmuan Balaghah menyokong pendapat yang kedua ini dengan menganggap ketiga-tiga cabang ilmu Balaghah ini hanyalah merupakan seni-seni Balaghah dan bukanlah ilmu-ilmu yang tersendiri. (Abbas, 1997:12)

Antara topik yang terkandung dalam seni *al-Bayan* adalah *al-Tashbih, al-Haqiqah wa al-Majaz, al-Isti$^c$arah, al-Kinayah* dan sebagainya. Manakala di dalam seni *al-Ma$^c$ani* pula terkandung perbahasan mengenai pembahagian *al-Kalam* (kata-kata) kepada al-*Insya' wa al-Khabar, al-Qasr, al-Fasl wa al-Wasl, al-Ijaz, al-Itnab wa al-Musawa* dan lain-lainya. Bagi seni *al-badi$^c$* topik-topiknya adalah berkaitan tentang *al-Muhassinat al-Lafziayah* seperti *al-Jinaz, al-Iqtibas* dan *al-Saja$^c$* turut dibincangkan dalam seni ini *al-Muhassinat al-Ma$^c$nawiyah* seperti *al-Tawriyah, al-Tibaq, al-Muqabalah* selain perbincangan lain seperti *Husnu al-Ta$^c$lil, Uslub al-Hakim* dan seumpamanya.

Pada masa kini ilmu Balaghah semakin berkembang pesat dan ia diberi wajah baru melalui apa yang diberi nama sebagai *al-Uslub wa al-Uslubiyah* الأسلوب والأسلوبية (stylistic) ia juga bolehlah digelar sebagai Balaghah Moden.(Abdul Mutalib 1994:45)

## 2.7 Pengajaran Bahasa

Tidak syak lagi, umum mengetahui kepentingan bahasa dalam kehidupan seharian, kerana melaluinya manusia berkomunikasi dengan menyampaikan apa yang terkandung dalam akal fikiran dan hati perasaan mereka. Melalui bahasa juga, seseorang itu mampu meluaskan pembacaannya, lalu bertambahlah ilmu pengetahuannya dalam pelbagai bidang (al-Nahlawi 1996:67). Bahasa juga merupakan medium perantaraan yang membawa ilmu pengetahuan dari satu generasi ke generasi lain dan dari satu bangsa ke bangsa yang lain. Budaya bangsa dan cara hidup mereka juga dibawa dan diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain melalui perantaraan bahasa.

Penguasaan bahasa pada masa kini tidak lagi terhad kepada bahasa ibunda semata, bahkan manusia pada masa kini berlumba-lumba untuk menguasai pelbagai bahasa terutama menguasai bahasa-bahasa utama dunia yang menjadi medium utama kepada pelbagai cadang ilmu pengetahuan masa kini seperti bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa German, bahasa Jepun, bahasa Arab dan sebagainya.

Kebanyakan teori klasik dalam pendidikan bahasa memandang bahasa sebagai satu bahan pengajaran dan pembelajaran semata-mata.(Ahmad 1983:73) Ini bermakna para pelajar akan disasarkan bagi menguasai bahasa tersebut sahaja dengan mengabaikan aspek-aspek berkaitan pengaplikasian bahasa tersebut. Sebagai contohnya, pelajar terlalu

dibebankan dengan menghafal pelbagai perbendahaaraan kata dan istilah-istilah tanpa mengaitkanya dengan penggunaan sebenar bagi setiap perkataan tersebut. Mereka juga tidak ditekankan tentang kepelbagain makna yang mungkin terhasil daripada kepelbagaian struktur dan situasi penggunaan perkataan-perkataan tersebut.

Manakala teori-teori pendidikan moden melihat bahasa dari perspektif yang berbeza, ia menganggap bahasa adalah merupakan medium yang berkesan bagi membentuk kebudayaan bangsa secara umumnya (Abdul Rahman 2000:137-139). Hal ini kerana bahasa merupakan cerminan kepada masyarakat di mana setiap individu dalam masyarakat tersebut menggunakan bahasa untuk berkomunikasi sesama mereka. Dari sini jelaslah peri pentingnya bahasa dalam kehidupan manusia dan betapa utuhnya perkaitan di antara keduanya.

Justeru, pada masa kini pengajaran bahasa tidak lagi mengikut metod lama, para pelajar dididik tentang cara-cara menggunakan bahasa dengan cara yang betul mengikut kaedah penggunaannya yang sebenar umpamanya mereka tidak lagi hanya menghafal kaedah-kaedah tatabahasa (al-Nahlawi 2001:211). Pelajar dibekalkan dengan latihan-latihan amali dalam menggunakan bahasa berdasarkan kepada situasi yang berbeza sama ada secara lisan mahupun penulisan. Begitu juga mereka didedahkan dengan pelbagai karya sastera dengan penumpuan kepada elemen-elemen keindahan dan penghayatan maknanya agar proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa menjadi lebih menarik, berkesan dan sempurna.

Bagi mencapai tujuan tersebut, metod P&P bahasa lebih berorentasikan kepada pengaplikasian bahasa, (Abdul Rahman 2000:140) di mana para pelajar diberikan pendedahan yang lebih memfokuskan kepada penguasaan empat kemahiran asas bahasa iaitu bertutur, mendengar, menulis dan membaca. Melalui kaedah ini, para pengajar akan melatih pelajar untuk mengungkapkan apa yang mereka kehendaki dengan sempurna, melatih mereka mendengar ungkapan orang lain yang ditujukan kepada mereka dan memahaminya, selanjutnya mampu menulis dengan tetknik-teknik yang betul dan mampu pula membaca pelbagai bentuk bahan bacaan dan memahaminya serta menyampaikan maksudnya semula kepada orang lain.

## 2.8 Pengajaran Bahasa Arab.

Di negara kita Malaysia, pengajaran bahasa terutama di sekolah-sekolah lebih tertumpu kepada bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan. Di samping itu, bahasa Inggeris juga diberi penekanan utama memandangkan kedudukannya sebagai bahasa utama dunia pada masa kini. Manakala bahasa Arab pula menjadi subjek pilihan di kalangan pelajar terutama bagi mereka yang mengikuti pengajian aliran agama.

Pada masa dahulu, pengajaran bahasa Arab secara rasminya hanya bermula di peringkat sekolah menengah, di mana pelajar ini selepas menamatkan pengajian di sekolah rendah boleh memilih aliran pengajian mereka sendiri. Bagi yang memilih aliran agama, mereka akan mempelajari subjek-subjek berkaitan bahasa Arab. Penawaran subjek-subjek bahasa Arab ini tidak hanya terhad di sekolah-sekolah agama semata-mata bahkan ia semakin meluas sehingakan sekolah menengah aliran biasa (kebangsaan) turut sama menawarkan beberapa kelas khas bagi pelajar yang mahu mengambil subjek-subjek ini.

Bersama peredaran masa, pengajaran bahasa Arab di Malaysia semakin berkembang dan pada masa kini dengan pengenalan program j-QAF (Jawi, Al-Quran, Fardhu Ain dan Bahasa Arab) pada April 2004 (www.moe.org.my). Beberapa sekolah terpilih telah dipilih sebagai sekolah perintis pada peringkat awal perjalanan program ini, selanjutnya pengajaran bahasa Arab telah pun bermula semenjak di peringkat sekolah rendah lagi. Usaha ini dilihat mampu membawa kepada peningkatan tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab, memandangkan para pelajar ini telah mula didedahkan tentang asas-asas bahasa Arab semenjak di peringkat awal lagi.

Didapati juga, subjek bahasa Arab ini kebiasaannya dipelajari oleh pelajar yang beragama Islam yang majoritinya berketurunan Melayu. Tidak dapat dinafikan perkaitan rapat antara agama Islam dengan bahasa Arab menjadi pendorong utama kepada mereka untuk mendalami bahasa ini. Tambahan pula bagi pelajar yang telah memilih aliran agama, maka penguasaan bahasa Arab merupakan kunci utama bagi mereka mendalami dan menguasai ilmu-ilmu agama yang kebanyakkan sumber rujukan utamanya ditulis dalam bahasa Arab.

Pada hari ini pelajar yang memilih aliran agama di sekolah menengah, mempelajari subjek bahasa Arab dalam empat peringkat. Peringkat pertama bermula dari tingkatan 1 hinggalah ke tingkatan 3, di mana selepas itu mereka akan mendudukki peperiksaan Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) yang terdapat padanya kertas subjek bahasa Arab. Peringkat kedua bermula dari tingkatan 4 hinggalah ke tingkatan 5 di mana pelajarnya akan mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).(www.moe.org.my)

Bagi pelajar yang tidak berpeluang menyambung pelajaran mereka di pusat matrikulasi atau di mana-mana pusat pengajian tinggi, mereka masih boleh meneruskan pengajian mereka dengan mengambil subjek-subjek bahasa Arab di peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Akan tetapi sehingga sekarang siji ini hanya ditawarkan kepada pelajar sekolah-sekolah agama negeri sahaja. Bagi pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama pula mereka berpeluang untuk menyambung pelajaran mereka di tingkatan 6 Bawah dan Atas bagi mendudukki peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Kedua-dua sijil ini (STAM dan STPM) juga mengandungi subjek bahasa Arab dan berbekalkan kelulusan yang bersesuaian para pelajar boleh melanjutkan pengajian mereka di pusat-pusat pengajian tinggi. (www.moe.org.my)

Pada peringkat pengajian tinggi pula, para pelajar berpeluang melanjutkan pengajian mereka dalam subjek-subjek bahasa Arab, terutama bagi pelajar yang meneruskan pengajian mereka dalam pelbagai bidang pengajian Islam. Subjek-subjek bahasa Arab menjadi subjek teras yang wajib diambil oleh pelajar-pelajar ini, seperti yang terdapat di beberapa universiti yang menawarkan pelbagai program pengajian Islam seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan pusat-pusat pengajian tinggi awam mahupun swasta lain. Manakala pelajar yang tidak mengikuti pengkhususan pengajian Islam, mereka juga ditawarkan dengan subjek bahasa Arab sebagai subjek pilihan terutama dalam usaha meningkatkan keupayaan mereka berkomunikasi dalam pelbagai bahasa.

Tidak kurang juga pelajar yang menjadikan bahasa Arab sebagai bidang pengkhususan mereka dengan mengikuti pelbagai program pengajian di beberapa institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta tempatan bahkan ada yang berpeluang melanjutkan pengajian mereka di beberapa universiti Timur Tengah. Para pelajar ini

kelak berpotensi untuk menjawat pelbagai jawatan di sektor swasta mahupun kerajaan seperti menjadi guru, pegawai agama, imam, penterjemah, pegawai tadbir, pegawai perhubungan, peniaga, diplomat dan lain-lain lagi.

Sekarang ini, bahasa Arab bukan lagi terhad kepada orang Islam sahaja, ramai mula meminati dan mempelajarinya bukan hanya di negara kita bahkan di seluruh dunia. Di negara kita sahaja, ramai sudah menyedari kepentingan bahasa Arab ini. Mereka mula menyedari bahasa Arab bukanlah sekadar bahasa agama sahaja, bahkan ia boleh dijadikan sebagai bahasa ekonomi dan perdagangan, perlancongan, perindustrian dan sebagainya. Dengan wujudnya pelbagai peluang ekonomi, seperti peluang pekerjaan dan pelaburan yang berskala besar di negara-negara Arab terutamanya di rantau Teluk Parsi, ramai mula berminat untuk mempelajari bahasa Arab yang menjadi bahasa pertuturan masyarakat di rantau tersebut.

Kebanjiran pelancong Arab di negara kita juga telah memperlihatkan usaha gigih pelbagai pihak kerajaan mahupun swasta dalam mencari dan menyediakan tenaga-tenaga yang mahir berkomunikasi dalam bahasa Arab. Bermula dari lapangan terbang sehinggalah ke pusat-pusat peranginan dan hotel-hotel serta gedung-gedung membeli-belah, mereka yang mahir berkomunikasi dalam bahasa Arab amatlah diperlukan. Ini jelas menunjukkan bahawa kepentingan bahasa Arab bukan hanya terbatas kepada tujuan-tujuan agama sahaja, bahkan ia lebih jauh daripada itu, dengan mencakupi segenap bidang ekonomi, sosial, ilmu pengetahuan mahupun politik antarabangsa.

## 2.9 Objektif Pengajaran Subjek Balaghah

Kebiasaannya subjek Balaghah dikaitkan dengan subjek sastera Arab di mana pelajar didedahkan dengan pelbagai bentuk karya sastera terpilih bermula dari zaman sebelum Islam sehinggalah ke karya-karya moden pada masa kini (al-Rikabi 1996:207). Justeru subjek Balaghah ini memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar memahami dan menghayati karya-karya sastera tersebut, bahkan pada peringkat yang lebih tinggi, pelajar ini mampu pula mengemukakan pandangan, penilaian dan kritikan mereka terhadap karya-karya tersebut (al-Nahlawi 2001:216). Semua ini adalah

merupakan intipati ilmu sastera yang mana ilmu Balaghah dan ilmu kritikan sastera turut bernaung di bawahnya.

Secara amnya subjek Balaghah bertujuan: (al-Rikabi 1996:208)

1- Membolehkan pelajar menggunakan bahasa Arab dengan sempurna dan mampu menyatakan maksud atau tujuan yang mereka kehendakki dengan cara yang bersesuaian dengan keadaan dan persekitaran.
2- Meningkatkan keupayaan para pelajar dalam memahami makna karya-karya sastera dengan mengenal pasti unsur-unsur keindahan yang terdapat padanya.
3- Membantu usaha memupuk citarasa bahasa dan citarasa sastera yang tinggi di kalangan pelajar.
4- Mendedahkan kepada pelajar kaedah-kaedah bacaan dan kajian sastera yang tepat dalam usaha memahami sesebuah karya sastera.
5- Mempelajari teknik-teknik penyusunan dan penyampaian kata-kata secara berkesan melalui pendedahan yang meluas terhadap pelabagi bentuk karya sastera bermutu tinggi
6- Membolehkan pelajar mengenal pasti tahap dan kualiti sesuatu karya sastera dengan memberikan penilain yang tepat terhadapnya dan mampu membezakan mana-mana karya sasatera sama ada ia rendah mutunya, baik ataupun yang terbaik.
7- Meluaskan skop pembacaan para pelajar terhadap pelbagai jenis dan bentuk karya sastera dengan menerangkan kepada mereka ciri-ciri khusus setiap jenis karya sastera dan perbezaan di antara sesuatu bentuk sastera dengan yang lain.
8- Membantu sasterawan muda yang terdiri dari kalangan pelajar dengan mengasah bakat mereka, melalui pendedahan dan latihan berkaitan kaedah-kaedah yang terdapat dalam ilmu Balaghah, selanjutnya dapat dijadikan oleh mereka sebagai bekalan yang sempurna dalam menghasilkan karya sastera bermutu tinggi.

## 2.10 Prinsip Asas Pengajaran Subjek Balaghah

Terdapat beberapa prinsip asas yang perlu diberi pertimbangan wajar berkaitan pengajaran subjek Balaghah, agar objektif dan sasaran yang ditetapkan dari subjek ini

dapat dicapai dengan sempurna. Prinsip-prinsip asas ini adalah berpandukan kepada bentuk dan isi kandungan subjek Balghah itu sendiri, di samping kesesuainnya dengan persekitaran pelajar. Antara prinsip asas tersebut ialah: (Ahmad 1983:289-291)

1- Subjek Balaghah perlu dikaitkan dengan ilmu sastera terutama yang berkaitan dengan teks-teks sastera dan ilmu kritikan sastera agar para pelajar dapat melihat denga jelas perkaitan di antara elemen-elemen tersebut, di samping ia dapat membantu dalam menentukan kualiti sesuatu karya sastera. Melalui cara ini juga, pelajar dapat dipupuk citarasa bahasanya dalam menghayati karya sastera yang berkualiti. Prinsip ini menjadikan ilmu Balaghah bukanlah sekadar teori dan kaedah untuk dihafal sahaja akan tetapi pengaplikasian setiap teori dan kaedahnya turut diberi perhatian yang utama.

2- Membimbing para pelajar agar memahami teks-teks sastera. Sebelum pelajar didedahkan dengan pelbagai elemen Balghah yang terdapat dalam karya sastera, maka pelajar seharusnya terlebih dahulu memahami makna am keseluruhan karya tersebut. Mereka seharusnya mengenalpasti tema, tujuan utama dan isi-isi penting yang terdapat di dalamnya sebelum melangkah dengan lebih jauh dengan mencari dan menghurai setiap elemen Balaghah yang digunakan oleh penulis dalam karyanya itu.

3- Menggabungkan setiap cabang ilmu Blaghah dalam bentuk aplikasi. Ilmu Balaghah yang terbahagi kepada 3 cabang ilmu utama iaitu seni *al-Bayan, al-Ma$^{c}$ani* dan *al-Badi$^{c}$*, setiap satunya pula mempunyai pelbagai topik perbincangan yang khusus. Walaubagaimanapun, pembahagian ilmu dan seni-seni ini tidak seharusnya menjadikannya terpisah di antara satu dengan yang lain. Seharusnya setiap topik itu perlu dirangkumkan melalui perkaitan yang wujud di anataranya, terutama dalam bentuk pengaplikasian teori dan kaedah Balaghah. Sebagai contohnya topik *al-Jinas* الجناس dan *al-Saja$^{c}$* السجع mempunyai perkaitan yang kuat di antara kedua-duanya iaitu kedua-dua tajuk ini membawa kepada perbincangan berkaitan kesepaduan bunyi (intonasi) . Persoalan *al-Tauriah* التورية , *al-Muqabalah* المقابلة dan *al-Tibaq* الطباق pula dilihat saling berkait dari aspek makna dan amat sesuai untuk dirangkumkan semasa pengaplikasian ilmu Balaghah.

4- Latihan-latihan pengukuhan – Pengajaran subjek Balaghah tidak akan mencapai sasaran yang ditetapkan melainkan dengan pelbagai latihan yang mampu menggukuhkan kefahaman pelajar terhadap setiap topik yang telah mereka pelajari. Latihan-latihan ini meliputi latihan bertulis mahupun latihan lisan.

5- Hubung kait subjek Balaghah dengan subjek-subjek bahasa yang lain- Ilmu-ilmu bahasa Arab seperti yang dinyatakan sebelum ini, saling berkait rapat dan setiap daripadanya berpadu dan membentuk satu binaan yang kukuh. Ilmu Balaghah itu sendiri berkait rapat dengan ilmu sastera kerana setiap daripadanya mempunyai asas tujuan yang sama iaitu memupuk citarasa bahasa mahupun citarasa sastera di kalangan pelajar. Medium utama yang digunakan oleh kedua-dua ilmu ini juga sama iaitu teks-teks sastera. Perkaitan kukuh juga dapat dilihat antara subjek Kemahiran Membaca مهارة القراءة dengan subjek Balaghah, ini kerana teks-teks bacaan yang dibaca dan dikaji itu juga mengandungi pelbagai bentuk penggunaan kaedah-kaedah ilmu Balaghah. Justeru pelajar perlulah terlebih dahulu memahami makna yang terkandung di dalam teks bacaan mereka dengan mengaplikasikan ilmu yang telah mereka perolehi melalui subjek Balaghah. Subjek Balaghah juga berkait rapat dengan subjek Kemahiran Bertutur ( مهارة المحادثة ) kerana Balaghah juga mengkaji dengan teliti syarat-syarat *Fasahah* ( kelancaran percakapan). Ilmu Balaghah telah menyatakan dengan jelas syarat-syarat bagaimanakah bentuk penggunaan kata-kata yang tepat dan bagaimana pula bentuk-bentuk penggunaannya yang tidak tepat. Pengunaan kata-kata ini meliputi semua aspek penggunaan bahasa sama ada dari segi penggunaan perkataan, struktur ayat mahupun makna ayat itu sendiri. Perkara yang sama juga dikaji dalam subjek Kemahiran Bertutur yang turut melatih pelajar berkomunikasi dalam bahasa Arab secara tepat dan berkesan.

## 2.11 Teknik-teknik Am Pengajaran Subjek Balaghah

Berdasarkan kepada prinsip-prinsip am pengajaran subjek Balaghah, maka secara umumnya teknik pengajaran subjek ini hendaklah meliputi perkara-perkara berikut: (Abdul Rahman 2000:142-147)

1- Pemilihan teks-teks sastera- teks-teks sastera dan contoh-contoh penggunaan kaedah-kaedah ilmu Balagah ini hendaklah dipilih dengan teliti terutama dengan melihat kepada kesesuaian tahap pelajar sasaran. Justeru, teks yang dipilih itu berbeza dari satu peringkat ke peringkat pembelajaran, misalnya pada peringkat permulaan contoh-contoh yang digunakan bersifat ringkas dan mudah difahami, manakala pada peringkat yang lebih tinggi, para pelajar perlulah diberi pendedahan yang lebih luas dengan menggalakkan pembacaan tambahan dan bukan hanya terhad kepada teks-teks terpilih sahaja.

2- Teks-teks yang terpilih itu hendaklah dibincangkan di dalam kelas, bermula dengan pengenalan umum berkisar tentang teks tersebut sebelum disusuli dengan pembacaan yang betul, penerangan, analisis, seterusnya perbincangan dan soal jawab.

3- Memilih daripada teks bacaan tersebut, beberapa contoh penggunaan elemen-elemen Balaghah dan mengkajinya dengan lebih teliti sama ada secara penjelasan dan penerangan atau dengan membawa contoh-contoh lain berkaitan sebelum diakhiri dengan soalan jawab dan perbincangan umum.

4- Membuat perbandingan antara bentuk penggunaan yang terdapat dalam teks bacaan tersebut dengan bentuk penggunaan biasa yang juga membawa maksud sama. Melalui perbandingan ini pelajar dapat mengenal pasti elemen kekuatan dan keindahan bahasa yang terdapat dalam ungkapan Balaghah. Mereka juga akan dapat mengenal pasti sejauh mana kesan penggunaan elemen Balaghah di dalam ungkapan tadi kepada para pembaca berbanding penggunaan ungkapan biasa. Selanjutnya pelajar akan mengetahui kepentingan penggunaan ungkapan-ungkapan Balaghah dalam percakapan mereka.

5- Selepas para pelajar memahami topik Balaghah yang telah dibincangakan itu, mereka diminta pula untuk mengeluarkan sendiri kaedah-kaedah Balaghah berdasarkan kepada kefahaman mereka. Perkara ini penting bagi memastikan mereka mampu mengaplikasikannya dalam bentuk penggunaan yang berbeza-beza.

6- Latihan-latihan pengukuhan dan susualan hendaklah dijawab oleh pelajar dan dibincangkan bersama guru. Latihan-latihan ini mengandungi pelbagai bentuk

penggunaan kaedah-kaedah Balaghah yang telah dipelajari itu dan contoh-contoh yang lain yang masih lagi berkait dengan topik tersebut. Selain daripada itu, guru boleh memilih latihan-latihan lain berkaitan pelajaran-pelajaran lepas terutama yang mempunyai perkaitan rapat dengan tajuk terkini, ataupun memilih teks-teks baru yang mempunyai pelbagai bentuk penggunaan kaedah Balaghah yang sama. Setelas berpuas hati dengan tahap kefahaman dan pencapaian pelajar terhadap topik tersebut, maka bolehlah berpindah ke topik yang selanjutnya.

# BAB III
# SUBJEK BALAGHAH SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

## 3.1 - SUKATAN SUBJEK BALAGHAH STAM

Subjek Balaghah di peringkat STAM merupakan subjek tersendiri yang mempunyai sukatan dan buku teks yang digubal khusus oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama *Ma$^c$had Bu$^c$uth al-Islamiyah al-Azhar*, Republik Arab Mesir. Sukatannya berpandukan kepada sukatan pelajaran yang digunakan di Sekolah-sekolah Menengah al-Azhar, Mesir. Turut terlibat dalam penyediaaan dan penyemakan silibus adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Buku Teks (BBT) dan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) ( Lembaga Peperiksaan Malaysia 2003: 1). Secara keseluruhannya, sukatan pelajaran tersebut bolehlah dibahagikan kepada dua komponan besar yang juga merupakan pecahan utama ilmu Balaghah. Pertama ilmu *Ma$^c$ani* dan yang keduanya ialah ilmu *Badi$^c$*.

Ilmu *Ma$^c$ani* terbahagi kepada tiga bahagian utama, iaitu:

| |
|---|
| الإنشاء |
| الفصل والوصل |
| الإيجاز |

Ilmu *Badi$^c$* pula terbahagi kepada dua bahagian utama, iaitu :

| |
|---|
| المحسنات اللظفية |
| المحسنات المعنوية |

Perbincangan Ilmu *Ma$^{c}$ani* dalam tiga bahagian utama di atas adalah seperti rajah di bawah:

(1)

| | | |
|---|---|---|
| التمنى | الإنشاء | علم المعاني |
| الأمر | | |
| الاستفهام | | |
| كمال الاتصال | الفصل والوصل | |
| كمال الانقطاع | | |
| شبه كمال الانقطاع | | |
| شبه كمال الاتصال | | |
| كمال الانقطاع بلا إيهام | | |
| كمال الانقطاع مع الإيهام | | |
| التوسط بين الكمالين مع وجود الجامع | | |
| مبحث الجامع | | |
| محسنات الوصل | | |
| الإيجاز | الإيجاز | |
| الإطناب | | |
| المساواة | | |

Perbincangan Ilmu *Badi$^{c}$* pula dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu:

| | | |
|---|---|---|
| الطباق | المحسنات اللظفية | علم البديع |
| المقابلة | | |
| التورية | المحسنات المعنوية | |
| المبالغة | | |
| حسن التعليل | | |
| تأكيد المدح بما يشبه الذم وعكسه | | |
| براعة الاستهلال | | |

Sukatan pelajaran terperinci bersama tajuk-tajuk bagi subjek Balaghah peringkat STAM ini adalah seperti berikut: (BPK, Kementerian Pelajaran Malaysia 2003: 11)

**الكلام الإنشائى**

تقسيم الجملة إلى :

(١) الخبرية:

الخبر الصادق

الخبر الكاذب

(٢) الإنشائية :

تقسيم الكلام الإنشائى إلى:

(١) إنشاء طلبى:

وهى: التمنى والاستفهام والأمر والنهى والنداء.

(٢) غير طلبى:

ومنها المدح والذم والقسم والرجاء والتعجب وصيغ العقود

( ١ )

**التمنى**

معنى التمنى

وأداته

الأدوات المستعملة فيها مجازا (بمعنى التمنى)

- هل وأمثلتها
- لو وأمثلتها
- هلا وألا ولولا ولوما وأمثلتها
- لعل وأمثلتها

( ٢ )

**الأمر**

معنى الأمر

المعاني المجازية للأمر وأمثلتها

- الإباحة
- التهديد
- التعجيز
- التسخير
- الإهانة
- التسوية،
- التمنى
- الالتماس
- الدعاء،
- الامتنان والإكرام والتعجب،

( ٣ )

**الاستفهام**

معناه

ألفاظه ومعانيه وأمثلته

- أ :

- هل :

- ما، من، أى، كم، كيف، أين، أنى، متى، أيان

استعمال هذه الحروف

المعانى المجازية لها وأمثلتها

- الاستبطاء، التعجب

- التنبيه

- الوعيد

- التقرير

- الإنكار

- التهكم

- التحقير

- التهويل

- الاستبعاد

## الفصل والوصل

- معنى الوصل
- معنى الفصل

( ١ )

## الفصل

مواضع الفصل

١ - كمال الاتصال

معناه وصوره وأمثلته

- التوكيد
- البدل
- العطف

٢ - شبه كمال الانقطاع

معناه وصوره

٣ - شبه كمال الاتصال

معناه وصوره

٤ - كمال الانقطاع بلا إيهام

معناه و صوره

( ٢ )

## الوصل

مواضع الوصل

١ - كمال الانقطاع مع الإيهام

٢ - التوسط بين الكمالين مع وجود الجامع

الجامع

## الإيجاز والإطناب والمساواة

( ١ )

## الإيجاز

معناه وتقسيمه

١ - إيجاز القصر

٢ - إيجاز الحذف: وأنواعه

- حذف المفرد

- حذف المسند إليه
- حذف متعلقات الفعل
- حذف المضاف أو مضاف إليه
- حذف الموصوف أو الصفة
- حذف القسم أو جوابه
- حذف الشرط أو جوابه
- حذف جملة واحدة
- حذف أكثر من جملة

أدلة الحذف

- دلالة الفعل على الحذف وتعيين العرف على المحذوف
- دلالة العقل وحده على الحذف وتعيين المحذوف
- دلالة العقل والشروع فى الفعل على تعيين المحذوف

( ٢ )

**الإطناب**

أنواعه وأمثلتها

- التكرير
- ذكر الخاص بعد العام
- الاعتراض
- الاحتراس
- التذييل

( ٣ )

**المساواة**

معناه وصوره وأمثلته

**علم البديع**

**تاريخ نشأته وتعريفه ومترلته**

( ١ )

**المحسنات اللفظية**

(١,١)

**الطباق**

معناه لغة واصطلاحا

أنواع التقابل

صورة الطباق

١ - بين لفظين اسمين

٢ - بين لفظين حرفين

٣ — بين لفظين اسم وفعل

أقسام الطباق

١ - طباق الإيجاب:

٢ - السلب:

ا - أمر ونهى

بـ - مثبت ومنفى

( ٢ )

**المقابلة**

معنى المقابلة

صور المقابلة

١ - معنيين

٢ - مقابلة ثلاثة بثلاثة

٣ - مقابلة أربعة بأربعة

٤ - مقابلة خمسة بخمسة

٥ - مقابلة ستة بستة

( ٣ )

**التورية**

معناها وأقسامها وأمثلتها

مرشحة

مجردة

(٤)

**المبالغة**

معناها أقسامها وأمثلتها

(٥)

**حسن التعليل**

معناه وتقسيمه وأمثلته

الوصف الثابت:

الوصف غير ثابت:

(٦)

**تأكيد المدح بما يشبه الذم**

معناه وتقسيمه وأمثلته

(٧)

**تأكيد الذم بما يشبه المدح**

معناه وتقسيمه وأمثلته

(٨)

**براعة الاستقلال**

معناه وتقسيمه وأمثلته

Dari aspek masa, kebanyakan sekolah agama yang menawarkan subjek-subjek STAM, tempoh pengajiannya adalah selama setahun, bermula selepas pelajar menduduki peperiksaan SPM iaitu pada tingkatan 6 Bawah. Hal ini juga berlaku pada sekolah-sekolah agama negeri Selangor di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), kecuali Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang (KISAS) yang menawarkan program selama 2 tahun kepada para pelajar jurusan STAM mereka. Ini bermakna para pelajar ini mempelajari subjek-subjek STAM termasuklah subjek Balaghah pada tingkatan 6 Bawah dan 6 Atas. KISAS diletakkan di bawah kelolaan Bahagian Sekolah Berasrama Penuh,

Kementerian Pelajaran Malaysia (SBP, KPM) dan ia merupakan satu-satunya sekolah menengah agama kelolaan Kementerian Pelajaran yang menawarkan peperiksaan STAM kepada pelajarnya.

Bagi pelajar di sekolah kelolaan JAIS topik-topik Balaghah yang terdapat pada peringkat STAM ini bukanlah asing kepada mereka, ini kerana mereka sudahpun didedahkan kepada asas-asas dan tajuk-tajuk penting mengenai subjek ini bermula dari tingkatan 4 dan 5 lagi melalui sukatan peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA).(JAIS 2003:17) Program ini dianggap sebagai pendedahan awal kepada para pelajar tersebut sebelum melanjutkan pengajian mereka pada peringkat yang lebih tinggi nanti. Sebenarnya pelajar tersebut bukan hanya didedahkan dengan topik-topik penting subjek Balaghah sahaja akan tetapi bolehlah dikatakan semua subjek STAM telah mula diajar kepada para pelajar bermula dari tingkatan 4 lagi.

Selain daripada itu, subjek Bahasa Arab Tinggi yang menjadi subjek wajib kepada pelajar-pelajar ini di peringkat SPM juga mengandungi beberapa topik penting dalam ilmu Balaghah yang akan terus dipelajari oleh mereka secara lebih mendalam apabila melangkah ke peringkat STAM nanti. Maka dari sini dapatlah disimpulkan bahawasanya para pelajar ini sememangnya telah mendapat pelbagai pendedahan yang meluas berkaitan topik-topik Balaghah, cuma pada peringkat STAM, mereka mempelajari subjek Balaghah sebagai sebuah subjek yang tersendiri dan bukan lagi diselitkan bersama subjek bahasa Arab secara umum.

## 3.2 - BUKU TEKS

Seperti yang telah dinyatakan, subjek Balaghah peringkat STAM ini menggunakan buku teks tersendiri yang digubal dan disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan mendapat kerjasama penuh *Ma$^{c}$had Bu$^{c}$uth al-Islamiyah al-Azhar*, Mesir. Buku teks tersebut adalah berasaskan kepada buku asal yang diguna pakai di Sekolah-sekolah Menengah al-Azhar dengan diberi nama *Miftah al-Balaghah* (Kunci al-Balaghah). Ia disusun oleh dua orang pensyarah mereka sendiri iaitu Doktor

Muhammad Muhammad Khalifah dan Abdul al Hakim Hasan Na$^{c}$na$^{c}$. Penyusunan semula buku tersebut dilakukan di Malaysia oleh panel penyusun dan disemak oleh panel penyunting dan penyemak yang dilantik oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Buku teks sekarang ini ( Cetakan Pertama tahun 2002 dan mula digunakan pada tahun 2003 serta peperiksaan pertama berdasarkan kepada sukatan pelajaran baru ini bermula pada tahun 2004.) (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2003: 1) menonjolkan imej baru kepada buku teks yang digunakan sebelum ini bagi sijil STAM yang bermula pada tahun 2000. Persembahannya berbeza dari buku teks asal dan corak penyusunannya juga turut berubah (Khalifah & Na$^{c}$na$^{c}$ : 2002: 7). Secara keseluruhannya buku teks ini dimulai dengan pendahuluan kepada tajuk utama, diikuti oleh contoh-contoh dan perbincangan dengan penjelasan yang teliti. Kesimpulan bagi setiap topik perbincangan dimuatkan pada akhir setiap tajuk perbincangan. (Khalifah & Na$^{c}$na$^{c}$ : 2002: 16)

Dari sudut persembahannya, buku teks ini mudah untuk dibaca dan difahami kerana susunan perbincangannya jelas dan tidak merumitkan. Begitu juga latihan amali didatangkan pada setiap tajuk bagi menguji sejauh manakah kefahaman pelajar terhadap tajuk yang dipelajarinya. Bagi membantu pelajar melaksanakan tugasan sendiri, jawapan disediakan bagi setiap latihan. (Khalifah & Na$^{c}$na$^{c}$ : 2002: 48)

Dari sudut penulisan teks pula ia ditulis dengan tulisan khat *Nasakh* bersais 26/16. Tulisannya jelas dan terang yang boleh membantu menarik minat pelajar untuk membacanya. Penulisan teksnya dilengkapi dengan tanda-tanda bacaan yang sempurna terdiri daripada titik, koma, tanda soal, tanda seru, titik bertindih dan sebagainya. Perkataan yang hendak dijelaskan dalam ayat diletakkan dalam kurungan. Teksnya disusun mengikut susunan yang teratur melalui kaedah perenggan bernombor. Contoh dari ayat-ayat al-Quran ditulis dengan tulisan Osmaniyyah *rasm uthmaniyy* yang diambil terus daripada al-Quran dan diletakkan dalam kurungan bertindih dua. Begitu juga contoh dari syair Arab ditulis dalam baris yang berasingan dan diletakkan baris pada perkataannya untuk memudahkan pembacaan dan pemahaman maksudnya.

Tajuk-tajukdalam buku teks ini disusun rapi mengikut keutamaan, bagi tajuk-tajuk kecil (*subtopic*) ia disusun mengikut nombor yang berturutan. Begitu juga perinciannya dijelaskan melalui rajah-rajah yang mudah difahami.

Seperti yang telah dinyatakan, buku teks ini membahagikan asas perbincangannya kepada dua topik perbincangan utama iaitu ilmu *Ma^c^ani* dan ilmu *Badi^c^*. Setiap perbincangan utama ini pula, dipecahkan kepada tajuk-tajuk utama seperti berikut: (Khalifah & Na^c^na^c^ : 2002: 6)

(١)

| علم المعانى |
|---|
| الإنشائى |
| الفصل والوصل |
| الإيجاز والمساواة |

(٢)

| علم البديع |
|---|
| الطباق |
| المقابلة |
| التورية |
| المبالغة |
| حسن |
| التعليل |
| تأكيد المدح بما يفيد الذم وعكسه |
| براعة الاستقلال |

Setiap daripada tajuk-tajuk utama ini dibahagikan pula kepada tajuk-tajuk kecil. Persembahan tajuk-tajuk ini secara umumnya menarik, kerana ia didahului dengan pengenalan setiap tajuk yang diikuti dengan contoh-contoh bagi menjelaskan lagi isi

kandungan dan bahan perbincangan sebelum disusuli dengan penerangan tentang tajuk-tajuk kecil atau subtopic yang berkaitan. Persembahan isi perbincangan dan pembahagian turut diperhalusi dan diperkemaskan. Setiap perbincangan diakhiri dengan kesimpulan yang menggariskan isi-isi penting yang perlu diberi perhatian lebih oleh pelajar. Latihan dan juga jawapan dilengkapkan di akhir setiap perbincangan bagi membantu pelajar dalam memahami dan membuat latihan kendiri. Buku tersebut secara amnya mudah difahami dengan susunannya yang menarik. Ia memberikan satu imej baru yang lebih segar bagi subjek ini.

## 3.3. PEPERIKSAAN

Bagi subjek Balaghah peringkat STAM (No. Kod S110 BALAGHAH), Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia ( LPM KPM) bertanggungjawab penuh dalam mengadakan perekaan bentuk instrumen bagi menghasilkan format pentaksiran dengan merujuk kepada kurikulum yang telah digariskan bagi subjek ini (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2003: 1). Format pentaksiran bagi subjek Balaghah tersebut telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat, Kementerian Pendidikan Malaysia (sekarang Kementerian Pelajaran Malaysia) Bil. 1/2003 pada 10 Januari 2003 dan mula bernuatkuasa bagi peperiksaan bermula tahun 2004. (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2003: 2)

Antara objektif pentaksiran subjek Balaghah ialah: (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2003: 2)

1- Pengetahuan dan kefahaman tentang ilmu *Ma$^c$ani* dan ilmu *Badi$^c$*

2- Pengetahuan dan Kefahaman tentang gaya bahasa dan pelbagai ilmu Retorik

3- Pemahaman dan kemahiran mencerakin gaya bahasa retorik daripada al-Quran, Hadis dan Kesusateraan Arab.

4- Pemahaman dan kemahiran mengaplikasi gaya bahasa retorik dari segi ilmu *Ma$^c$ani* dan ilmu *Badi$^c$* di dalam penulisan.

5- Kemahiran mengumpul maklumat berkaitan ilmu *Ma$^c$ani*, ilmu *Badi$^c$* dan ilmu Retorik.

Manakala format pentaksiran bagi subjek ini pula menggunakan dua instrumen iaitu Ujian Subjektif dengan diberikan kod – " Kertas 1 (Kod S110/21) " dan yang kedua ialah Kerja Kursus– " Kertas 2 ( Kod S110/41) . Perincian tentang kedua-dua instrumen tersebut adalah seperti jadual berikut: ( Lembaga Peperiksaan Malaysia 2003: 5)

| Bil. | Perkara | Kertas 1 (S110/21) | Kertas 2 (S110/41) |
|---|---|---|---|
| 1 | Jenis Instrumen | Ujian Subjektif | Kerja Kursus |
| 2 | Jenis Item | Respond Terhad & Berstruktur | Respon Terbuka |
| 3 | Bilangan Soalan | 7 Soalan Berstruktur (Jawab 5 sahaja) | 4 Soalan Pilihan (Jawab 1 sahaja) |
| 4 | Jumlah Markah | Jumlah Markah : 100<br>Wajaran 70 % | Jumlah Markah : 160<br>Wajaran 30 % |
| 5 | Tempoh Ujian | 2jam 30 Minit | Daripada Januari hingga Julai |
| 6 | Wajaran Konstruk | Pengetahuan – 50 %<br>Pemahaman – 30 %<br>Kemahiran – 20 % | Pengetahuan & Kefahaman – 20 %<br>Kemahiran – 60 %<br>Nilai – 20 % |
| 7 | Cakupan Konteks | Mencakupi Semua Tajuk dalam Sukatan | Mencakupi Penggunaan Ilmu Balaghah |

Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia bertanggungjawab sepenuhnya mengurus dan menyelia peperiksaan STAM, bagi peperiksaan kertas 1 pelajar diminta menjawab 5 soalan subjektif daripada 7 soalan yang terdapat dalam buku soalan. Peperiksaan selalunya diadakan pada bula Oktober setiap tahun. Masa yang diperuntukan pula ialah 2 jam 30 minit. Jawapan pelajar akan disemak oleh panel yang dilantik oleh pihak Lembaga Peperiksaan. Manakala bagi kertas 2 kerja kursus pula, pelajar diminta menjawab satu soalan dari 4 pilihan soalan. Pelajar diberi tempoh selama 7 bulan bagi menyediakan kerja kursus tersebut. Penilaian kerja kursus tersebut dilakukan oleh guru pelajar sendiri, sebelum disusuli oleh penilai kedua yang

dilantik khas oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2003: 12).

## 3.4 - KAEDAH PENGAJARAN SUBJEK BALAGHAH STAM

Balaghah yang menjadi teras kepada keindahan bahasa Arab hendaklah dipelajari dalam konteks penggunaan bahasa Arab yang menjadi contoh dan paksi utama kepadanya. Proses pembelajaran yang banyak digunakan pada hari ini lebih menumpukan aspek teori atau kaedah dan kurang memberi perhatian kepada konteks ayat atau bahasa Arab itu sendiri secara keseluruhannya. Proses pembelajaran lebih tertumpu kepada pengenalan dan kefahaman kepada teori semata-mata. Ini berlaku kerana buku teks yang menjadi rujukan utama pelajar dan guru juga lebih menumpukan kepada aspek teori dan kaedah berbanding pengaplikasian teori-teori tersebut.

Bagi menjana kemahiran dan penguasaan ilmu Balaghah dengan baik, proses pembelajaran hendaklah bermula dengan mengenali ayat bahasa Arab dan memfokuskan kepada keindahan dan keunikannya dengan berpandukan kepada kaedah-kaedah Balaghah yang telah digariskan (Ahmad 1983:289). Pelajar hendaklah memahami makna sesuatu ayat terlebih dahulu sebelum mengenali kaedah-kaedah Balaghah yang terdapat padanya. Kebiasaannya ayat-ayat yang menjadi contoh kepada kaedah ini terdiri daripada petikan teks-teks sastera Arab khususnya syair yang menjadi satu kesukaran kepada pelajar bukan Arab untuk memahaminya. Peranan guru penting dalam menghuraikan bait syair-syair tersebut supaya pelajar boleh memahami rahsia keindahan yang terdapat disebalik susunannya bagi membolehkan kaedah Balaghah diterapkan dengan sempurna.

Melihat kepada buku teks dan sukatan pelajaran subjek Balaghah yang diguna pakai untuk peperiksaan STAM, susunannya menarik kerana ia dimulakan dengan ayat-ayat contoh yang terdiri daripada syair dan prosa (dari Sastera Arab) (Khalifah & Na$^{c}$na$^{c}$ 2002:25). Bilangannya sedikit tetapi dapat memberi gambaran yang jelas kepada pelajar dan membolehkan proses pembelajaran berlaku melalui pendedahan kepada kandungan ayat-ayat bahasa Arab. Setiap topik diakhiri dengan latihan yang turut membincangkan tentang keindahan yang ada dalam ayat-ayat yang dimuatkan tersebut bagi menguji tahap kefaham pelajar terhadap topik yang telah dibincangkan.

Pembelajaran Balaghah hendaklah menggabungkan dua komponan utama ilmu Balaghah itu seniri. Komponen pertama ialah kaedah (teori) yang menjadi teras kepada ilmu tersebut. Manakala yang kedua adalah komponen bahasa yang menjadi bahan dan medan kepadanya. Aplikasi kaedah Balaghah hendaklah dilaksanakan dalam pelbagai bahan bacaan yang boleh membantu meningkatkan tahap kefahaman pelajar dalam tajuk tersebut. Semata-mata menghafal kaedah untuk lulus dalam peperiksaan tidak menjamin penguasaan yang baik. Ini boleh mengakibatkan pelajar tidak dapat menghayati keindahan ilmu Balaghah tersebut dengan baik. Bagi menjayakan pembelajaran subjek tersebut beberapa pendekatan perlu dirangka dengan sempurna, antaranya ialah:

- Menghubungkan ilmu Balaghah dengan teks-teks sastera lain supaya ia tidak menjadi asing kepada pelajar.
- Memberi kefahaman yang baik kepada pelajar terhadap teks sastera sebelum membincang kaedah-kaedah Balaghah.
- Menggunakan gaya bahasa semasa yang mudah difahami dalam proses penyampaian dan pengajaran ilmu Balaghah.
- Memberi penjelasan tentang kesinambungan antara sesuatu tajuk terutama pada tajuk-tajuk yang mempunyai persamaan atau hubung kait yang rapat.
- Memberi latihan yang berterusan kepada pelajar.
- Memberi kebebasan kepada pelajar untuk melakukan latihan kendiri dan mengeluarkan pendapat serta idea mereka sendiri tentang rahsia keindahan Balaghah.
- Menggalakkan pelajar untuk menghubungkan keindahan Balaghah dengan nilai-nilai naluri kerohanian dan kemasyarakatan bagi seseorang sasterawan.
- Membongkar kesinambungan idea yang terkandung dalam teks dengan kehidupan semasa dan sebaliknya.
- Menghubungkan ilmu Balaghah dengan cabang-cabang ilmu bahasa Arab yang lain.

Pendekatan ini dirangka bagi membolehkan penguasaan Balaghah dengan baik berlaku di kalangan pelajar seterusnya menjamin proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan mencapai sasarannya seperti yang telah ditetapkan.

Bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran subjek Balaghah beberapa kaedah pedagogi telah digariskan oleh ahli-ahli pendidikan bahasa Arab yang boleh diterapkan dalam proses P&P subjek ini, antaranya ialah: (Abdul Rahman 2000:142-147)

- Mendedahkan kepada pelajar melalui pembacaan pelbagai teks yang mengandungi tajuk-tajuk Balaghah yang diperlukan dalam pembelajaran dan menganalisa keindahan-keindahan bahasa dan kaedah-kaedahnya dengan mengambil kira langkah-langkah berikut mengikut susunan: Pendahuluan, pembacaan, penerangan, analisa dan perbincangan.
- Mengenal pasti ayat-ayat yang menjadi contoh bagi kaedah-kaedah Balaghah yang dipelajari.
- Mengemukakan kepada pelajar beberapa soalan yang berkaitan bagi membantu mereka memahami topik yang dipelajari dengan lebih baik.
- Membandingkan bentuk-bentuk dan juga gambaran Balaghah yang mempunyai persamaan dan hubung kait.
- Mengemukakan kaedah dan definisi sesuatu topik ilmu Balaghah hanya selepas pelajar dapat memahami gambarannya dengan baik.
- Memberi penekanan kepada pelajar untuk menjawab latihan-latihan yang diberi dan menyemak semula jawapan pelajar.

Langkah-langkah am ini digariskan lebih menjurus kepada pengajaran Balaghah kepada pelajar-pelajar Arab. Bagi pelajar-pelajar bukan Arab pendekatannya berbeza dari beberapa sudut. Langkah-langkah di atas masih boleh diguna pakai dengan dibuat sedikit penambahan dan pengubahsuaian bagi mengambil kira latar belakang pelajar bukan Arab terutama berkaitan kesukaran mereka dalam memahami dengan sempurna teks-teks sastera Arab.

Kaedah-kaedah P&P yang boleh ditambah untuk pengajaran Balaghah kepada pelajar bukan Arab khususnya di Malaysia ialah:

- Menganalisa teks dengan membincangkan makna perkataan, susunan ayat dan gaya imaginasi Balaghah Arab.
- Membandingkan gaya dan bentuk aplikasi Balaghah yang mempunyai persamaan dengan bahasa asal pelajar misalnya bahasa Melayu.
- Memberi fokus kepada kaedah-kaedah Balaghah dengan ringkas dan padat.

- Mempelbagaikan contoh melalui pelbagai petikan teks yang berbeza dan mudah difahami oleh pelajar.
- Memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi, seperti berbincang, menjawab dan bertanyakan soalan.

Terdapat beberapa pendekatan yang digunakan oleh tenaga pengajar subjek Balaghah khususnya di sekolah-sekolah bagi mengatasi permasalahan pelajar, antaranya ialah:

- Guru menterjemah ayat-ayat tertentu dalam teks bacaan pelajar ke dalam bahasa Melayu supaya dapat difahami oleh pelajar.(Solehan, 2006)
- Perbincangan contoh-contoh dengan lebih teliti bagi memberi kefahaman yang baik kepada pelajar. (Yusuf, 2006)
- Memberi contoh-contoh sampingan dalam budaya Melayu yang mudah difahami oleh pelajar.(Solehan, 2006 Yusuf, 2006)
- Memperbanyakkan contoh-contoh yang mudah difahami oleh pelajar khususnya contoh-contoh dalam bahasa Arab yang ringkas dan jelas.
- Menggunakan ayat-ayat bahasa Arab yang biasa dan mudah difahami pelajar.
- Memperbanyakkan latihan yang perlu dilakukan oleh pelajar secara sendiri (latih tubi kendiri).
- Mengadakan perbincangan dalam kelas bagi membantu pelajar memahami topik-topik subjek Balaghah. ( Mashkuri, 2006)
- Memberi peluang kepada pelajar untuk berbincang dalam kumpulan dan menyatakan pandangan dan hasil dapatan dari perbincangan berkumpulan. (Nik Mahizan, 2006)
- Membincang soalan-soalan peperiksaan yang terdahulu, bagi memberi pendedahan kepada pelajar cara-cara untuk memahami dan menjawab soalan peperiksaan dengan baik (Nik Mahizan, 2006)

# BAB IV

## ANALISA PENGUASAAN PELAJAR DALAM SUBJEK BALAGHAH STAM DAN PERMASALAHANNYA

### 4.1 PENGENALAN

Satu set borang soal selidik telah disediakan bagi melihat penguasaan dan permasalahan pelajar STAM dalam subjek Balaghah. Borang soal selidik ini telah diedarkan kepada 252 orang responden yang merupakan para pelajar STAM di lima buah sekolah yang menawarkan subjek-subjek STAM dalam negeri Selangor iaitu Kolej Islam Sultan Alam Shah Klang (KISAS), Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Rahimah, Sungai Manggis, Banting (SMATB), Sekolah Agama Menengah Tinggi Hisamuddin, Kampung Jawa, Klang (SMATHK), Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor (SMATKKB) dan Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sabak Bernam (SMATSB).

Pecahan responden berdasarkan jantina adalah seperti jadual berikut:

**Gender**

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | Female | 136 | 54.0 | 54.0 | 54.0 |
| | Male | 116 | 46.0 | 46.0 | 100.0 |
| | Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Pecahan responden berdasarkan sekolah pula adalah seperti berikut:

**School**

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | KISAS | 12 | 4.8 | 4.8 | 4.8 |
| | SMATB | 62 | 24.6 | 24.6 | 29.4 |
| | SMATHK | 56 | 22.2 | 22.2 | 51.6 |
| | SMATKKB | 55 | 21.8 | 21.8 | 73.4 |
| | SMATSB | 67 | 26.6 | 26.6 | 100.0 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Responden ini dipilih secara rawak bagi mewakili populasi sebenar pelajar di sekolah-sekolah yang terlibat. Peratusan respoden yang terlibat berbanding bilangan sebenar berdasarkan kepada sekolah responden adalah seperti yang dinyatakan pada jadual berikut:

| | | Responden | Pelajar STAM | Peratusan Responden |
|---|---|---|---|---|
| Valid | KISAS | 12 | 12 | 100 |
| | SMATB | 62 | 84 | 73.8 |
| | SMATHK | 56 | 73 | 76.7 |
| | SMATKKB | 55 | 81 | 67.9 |
| | SMATSB | 67 | 115 | 58.3 |
| | Total | 252 | 365 | 69.0 |

## 4.2 ANALISA DAPATAN SOAL SELIDIK

### 4.2.1 Pandangan Umum Pelajar Tentang Subjek Balaghah

#### 4.2.1.1 - Minat dan Tanggapan Pelajar Terhadap Subjek Balaghah

Minat responden secara keseluruhannya berada pada tahap yang baik dengan mendapat jawapan sebanyak 136 orang iaitu 52.4% daripada jumlah keseluruhan responden yang berjumlah 252 orang berbanding hanya 11 orang atau 4.4 % menyatakan minat yang tidak memuaskan. Rajahnya adalah seperti di bawah:

**Q1 Minat anda terhadap Balaghah**

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | Tidak Pasti | 17 | 6.7 | 6.7 | 6.7 |
| | Tidak Memuaskan | 11 | 4.4 | 4.4 | 11.1 |
| | Kurang Memuaskan | 69 | 27.4 | 27.4 | 38.5 |
| | Baik | 132 | 52.4 | 52.4 | 90.9 |
| | Sangat Baik | 23 | 9.1 | 9.1 | 100.0 |
| | Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Dari sudut jantina pula, didapati nisbah responden lelaki menyatakan minat yang baik lebih banyak berbanding responden perempuan iaitu dengan 52.59% lelaki menyatakan minat

yang baik terhadap subjek Balaghah manakala dengan perbezaan yang amat sedikit bagi responden perempuan berbanding peratusan responden lelaki tadi dengan 52.21 % . Akan tetapi nisbah responden perempuan adalah lebih besar bagi yang menyatakan minat mereka adalah sangat baik iaitu seramai 15 orang berbanding hanya 8 responden lelaki sahaja yang menyetakan minat mereka pada subjek Balaghah ini berada pada tahap yang sangat baik. Lihat rajah di bawah:

**Gender * Q1 Cross tabulation**

| | | Q1 | | | | | Total (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan | Baik (%) | Sangat Baik | |
| Gender | Female | 7 | 8 | 42 | 71(52.21) | 8 | 136(53.97) |
| | Male | 10 | 3 | 27 | 61(52.59) | 15 | 116(46.03) |
| Total | | 17 | 11 | 69 | 132(52.38) | 23 | 252 |

**Q1 Minat anda terhadap Balaghah**

Pecahan responden yang menyatakan minat mereka mengikut sekolah pula, didapati responden dari SMATB mendapat peratusan yang tertinggi iaitu 62.90% dengan seramai 39 orang daripada keseluruhan responden dari sekolah tersebut yang berjumlah 62 orang telah menyatakan minat yang baik terhadap subjek ini ditambah pula dengan 6 orang daripada mereka yang menyatakan minat yang sangat baik. Lihat rajah di bawah:

**School * Q1 Cross tabulation**

| | | Q1 | | | | | Total (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan | Baik (%) | Sangat Baik | |
| School | KISAS | 0 | 0 | 1 | 9(75.0) | 2 | 12(4.76) |
| | SMATB | 3 | 1 | 13 | 39(62.90) | 6 | 62(24.60) |
| | SMATHK | 4 | 2 | 20 | 29(51.79) | 1 | 56(22.22) |
| | SMATKKB | 2 | 3 | 15 | 28(50.91) | 7 | 55(21.83) |
| | SMATSB | 8 | 5 | 20 | 27(40.30) | 7 | 67(26.59) |
| Total | | 17 | 11 | 69 | 132(52.38) | 23 | 252 |

**Q1 Minat anda terhadap Balaghah**

#### 4.2.1.2 - Kepentingan Balaghah

Tanggapan pelajar terhadap kepentingan Balaghah kepada mereka juga menunjukkan tahap yang baik iaitu seramai 116 responden atau 46 % menyatakan kepentingan Balaghah yang baik kepada mereka ditambah pula dengan 19 % daripada keseluruhan responden yang menyatakan kepentingan yang sangat baik menjadikan jumlah keseluruhannya 65 % atau 164 orang. Lihat rajah di bawah:

**Q2 Kepentingan Balaghah kepada anda**

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | Tidak Pasti | 33 | 13.1 | 13.1 | 13.1 |
| | Tidak Memuaskan | 5 | 2.0 | 2.0 | 15.1 |
| | Kurang Memuaskan | 50 | 19.8 | 19.8 | 34.9 |
| | Baik | 116 | 46.0 | 46.0 | 81.0 |
| | Sangat Baik | 48 | 19.0 | 19.0 | 100.0 |
| | Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Melihat pecahan jawapan responden mengikut jantina pula, didapati nisbah peratusan responden perempuan menyatakan kepentingan yang baik bagi subjek Balaghah kepada mereka adalah lebih tinggi berbanding responden lelaki iaitu 47.06% berbanding 44.83 % bagi responden lelaki.

**Gender * Q2 Cross tabulation**

| | | Q2 | | | | | Total (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan | Baik (%) | Sangat Baik | |
| Gender | Female | 23 | 4 | 23 | 64(47.06) | 22 | 136(53.97) |
| | Male | 10 | 1 | 27 | 52(44.83) | 26 | 116(46.03) |
| Total | | 33 | 5 | 50 | 116(46.03) | 48 | 252 |

**Q2 Kepentingan Balaghah kepada anda**

Taburan responden mengikut sekolah pula didapati, responden dari KISAS mendahului responden-responden lain dengan mendapat 58.33%, sebelum diikuti oleh SMATB dan SMATHK dengan masing-masing 51.61 % dan 50 % daripada responden mereka menyatakan kepentingan yang baik bagi subjek Balaghah kepada mereka.

**School * Q2 Cross tabulation**

| | | Q2 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan | Baik (%) | Sangat Baik | Total (%) |
| School | KISAS | 2 | 0 | 0 | 7(58.33) | 3 | 12(4.76) |
| | SMATB | 10 | 1 | 8 | 32(51.61) | 11 | 62(24.60) |
| | SMATHK | 5 | 1 | 19 | 28(50.0) | 3 | 56(22.22) |
| | SMATKKB | 7 | 0 | 10 | 24(43.64) | 14 | 55(21.83) |
| | SMATSB | 9 | 3 | 13 | 25(37.31) | 17 | 67(26.59) |
| Total | | 33 | 5 | 50 | 116(46.03) | 48 | 252 |

**Q2 Kepentingan Balaghah kepada anda**

### 4.2.1.3 – Hubungan Balaghah dalam Penguasaan Bahasa Arab

Tanggapan responden terhadap subjek Balaghah dapat membantu mereka menguasai bahasa Arab mendapat jawapan pada skala baik iaitu seramai 99 orang atau 39.0% menyatakan demikian sebelum diikuti dengan jawapan skala kurang memuaskan di tempat kedua dengan seramai 77 responden atau 30.6% menyatakan demikian selain 17 responden atau 6.7 % menyatakan Balaghah tidak (skala tidak memuaskan) membantu mereka menguasai bahasa Arab menjadikan peratusan yang agak besar iaitu 37.3 % daripada responden tidak mengetahui dengan tepat kepentingan dan hubung kait subjek Balaghah dengan bahasa Arab itu sendiri. Lihat rajah di bawah:

**Q3 Sejauh mana Balaghah membantu anda menguasai Bahasa Arab**

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | Tidak Pasti | 27 | 10.7 | 10.7 | 10.7 |
| | Tidak Memuaskan | 17 | 6.7 | 6.7 | 17.5 |
| | Kurang Memuaskan | 77 | 30.6 | 30.6 | 48.0 |
| | Baik | 99 | 39.3 | 39.3 | 87.3 |
| | Sangat Baik | 32 | 12.7 | 12.7 | 100.0 |
| | Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Dari sudut jantina pula didapati responden lelaki mendahului responden perempuan dengan 43.10% berbanding 36.03 % yang menyatakan Balaghah boleh membantu mereka menguasai bahasa Arab dengan baik.

**Gender * Q3 Cross tabulation**

| | | Q3 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan | Baik (%) | Sangat Baik | Total (%) |
| Gender | Female | 12 | 12 | 50 | 49(36.03) | 13 | 136(53.97) |
| | Male | 15 | 5 | 27 | 50(43.10) | 19 | 116(46.03) |
| Total | | 27 | 17 | 77 | 99(39.29) | 32 | 252 |

**Q3 Sejauh mana Balaghah membantu anda menguasai Bahasa Arab**

Taburan mengikut sekolah pula didapati responden dari KISAS mendahului responden dari sekolah-sekolah lain dengan mendapat nisbah 50 % daripada responden mereka menyatakan kepentingan yang baik selain 25 % lagi dari responden mereka menyatakan kepentingan yang sangat baik.

**Gender * Q3 Cross tabulation**

| | | Q3 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan | Baik (%) | Sangat Baik | Total (%) |
| School | KISAS | 1 | 0 | 2 | 6(50.0) | 3 | 12(4.76) |
| | SMATB | 6 | 2 | 18 | 26(41.94) | 10 | 62(24.60) |
| | SMATHK | 5 | 4 | 17 | 25(44.64) | 5 | 56(22.22) |
| | SMATKKB | 5 | 5 | 19 | 20(36.36) | 6 | 55(21.83) |
| | SMATSB | 10 | 6 | 21 | 22(8.73) | 8 | 67(26.59) |
| Total | | 27 | 17 | 77 | 99 | 32 | 252 |

**Q3 Sejauh mana Balaghah membantu anda menguasai Bahasa Arab**

### 4.2.1.4 - Objektif Balaghah

Pengetahuan responden terhadap objektif dan tujuan subjek Balaghah mendapat skala terbesar kurang memuaskan iaitu seramai 106 responden atau 42.1% dan ditambah lagi dengan 9.5% atau 24 orang menyatakan tidak memuaskan menjadikan jumlahnya 51.6% atau 130 orang sebelum diikuti oleh skala positif iaitu baik dengan jawapan 87 orang responden atau 33.3%. Namun demikian nisbah responden secara keseluruhan yang masih belum jelas tentang objektif dan tujuan subjek Balaghah tetap tinggi iaitu 63.9% berbanding hanya 36.1% menyatakan sebaliknya. Keterangannya adalah seperti jadualdi bawah:

**Q4 Pengetahuan anda terhadap objektif dan tujuan subjek Balaghah**

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | Tidak Pasti | 31 | 12.3 | 12.3 | 12.3 |
| | Tidak Memuaskan | 24 | 9.5 | 9.5 | 21.8 |
| | Kurang Memuaskan | 106 | 42.1 | 42.1 | 63.9 |
| | Baik | 84 | 33.3 | 33.3 | 97.2 |
| | Sangat Baik | 7 | 2.8 | 2.8 | 100.0 |
| | Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Didapati juga jawapan pada skala kurang memuaskan ini mendapat 43.10% daripada pelajar lelaki yang mana ia mengatasi pelajar perempuan dengan nisbah yang agak kecil iaitu 41.18% menjadikan permasalahan ini hampir seimbang antara kedua-dua jantina responden.

**Gender * Q4 Cross tabulation**

| | | Q4 | | | | | Total (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan (%) | Baik | Sangat Baik | |
| Gender | Female | 18 | 15 | 56(41.18) | 46 | 1 | 136(53.97) |
| | Male | 13 | 9 | 50(43.10) | 38 | 6 | 116(46.03) |
| Total | | 31 | 24 | 106(42.06) | 84 | 7 | 252 |

**Q4 Pengetahuan anda terhadap objektif dan tujuan subjek Balaghah**

Pecahan peratus mengikut sekolah pula didapati KISAS sekali lagi mendahului dengan 50.0% daripada responden mereka menyatakan jawapan pada skala kurang memuaskan selain SMATKKB dan SMATB dengan peratusan masing-masing 45.45% dan 45.16%.

**School * Q4 Cross tabulation**

| | | Q4 | | | | | Total (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan (%) | Baik | Sangat Baik | |
| School | KISAS | 2 | 0 | 6(50.0) | 3 | 1 | 12(4.76) |
| | SMATB | 7 | 1 | 28(45.16) | 25 | 1 | 62(24.60) |
| | SMATHK | 6 | 8 | 20(35.71) | 21 | 1 | 56(22.22) |
| | SMATKKB | 6 | 4 | 25(45.45) | 18 | 2 | 55(21.83) |
| | SMATSB | 10 | 11 | 27(40.30) | 17 | 2 | 67(26.59) |

| Total | | 31 | 24 | 106(42.06) | 84 | 7 | 252 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|

**Q4 Pengetahuan anda terhadap objektif dan tujuan subjek Balaghah**

### 4.2.1.5 - Andaian Pelajar Terhadap Subjek Balaghah

Rentetan daripada keputusan pada soalan keempat sebelumnya, andaian pelajar terhadap subjek Balaghah dalam mencapai objektif dan tujuannya turut mendapat skala kurang memuaskan dengan seramai 93 responden atau 36.9% menyatakan demikian dan diikuti dengan skala positif (baik) dengan 85 pelajar atau 33.7%. Namun demikian nisbah keseluruhan responden memberi jawapan negatif adalah majoriti iaitu 61.5 %. Lihat rajah di bawah:

**Q5 Sejauh mana subjek Balaghah mencapai objektif dan tujuannya**

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | Tidak Pasti | 37 | 14.7 | 14.7 | 14.7 |
| | Tidak Memuaskan | 25 | 9.9 | 9.9 | 24.6 |
| | Kurang Memuaskan | 93 | 36.9 | 36.9 | 61.5 |
| | Baik | 85 | 33.7 | 33.7 | 95.2 |
| | Sangat Baik | 12 | 4.8 | 4.8 | 100.0 |
| | Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

**Q5 Sejauh mana subjek Balaghah mencapai objektif dan tujuannya**

Seperti pada soalan sebelumnya skala kurang memuaskan ini menunjukkan peratus responden lelaki lebih tinggi dengan 37.07% berbanding 36.76% mengatasi responden perempuan dengan nisbah yang sangat kecil . Ini menunjukkan sekali lagi permasalahan ini hampir seimbang antara kedua-dua jantina responden.

**Gender * Q5 Cross tabulation**

| | | Q5 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan (%) | Baik | Sangat Baik | Total (%) |
| Gender | Female | 17 | 14 | 50(36.76) | 50 | 5 | 136(53.97) |
| | Male | 20 | 11 | 43(37.07) | 35 | 7 | 116(46.03) |

| Total | 37 | 25 | 93(36.90) | 85 | 12 | 252 |
|---|---|---|---|---|---|---|

**Q5 Sejauh mana subjek Balaghah mencapai objektif dan tujuannya**

Pecahan mengikut sekolah pula didapati responden dari SMATSB yang menyatakan skala kurang memuaskan bagi soalan ini mengatasi responden-responden lain dengan mendapat 49.25% manakala yang terendah adalah SMATKKB dengan hanya 23.64% daripada mereka menyatakan jawapan pada skala kurang memuaskan.

**School * Q5 Cross tabulation**

| | | Q5 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan (%) | Baik | Sangat Baik | Total (%) |
| School | KISAS | 3 | 1 | 4(33.33) | 4 | 0 | 12(4.76) |
| | SMATB | 14 | 4 | 23(37.10) | 19 | 2 | 62(24.60) |
| | SMATHK | 6 | 8 | 20(35.71) | 18 | 4 | 56(22.22) |
| | SMATKKB | 9 | 3 | 13(23.64) | 27 | 3 | 55(21.83) |
| | SMATSB | 5 | 9 | 33(49.25) | 17 | 3 | 67(26.59) |
| Total | | 37 | 25 | 93(36.90) | 85 | 12 | 252 |

**Q5 Sejauh mana subjek Balaghah mencapai objektif dan tujuannya**

## 4.2.1.6 - Tahap Penguasaan Bahasa Arab

Respon dari responden tentang tahap penguasaan bahasa Arab mereka secara keseluruhannya mendapat skala kurang memuaskan dengan 130 orang responden menyatakan demikian atau 51.6% dengan ditambah 32 responden lagi atau 12.7% menyatakan tahap yang tidak memuaskan menjadikan skala negatif ini adalah yang terbesar iaitu 64.3% atau 162 orang. Manakala pada skala positif iaitu baik dengan 72 jawapan atau 28.6% dan sangat baik hanyalah 2.4% atau 6 orang. Lihat rajah di bawah:

**Q6 Tahap penguasaan bahasa Arab anda secara keseluruhan**

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | Tidak Pasti | 12 | 4.8 | 4.8 | 4.8 |
| | Tidak Memuaskan | 32 | 12.7 | 12.7 | 17.5 |
| | Kurang Memuaskan | 130 | 51.6 | 51.6 | 69.0 |
| | Baik | 72 | 28.6 | 28.6 | 97.6 |
| | Sangat Baik | 6 | 2.4 | 2.4 | 100.0 |
| | Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Pecahan jawapan responden mengikut jantina pula, didapati pelajar lelaki mendahului dengan nisbah yang kecil iaitu 51.72% berbanding 51.47% bagi pelajar perempuan yang menyatakan tahap penguasaan bahasa Arab mereka kurang memuaskan.

**Gender * Q6 Cross tabulation**

| | | Q6 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan (%) | Baik | Sangat Baik | Total (%) |
| Gender | Female | 7 | 14 | 70(51.47) | 43 | 2 | 136(53.97) |
| | Male | 5 | 18 | 60(51.72) | 29 | 4 | 116(46.03) |
| Total | | 12 | 32 | 130(51.59) | 72 | 6 | 252 |

**Q6 Tahap penguasaan bahasa Arab anda secara keseluruhan**

Pembahagian responden berdasarkan sekolah pula didapati responden dari KISAS yang menyatakan tahap yang kurang memuaskan adalah yang terbesar dengan 66.67% sebelum diikuti oleh responden dari SMATB dan SMATHK dengan masing-masing 59.68% dan 55.36%. manakala yang terendah ialah SMATKKB dengan 45.45%.

**School * Q6 Cross tabulation**

| | | Q6 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan (%) | Baik | Sangat Baik | Total (%) |
| School | KISAS | 0 | 0 | 8(66.67) | 3 | 1 | 12(4.76) |
| | SMATB | 3 | 8 | 37(59.68) | 14 | 0 | 62(24.60) |
| | SMATHK | 1 | 6 | 31(55.36) | 17 | 1 | 56(22.22) |
| | SMATKKB | 5 | 6 | 25(45.45) | 17 | 2 | 55(21.83) |
| | SMATSB | 3 | 12 | 29(48.28) | 21 | 2 | 67(26.59) |
| Total | | 12 | 32 | 130(51.59) | 72 | 6 | 252 |

**Q6 Tahap penguasaan bahasa Arab anda secara keseluruhan**

## 4.2.1.7 - Tahap Penguasaan Subjek Balaghah

Memandangkan Balaghah itu sendiri berkait rapat dengan bahasa Arab, maka penguasaan ilmu Balaghah juga sebenarnya amat berkait rapat dengan penguasaan pelajar dalam bahasa Arab. Berdasarkan soal selidik andaian responden terhadap tahap penguasaan subjek

Balaghah bagi diri mereka sendiri juga mendapat skala terbesar pada kurang memuaskan dengan seramai 143 responden iaitu 56.3% selain skala tidak memuaskan dengan 49 responden atau 19.4% menjadikan jumlahnya 75.7% menyatakan respon yang negatif terhadap penguasaan subjek Balaghah mereka. Sebagai perbandingan 64.3% daripada ini telah menyatakan skala yang sama pada tahap penguasaan bahasa Arab mereka pada soalan sebelumnya. Lihat jadual di bawah:

**Q7 Tahap penguasaan Balaghah anda**

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | Tidak Pasti | 12 | 4.8 | 4.8 | 4.8 |
| | Tidak Memuaskan | 49 | 19.4 | 19.4 | 24.2 |
| | Kurang Memuaskan | 142 | 56.3 | 56.3 | 80.6 |
| | Baik | 45 | 17.9 | 17.9 | 98.4 |
| | Sangat Baik | 4 | 1.6 | 1.6 | 100.0 |
| | Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Melihat pula dari aspek taburan responden mengikut jantina didapati pelajar perempuan yang menyatakan tahap kurang memuaskan adalah nisbah yang terbesar iaitu 57.35% berbanding lelaki 55.17%.

**Gender * Q7 Cross tabulation**

| | | Q7 | | | | | Total (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan (%) | Baik | Sangat Baik | |
| Gender | Female | 8 | 25 | 78(57.35) | 23 | 2 | 136(53.97) |
| | Male | 4 | 24 | 64(55.17) | 22 | 2 | 116(46.03) |
| Total | | 12 | 49 | 142(56.35) | 45 | 4 | 252 |

**Q7 Tahap penguasaan Balaghah anda**

Manakala pecahan responden mengikut sekolah pula didapati KISAS mendahului responden dari sekolah-sekolah lain dengan 75.0% sebelum diikuti oleh SMATB dan SMATHK dengan masing-masing 67.74% dan 60.71% iaitu peratusan yang hampir sama yang telah kita dapati dalam penyataan responden berkaitan tahap penguasaan bahasa Arab mereka. Ini menunjukkan dengan jelas perkaitan antara tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab

sangat mempengaruhi tahap penguasaan mereka dalam subjek Balaghah, kerana Balaghah itu sendiri merupakan sebahagian daripada ilmu-ilmu bahasa Arab yang utama.

**Gender * Q7 Cross tabulation**

| | | Q7 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan (%) | Baik | Sangat Baik | Total (%) |
| School | KISAS | 0 | 0 | 9(75.0) | 2 | 1 | 12(4.76) |
| | SMATB | 3 | 9 | 42(67.74) | 8 | 0 | 62(24.60) |
| | SMATHK | 4 | 7 | 34(60.71) | 11 | 0 | 56(22.22) |
| | SMATKKB | 2 | 11 | 27(49.09) | 15 | 0 | 55(21.83) |
| | SMATSB | 3 | 22 | 30(44.78) | 9 | 3 | 67(26.59) |
| Total | | 12 | 49 | 142(56.35) | 45 | 4 | 252 |

**Q7 Tahap penguasaan Balaghah anda**

## 4.2.1.8 - Tahap Aplikasi Pelajar Bagi Subjek Balaghah

Pandangan responden terhadap tahap aplikasi mereka bagi subjek Balaghah yang telah dipelajari mendapat skala terbesar kurang memuaskan dengan jawapan 119 pelajar atau 47.2% dengan ditambah 26 orang lagi atau 10.3% yang memilih skala tidak memuaskan selain 38 orang atau 15.1% memilih skala tidak pasti menjadikan peratusan penyataan negatif dari responden adalah sangat besar iaitu 72.6% atau 183 orang. Peratusan tersebut adalah sangat besar berbanding skala baik hanya mendapat 64 jawapan atau 25.4% dan sangat baik hanya dipilih oleh 5 orang atau 2%. Lihat rajah di bawah:

**Q14Sejauh mana anda mengaplikasi ilmu Balaghah yang telah dipelajari**

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | Tidak Pasti | 38 | 15.1 | 15.1 | 15.1 |
| | Tidak Memuaskan | 26 | 10.3 | 10.3 | 25.4 |
| | Kurang Memuaskan | 119 | 47.2 | 47.2 | 72.6 |
| | Baik | 64 | 25.4 | 25.4 | 98.0 |
| | Sangat Baik | 5 | 2.0 | 2.0 | 100.0 |
| | Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Dari aspek jantina responden pula, didapati pelajar perempuan yang menyatakan skala kurang memuaskan adalah yang terbesar dengan 47.79% berbanding dengan sedikit perbezaan iaitu 1.24% kepada responden lelaki yang memilih skala sama pada penyataan ini.

**Gender * Q14 Cross tabulation**

| | | Q14 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan (%) | Baik | Sangat Baik | Total (%) |
| Gender | Female | 21 | 15 | 65(47.79) | 31 | 4 | 136(53.97) |
| | Male | 17 | 11 | 54(46.55) | 33 | 1 | 116(46.03) |
| Total | | 38 | 26 | 119(47.22) | 64 | 5 | 252 |

**Q14Sejauh mana anda mengaplikasi ilmu Balaghah yang telah dipelajari**

Melihat taburan responden mengikut sekolah pula, didapati SMATB mendahului responden dari sekolah-sekolah lain dengan 56.45%, manakala responden dari KISAS dan SMATHK masing-masing dengan nisbah 50% daripada mereka menyatakan skala kurang memuaskan terhadap penyataan ini.

**School * Q14 Cross tabulation**

| | | Q14 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak Pasti | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan (%) | Baik | Sangat Baik | Total (%) |
| School | KISAS | 2 | 0 | 6(50.0) | 4 | 0 | 12(4.76) |
| | SMATB | 11 | 3 | 35(56.45) | 13 | 0 | 62(24.60) |
| | SMATHK | 6 | 9 | 28(50.0) | 11 | 2 | 56(22.22) |
| | SMATKKB | 7 | 5 | 25(45.45) | 17 | 1 | 55(21.83) |
| | SMATSB | 12 | 9 | 25(37.31) | 19 | 2 | 67(26.59) |
| Total | | 38 | 26 | 119(47.22) | 64 | 5 | 252 |

**Q14Sejauh mana anda mengaplikasi ilmu Balaghah yang telah dipelajari**

Hasil dapatan daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada para responden menunjukkan bahawa ramai daripada mereka memang berminat untuk mempelajari subjek Balaghah ini. Mereka sendiri telah menyatakan tahap penguasaan bahasa Arab mereka secara

keseluruhannya masih kurang memuaskan yang mana ia perlu untuk diperbaikki dengan segera bagi membantu mereka mempelajari subjek Balaghah dan mengusainya dengan lebih berkesan. Sehubungan dengan itu, mereka juga menyatakan tahap yang kurang memuaskan terhadap penguasaan subjek Balaghah yang mereka pelajari, ditambah lagi tahap pengaplikasian dan penggunaan topik-topik dalam ilmu Balaghah yang mereka telah pelajari juga berada pada tahap kurang memuaskan.

**4.2.2 - Tahap Penguasaan Pelajar**

Untuk mengukur tahap penguasaan pelajar bagi subjek Balaghah peringkat STAM, borang soal selidik yang telah disediakan, dimuatkan dengan soalan-soalan yang merangkumi beberapa tajuk-tajuk Balaghah yang telah mereka pelajari. Responden hanya perlu menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan lengkap. Soalan yang dirangka berbentuk menguji kemahiran pelajar dan juga pemahaman mereka dalam mempelajari topik-topik tersebut. Ia berbeza sekali dengan soalan hafalan kerana soalan-soalan ini telah diolah dan bukannya diambil terus daripada contoh-contoh yang terdapat dalam buku teks pelajar. Pelajar yang memahami topik-topik Balaghah yang dipelajarinya akan dapat menjawab dengan baik soalan-soalan yang dikemukakan ini.

Soalan-soalan yang disediakan ini berbentuk mengenalpasti permasalahan Balaghah yang dipelajari dan juga rahsianya melalui ayat-ayat yang diberi sebelum responden diminta menerangkannya dengan baik. Keseluruhan responden telahpun mempelajari tajuk-tajuk Balaghah tersebut sejak dari tingkatan empat lagi. Soalan-soalan tersebut merangkumi semua tajuk yang terdapat dalam sukatan subjek Balaghah STAM dan daripadanyalah penyelidik telah mengemukakan sepuluh soalan bagi mewakili setiap tajuk yang telah dipelajari oleh para responden.

Tajuk-tajuk tersebut ialah:

<table>
<tr><td>الأمر</td><td rowspan="2">علم المعاني</td></tr>
<tr><td>الوصل</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| الفصل | |
| الإيجاز | |
| الإطناب | |

| | |
|---|---|
| الطباق | علم البديع |
| المقابلة | |
| التورية | |
| المبالغة | |
| حسن التعليل | |

**4.2.2.1 Soalan pertama:**

قال العابد إلى ربه :" يا ربي هبْ لي من لدنك علمًا نافعًا "

Contoh ini dipetik daripada perbincangan علم المعاني di bawah tajuk الأمر . Jawapannya ialah pada perkataan yang dgariskan. Perkataan tersebut adalah suruhan yang memberi makna *majazi (*perumpamaan) tidak seperti maknanya yang asal. Daripada Seramai 252 orang pelajar dipilih menjadi responden bagi menjawab soalan tersebut. Jawapan yang betul hanya dapat dijawab oleh 49 orang pelajar sahaja yang mewakili 19.4% daripada bilangan keseluruhan responden. Keterangannya seperti jadual di bawah:

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | False | 203 | 80.6 | 80.6 | 80.6 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| True | 49 | 19.4 | 19.4 | 100.0 |
| Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Pecahan responden mengikut jantina pula, didapati pelajar perempuan yang dapat menjawab adalah lebih ramai iaitu seramai 26 orang berbanding pelajar lelaki 23 orang sahaja. Akan tetapi nisbah peratusan responden yang tertinggi ialah lelaki iaitu 19.83%. Jadualnya seperti di bawah:

**Gender * Q41 Cross tabulation**

| | | Q41 | | Total (%) |
|---|---|---|---|---|
| | | False (%) | True (%) | |
| Gender | Female | 110(80.88) | 26(19.12) | 136(53.97) |
| | Male | 93(80.17) | 23(19.83) | 116(46.03) |
| Total | | 203(80.56) | 49(19.44) | 252 |

**Q41** قال العابد إلى ربه:" يا ربي هبْ لي من لدنك علمًا نافعًا

Pecahan jawapan responden mengikut sekolah-sekolah bagi soalan tersebut menunjukkan KISAS mendapat jawapan yang terbanyak iaitu 66.67% dan yang terendah ialah SMATSB yang hanya 1 orang pelajar sahaja dapat menjawab dengan betul. Lihat jadual seperti di bawah:

**School * Q41 Cross tabulation**

| | | Q41 | | Total (%) |
|---|---|---|---|---|
| | | False (%) | True (%) | |
| School | KISAS | 4(33.33) | 8(66.67) | 12(4.76) |
| | SMATB | 49(79.03) | 13(20.97) | 62(24.60) |
| | SMATHK | 42(75) | 14(25) | 56(22.22) |
| | SMATKKB | 42(76.36) | 13(23.64) | 55(21.83) |
| | SMATSB | 66(98.51) | 1(1.49) | 67(26.59) |
| Total | | 203(80.56) | 49(19.44) | 252 |

**Q41** قال العابد إلى ربه:" يا ربي هبْ لي من لدنك علمًا نافعًا

**4.2.2.2 Soalan kedua:**

يجلس الطالب في القاعة يجيب على أسئلة الامتحانات.

Soalan ini adalah berdasarkan kepada contoh perbincangan dalam tajuk الوصل. Jawapannya ialah pada perkataan yang digariskan di mana ia tidak memerlukan kepada kata penyambung bagi menyambung perkataan tersebut dalam ayat. Daripada responden yang menjawab soalan ini hanya 10 pelajar sahaja atau 4.0% dapat menjawab dengan betul, manakala 242 orang lagi memberikan jawapan yang salah. Perinciannya seperti dalam jadual di bawah:

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | False | 242 | 96.0 | 96.0 | 96.0 |
| | True | 10 | 4.0 | 4.0 | 100.0 |
| | Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Dari aspek jantina, pelajar perempuan yang menjawab dengan betul adalah lima orang sahaja dan begitu juga lima orang daripada pelajar lelaki. Namun nisbah peratusan yang menjawab dengan betul memihak kepada lelaki iaitu 4.31% berbanding 3.68% bagi perempuan. Lihat rajah di bawah:

**Gender * Q42 Cross tabulation**

| | | Q42 | | |
|---|---|---|---|---|
| | | False (%) | True (%) | Total (%) |
| Gender | Female | 131(96.32) | 5(3.68) | 136(53.97) |
| | Male | 111(95.69) | 5(4.31) | 116(46.03) |
| Total | | 242(96.03) | 10(3.97) | 252 |

**Q42**يجلس الطالب في القاعة يجيب على أسئلة الامتحانا

Manakala pecahan jawapan yang betul mengikut sekolah pula, memperlihatkan responden dari SMATKKB mendapat peratusan tertinggi dengan 12.73% daripada 55 oarang responden dari sekolah ini telah menjawab dengan betul, dengan disusuli SMATHK dengan 5.36% manakala tiada pelajar dari KISAS, SMATB dan SMATSB dapat menjawab dengan betul soalan ini. Sila lihat jadual berikut:

**Gender * Q42 Cross tabulation**

| | | Q42 | | |
|---|---|---|---|---|
| | | False (%) | True (%) | Total (%) |
| School | KISAS | 12(100.0) | 0(0) | 12(4.76) |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | SMATB | 62(100.0) | 0(0) | 62(24.60) |
| | SMATHK | 53(94.64) | 3(5.36) | 56(22.22) |
| | SMATKKB | 48(87.27) | 7(12.73) | 55(21.83) |
| | SMATSB | 67(100.0) | 0(0) | 67(26.59) |
| Total | | 242(96.03) | 10(3.97) | 252 |

Q42يجلس الطالب في القاعة يجيب على أسئلة الامتحانا

**4.2.2.3 Soalan ketiga:**

تتجول فاطمة في شبكة الإنترنت **وتشاهد** أفلامًا أجنبية

Soalan ini juga bertujuan mengukur kefahaman pelajar dalam tajuk الوصل akan tetapi dalam bentuk dan jenis yang berbeza dari yang sebelumnya. Jawapan bagi soalan ini adalah pada perkataan yang digariskan. Perkataan ini memerlukan kata penyambung bagi menyambung ayat sebelum dengan ayat yang berada selepasnya. Melalui soal selidik didapati seramai 23 orang pelajar iaitu 9.1% dapat menjawab dengan betul soalan ini. Sila lihat rajah di bawah:

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | False | 229 | 90.9 | 90.9 | 90.9 |
| | True | 23 | 9.1 | 9.1 | 100.0 |
| | Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Dari keseluruhan jawapan, didapati pelajar perempuan menjawab denganbetul adalah 15 orang dan pelajar lelaki yang menjawab betul hanyalah lima orang sahaja. Nisbah peratusan responden yang menjawab betul tertinggi diperolehi oleh pelajar perempuan dengan mendapat 11.03%. Lihat rajah di bawah:

**Gender * Q43 Cross tabulation**

| | | Q43 | | |
|---|---|---|---|---|
| | | False (%) | True (%) | Total (%) |
| Gender | Female | 121(88.97) | **15(11.03)** | 136(53.97) |
| | Male | 108(93.1) | 8(6.9) | 116(46.03) |
| Total | | 229(90.87) | 23(9.13) | 252 |

Q43تتجول فاطمة في شبكة الإنترنت و تشاهد أفلامًا أجنبية

Melihat pecahan jawapan responden berdasarkan sekolah pula, menunjukkan responden dari SMATKKB adalah yang teramai iaitu 30 orang dan mendapat nisbah yang terbesar dengan 30.91%. Manakala tiada responden yang dapat menjawab dengan betul soalan ini di SMATB dan SMATSB. Lihat rajah di bawah:

**School * Q43 Cross tabulation**

| | | Q43 | | Total (%) |
|---|---|---|---|---|
| | | False (%) | True (%) | |
| School | KISAS | 11(91.67) | 1(8.33) | 12(4.76) |
| | SMATB | 62(100.0) | 0(0) | 62(24.60) |
| | SMATHK | 51(91.07) | 5(8.93) | 56(22.22) |
| | SMATKKB | 38(69.09) | 17(30.91) | 55(21.83) |
| | SMATSB | 67(100.0) | 0(0) | 67(26.59) |
| Total | | 229(90.87) | 23(9.13) | 252 |

**Q43** تتجول فاطمة في شبكة الإنترنت و تشاهد أفلامًا أجنبية

**4.2.2.4 Soalan keempat:**

إن في الزواج حياة

Soalan ini dipetik daripada initipati perbincangan dalam topik الإيجاز. Jawapannya ialah pada perkataan yang digariskankan. Iaitu perkataan yang ringkas akan tetapi membawa maksud yang banyak. Hanya seramai enam orang pelajar iaitu 2.4% dapat menjawab soalan ini dengan betul, manakala selebihnya (246 orang) menjawabnya dengan salah. Lihat rajah di bawah:

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | False | 246 | 97.6 | 97.6 | 97.6 |
| | True | 6 | 2.4 | 2.4 | 100.0 |
| | Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Daripada bilangan responden seperti yang dinyatakan di atas, hanya empat orang pelajar perempuan dan dua orang pelajar lelaki dapat menjawab dengan betul. Maka, nisbah

peratusan tertinggi diperolehi oleh pelajar perempuan dengan 2.94% berbanding lelaki 1.72%. Jadualnya seperti di bawah:

**Gender * Q44 Cross tabulation**

| | | Q44 | | |
|---|---|---|---|---|
| | | False (%) | True (%) | Total (%) |
| Gender | Female | 132(97.06) | 4(2.94) | 136(53.97) |
| | Male | 114(98.28) | 2(1.72) | 116(46.03) |
| Total | | 246(97.62) | 6(2.38) | 252 |

Q44إن في الزواج حياة

Melihat pecahan responden dan jawapan mereka mengikut sekolah pula, menunjukkan SMATHK mendapat nisbah responden yang menjawab dengan betul tertinggi iaitu 8.93%, manakala tiada responden dari KISAS, SMATB, SMATSB yang dapat menjawab soalan ini dengan betul. Lihat rajah di bawah:

**Gender * Q44 Cross tabulation**

| | | Q44 | | |
|---|---|---|---|---|
| | | False (%) | True (%) | Total (%) |
| School | KISAS | 12(100.0) | 0(0) | 12(4.76) |
| | SMATB | 62(100.0) | 0(0) | 62(24.60) |
| | SMATHK | 51(91.07) | 5(8.93) | 56(22.22) |
| | SMATKKB | 54(98.18) | 1(1.82) | 55(21.83) |
| | SMATSB | 67(100.0) | 0(0) | 67(26.59) |
| Total | | 246(97.62) | 6(2.38) | 252 |

Q44إن في الزواج حياة

**4.2.2.5 Soalan kelima:**

قال الداعي : " يا أيها الناس ! اعملوا أعمالا صالحة أقيموا الصلاة وصوموا رمضان وتصدقوا بأموالكم

وحجوا البيت من استطاع إليه سبيلاً..."

Soalan ini diambil daripada perbincangan tajuk الإطناب yang menjelaskan makna dengan menggunakan bilangan perkataan atau ayat yang banyak. Jawapannya ialah pada ayat yang digariskan dan dihurai dengan perkataan-perkataan dan ayat-ayat selepasnya. Melalui soal selidik yang dijalankan, hanya seorang pelajar iaitu 0.4% dapat menjawab soalan ini dengan betul. Lihat rajah di bawah:

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | False | 251 | 99.6 | 99.6 | 99.6 |
| | True | 1 | .4 | .4 | 100.0 |
| | Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Soalan ini hanya dapat dijawab oleh seorang pelajar lelaki sahaja, seperti yang terdapat dalam jadual di bawah:

**Gender * Q45 Cross tabulation**

| | | Q45 | | Total (%) |
|---|---|---|---|---|
| | | False (%) | True (%) | |
| Gender | Female | 136(100.0) | 0(0) | 136(53.97) |
| | Male | 115(99.14) | 1(0.86) | 116(46.03) |
| Total | | 251(99.6) | 1(0.4) | 252 |

**Q45**...قال الداعي: "يا أيها الناس! اعملوا أعمالا صالحة أقيموا الصلاة وصوموا رمضان وتصدقوا بأموالكم وحجوا البيت من استطاع إليه سبيلاً

Pelajar lelaki tersebut adalah dari sekolah SMATKKB, menjadikan tiada pelajar dari KISAS, SMATB, SMATHK dan SMATSB yang dapat menjawab soalan ini dengan betul. Lihat rajah di bawah:

**School * Q45 Cross tabulation**

| | | Q45 | | Total (%) |
|---|---|---|---|---|
| | | False (%) | True (%) | |
| School | KISAS | 12(100.0) | 0(0) | 12(4.76) |
| | SMATB | 62(100.0) | 0(0) | 62(24.60) |
| | SMATHK | 56(100.0) | 0(0) | 56(22.22) |
| | SMATKKB | 54(98.18) | 1(1.82) | 55(21.83) |
| | SMATSB | 67(100.0) | 0(0) | 67(26.59) |
| Total | | 251(99.6) | 1(0.4) | 252 |

**Q45**...قال الداعي: "يا أيها الناس! اعملوا أعمالا صالحة أقيموا الصلاة وصوموا رمضان وتصدقوا بأموالكم وحجوا البيت من استطاع إليه سبيلاً

**4.2.2.6 Soalan keenam:**

في التدخين ضرّ و نفع، ولكن أضراره أكثر

Soalan ini diambil dari bab علم البديع dalam perbincangan الطباق. Jawapannya ialah pada dua perkataan yang digariskan di mana dalam ayat tersebut mengandungi dua perkataan yang berlawanan maknanya. Melalui soal selidik didapati seramai 20 orang pelajar iaitu 7.9% yang berjaya menjawab soalan ini dengan betul. Perinciannya adalah seperti di bawah:

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | False | 232 | 92.1 | 92.1 | 92.1 |
| | True | 20 | 7.9 | 7.9 | 100.0 |
| | Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Soalan ini dapat dijawab oleh 11 orang pelajar lelaki dan 9 orang pelajar perempuan. Nisbah peratusan yang menjawab betul juga memihak kepada pelajar lelaki dengan 9.48% berbanding pelajar perempuan 6.62%. Lihat rajah di bawah:

**Gender * Q46 Cross tabulation**

| | | Q46 | | |
|---|---|---|---|---|
| | | False (%) | True (%) | Total (%) |
| Gender | Female | 127(93.38) | 9(6.62) | 136(53.97) |
| | Male | 105(90.52) | 11(9.48) | 116(46.03) |
| Total | | 232(92.06) | 20(7.94) | 252 |

**Q46** في التدخين ضرّ و نفع، ولكن أضراره أكثر

Taburan responden yang dapat menjawab dengan betul mengikut sekolah pula menunjukkan SMATKKB mendapat jawapan tertinggi dengan 14.55% diikuti dengan SMATB 12.9%, manakala SMATHK adalah yang terendah dengan hanya 1.79% responden mereka menjawab dengan betul. Lihat rajah di bawah:

**School * Q46 Cross tabulation**

| | | Q46 | | |
|---|---|---|---|---|
| | | False (%) | True (%) | Total (%) |
| School | KISAS | 11(91.67) | 1(8.33) | 12(4.76) |
| | SMATB | 54( 87.1) | 8(12.9) | 62(24.60) |
| | SMATHK | 55(98.21) | 1(1.79) | 56(22.22) |
| | SMATKKB | 47(85.45) | 8(14.55) | 55(21.83) |
| | SMATSB | 65(97.01) | 2(2.99) | 67(26.59) |
| Total | | 232(92.06) | 20(7.94) | 252 |

في التدخين ضرّ و نفع، ولكن أضراره أكثر **Q46**

### 4.2.2.7 Soalan ketujuh:

قال الله تعالى { فليضحكوا قليلاً وليبكوا كثيرًا }

Soalan ini diambil daripada perbincangan topik المقابلة, yang mempunyai hubung kait yang rapat dengan soalan keenam tadi. Jawapannya ialah ayat yang digariskan iaitu dua ayat yang mempunyai dua perkataan yang berlawanan maknanya dengan ayat yang lain. Melalui soal selidik ini didapati seramai 55 orang pelajar iaitu 21.8% dapat menjawabnya dengan betul. Maklumat terperinci adalah seperti di bawah:

| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|---|---|---|---|---|---|
| Valid | False | 197 | 78.2 | 78.2 | 78.2 |
| | True | 55 | 21.8 | 21.8 | 100.0 |
| | Total | 252 | 100.0 | 100.0 | |

Soalan ini dapat dijawab oleh 34 orang pelajar perempuan manakala bakinya pelajar lelaki seramai 21 orang. Nisbah peratusan yang dapat menjawab dengan betul juga memihak kepada pelajar perempuan dengan 25.0% berbanding 18.9% bagi pelajar lelaki. Lihat rajah di bawah:

**Gender * Q47 Cross tabulation**

| | | Q47 | | |
|---|---|---|---|---|
| | | False (%) | True (%) | Total (%) |
| Gender | Female | 102(75) | 34(25) | 136(53.97) |
| | Male | 95(81.9) | 21(18.9) | 116(46.03) |
| Total | | 197(78.17) | 55(21.83) | 252 |

Q47 قال الله تعالى {فليضحكوا قليلاً وليبكوا كثيرًا}

Bagi mengetahui tahap penguasaan responden terhadap subjek Balaghah dan topik-topiknya yang telah mereka pelajari, satu set borang soal selidik telah diedarkan kepada seramai 252 orang pelajar yang dari lima buah sekolah seperti yang telah dinyatakan tadi. Soalan-soalan yang dikemukakan ini bertujuan menguji tahap penguasaan pelajar. Soalan-soalan ini merangkumi semua bab dalam sukatan subjek Balaghah yang mereka pelajari. Soalan-soalan yang dikemukan ini juga adalah berbentuk menguji tahap kefahaman pelajar terhadap contoh penggunaan Balaghah melalui ayat-ayat yang diberikan dan kemudiannya mereka diminta untuk menentukankan unsur-unsur Balaghah yang terdapat dalam contoh ayat tersebut, seterusnya menerangkannya dengan jelas.

Hasil daripada jawapan-jawapan yang dikumpul daripada 252 orang respoden tadi, didapati tidak ada seorang pelajar pun yang dapat menjawab kesemua soalan yang dikemukakan dengan betul. Peratus jawapan yang tertinggi ialah peratus salah, dan perincian hasil analisa jawapan pelajar tersebut adalah seperti yang tertera dalam jadual di bawah:

| QUESTIONS | TRUE | PERCENT (%) | FALSE | PERCENT (%) | TOTAL |
|---|---|---|---|---|---|
| **Q1** قال العابد إلى ربه:" يا ربي هبْ لي من لدنك علمًا نافعًا" | 49 | 19.4 | 203 | 80.6 | 252 |
| **Q2** يجلس الطالب في القاعة يجيب على أسئلة الامتحانا | 10 | 4.0 | 242 | 96.0 | 252 |
| **Q3** تتجول فاطمة في شبكة الإنترنت و تشاهد أفلامًا أجنبية. | 23 | 9.1 | 229 | 90.9 | 252 |
| **Q4** إن في الزواج حياة | 6 | 2.4 | 246 | 97.6 | 252 |
| **Q5** الناس! اعملوا أعمالا صالحة أقيموا الصلاة صدقوا بأموالكم وحجوا البيت من استطاع إليه سبيلاً..." | 1 | 0.4 | 251 | 99.6 | 252 |
| **Q6** في التدخين ضرّ و نفع، ولكن أضراره أكثر | 20 | 7.9 | 232 | 92.1 | 252 |
| **Q7** قال الله تعالى {فليضحكوا قليلاً وليبكوا كثيرًا} | 55 | 21.8 | 197 | 78.2 | 252 |
| **Q8** قال العاشق: "يا وردتي تعالي إليَّ لحظة" | 3 | 1.2 | 249 | 98.8 | 252 |
| **Q9** قال الشاعر: يكاد يخرج سرعة عن ظله لو كان يرغب في فراق رفيق | 8 | 3.2 | 22 | 13 | 252 |
| **Q10** قال أبو تمام: لا تنكري عطل الكريم من الغنى فالسيل حرب للمكان العالي | 1 | 0.4 | 251 | 99.6 | 252 |

Daripada jadual di atas, didapati hanya soalan ke 7 sahaja yang dapat dijawab oleh pelajar dengan peratusan pelajar menjawabnya betul tertinggi, iaitu seramai 55 pelajar atau 21.8% sahaja daripada bilangan keseluruhan 252 orang pelajar. Bilangan ini hanya mewakili sekitar 1/5 daripada bilangan keseluruhan responden. Diikuti selepas itu oleh soalan pertama yang dapat dijawab dengan betul oleh 49 orang pelajar atau 19.4%. Pada kedudukan ketiga didapati soalan ke 3 dengan 23 orang pelajar atau 9.1% berjaya menjawabnya dengan betul. Tempat keempat ialah soalan ke 6 di mana seramai 20 pelajar atau 7.9% responden berjaya menjawab dengan betul soalan tersebut. Baki soalan lagi hanya dapat dijawab oleh bawah daripada 10 orang responden, terutama soalan ke 5 dan 10 yang hanya dapat dijawab dengan betul oleh seorang pelajar sahaja.

Rangkumannya, dapatlah dikatakan bahawa nilai peratusan yang tertera dalam jadual tadi tidak menunjukkan tahap penguasaan yang baik di kalangan pelajar bagi subjek ini. Hanya 21.8% pelajar sahaja (iaitu peratus tertinggi yang dicatatkan) mampu menjawab dengan betul, itupun hanya bagi satu soalan (soalan ketujuh), dan hanya mampu dijawab oleh sekitar 1/5 daripada jumlah keseluruhan responden. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa tahap penguasaan responden bagi subjek ini adalah lemah.

Justeru, penguasaan pelajar bagi subjek ini perlu diperbaiki. Tidak dapat dinafikan, mereka mampu lulus dalam peperiksaan dengan baik hanya menghafal kaedah-kaedah dan contoh-contoh tertentu sahaja, akan tetapi mereka tidak mampu untuk mengaplikasikan kaedah yang mereka pelajari tersebut ke dalam bahan bacaan mereka, terutama sekali sekiranya bahan bacaan tersebut berbeza daripada contoh-contoh yang terkandung dalam buku teks para pelajar. Pencapaian ini tidak menggambarkan objektif pembelajaran subjek Balaghah seperti yang telah ditetapkan, lantas ia menunjukkan bahawa objektif pembelajarannya tidak tercapai dengan sempurna

### 5.2.2 Permasalahan Pelajar

Penguasaan pelajar dalam subjek Balaghah ini tidak tercapai dengan sempurna disebabkan oleh pelbagai halangan dan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar khususnya yang berkaitan dengan proses pembelajaran subjek Balaghah ini. Daripada

borang soal selidik yang diedarkan kepada responden bagi mengetahui permasalahan yang mereka hadapi, jelas menunjukkan beberapa masalah wujud berkaitan proses pembelajaran ini yang perlu diatasi segera.

Di antara masalah yang ditimbulkan oleh pelajar ialah subjek Balaghah ini sukar untuk dipelajari. Seramai 33.7% menyatakan sukar bagi mereka mempelajari subjek tersebut. Kesukaran ini banyak bergantung kepada tajuk-tajuk yang menjadi fokus utama subjek ini sepertimana yang terkadung dalam buku teks yang dibekalkan. Hasil daripada soal selidik yang dijalankan seramai 107 pelajar iaitu 42.5% bersetuju dengan penyataan yang mengatakan bahawa tajuk-tajuk yang terdapat dalam buku teks subjek Balaghah STAM ini sukar untuk dipelajari oleh pelajar.

Kesukaran ini juga berkait rapat dengan bentuk persembahan subjek ini sendiri dan isi kandungannya yang lebih mengutamakan aspek teori daripada amali. Hasilnya melalui soal selidik didapati majoriti responden iaitu seramai 160 pelajar atau 43.7% bersetuju dengan pandangan ini.

Permasalahan ini berlaku juga disebabkan oleh faktor kaedah-kaedah Balaghah yang dikemukakan itu tidak jelas. Ini dinyatakan oleh pelajar sendiri melalui soal selidik yang dijalankan, di mana seramai 93 pelajar atau 36.9% memilih skala kadang-kadang berkaitan kaedah-kaedah yang dikemukakan itu jelas dan mudah difahami, manakala sebahagian besarnya memilih skala negatif bagi penyataan ini.

Permasalahan dalam proses pembelajaran ini juga berkait rapat dengan proses pengajaran seperti guru mengajar terlalu cepat tanpa merai kemampuan pelajar secara keseluruhan terutama dalam kelas yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai. Berdasarkan kepada soal selidik yang dijalankan majoriti responden iaitu seramai 92 pelajar atau 36.5% menyatakan bahawa kadang-kadang guru mereka mengajar terlalu cepat.

Penguasaan subjek Balaghah tidak dapat dicapai dengan sempurna juga disebabkan oleh proses pengajaran yang berteraskan kepada terjemahan. Ini kerana pelajar hanya mengambil makna sahaja daripada kaedah dan contoh yang dipelajari. Hasil soal selidik mendapati bahawa majoriti responden memilih skala kerap kali guru menterjemahkan petikan atau teks yang dibaca dalam kelas ke dalam bahasa Melayu iaitu seramai 129 pelajar atau 51.2% menyatakan demikian.

Turut menjadi permasalahan dalam proses pembelajaran subjek Balaghah ialah kurangnya penggunaan bahan tambahan dalam proses pembacaan dan latihan pelajar yang dianggap sangat penting bagi mengukuhkan kefahaman pelajar. Seramai 92 pelajar atau 36.5% menyatakan kadang-kadang guru menggunakan bahan-bahan luar bagi mengukuhkan kefahaman mereka, namun terdapat juga para guru yang mengambil pelbagai inisiatif dengan membekalkan pelajar pelbagai bahan bacaan tambahan. Justeru melalui soal selidik didapati seramai 63 pelajar lagi atau 25.0% menyatakan kerap kali guru mereka menggunakan bahan-bahan seperti petikan dari luar buku teks bagi mengukuhkan kefahaman pelajar.

Latihan turut menyumbang ke arah keberkesanan proses pembelajaran di mana latihan-latihan yang terancang dan berkala ini dapat meningkatkan tahap penguasaan pelajar. Di antara permasalahan dalam pembelajaran subjek Balaghah ialah kurangnya latihan yang diberikan kepada pelajar dan juga kurangnya proses semakan terhadap jawapan-jawapan pelajar oleh guru. Berdasarkan kepada soal selidik yang dijalankan, seramai 84 pelajar atau 33.3% menyatakan kadang-kadang guru menyemak latihan dan diikuti oleh 64 pelajar atau 25.4% menyatakan jarang-jarang guru menyemak latihan yang ditugaskan kepada mereka.

Perbincangan di luar kelas antara guru dan pelajar atau sebaliknya banyak membantu pelajar dalam menguasai pelajarannya. Kurangnya interaksi di antara kedua-dua pihak di luar kelas menyumbang kepada permasalahan dalam pembelajaran. Ini kerana kesempatan masa dalam kelas amatlah terhad terutama sekiranya bilangan pelajar dalam kelas tersebut ramai melebihi 40 orang pelajar. Berdasarkan kepada soal selidik yang dijalankan, majoriti responden iaitu seramai 84 pelajar atau 33.3% menyatakan kadang-kadang guru berinteraksi dengan mereka di luar kelas. Diikuti pula oleh 76 pelajar lain atau 30.2% menyatakan jarang-jarang guru berinteraksi dengan mereka di luar kelas.

Kurangnya bimbingan daripada guru juga boleh menyebabkan masalah dalam penguasaan subjek ini terutama di kalangan pelajar-pelajar yang lemah. Seramai 68 pelajar atau 27.0% menyatakan guru kadang-kadang memberi bimbingan kepada mereka bagi membantu mereka menguasai pelajaran. Diikuti oleh 63 pelajar atau 25.0% menyatakan jarang-jarang.

Dalam proses pembelajaran alat bantu mengajar turut memainkan peranan penting bagi memberi input-input ke arah penguasaan yang lebih baik di kalangan pelajar. Kekurangan alat bantu mengajar juga boleh menyebabkan permasalahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seramai 82 pelajar atau 32.5% menyatakan penggunaan alat bantu mengajar bagi subjek ini kurang memuaskan dan diikuti oleh 65 pelajar lagi atau 25.8% menyatakan tidak memuaskan bagi penggunaan alat bantu mengajar tersebut, menjadikan majoriti responden menyatakan mereka tidak berpuas hati dengan bahan-bahan yang digunakan bagi membantu proses P&P subjek Balaghah.

Kesesuaian alat bantu mengajar juga perlu diambil kira bagi meningkatkan keberkesanan proses P&P. Melalui soal selidik yang telah dijalankan didapati seramai 79 pelajar atau 31.3% memilih skala kurang memuaskan tentang kesesuaian penggunaan alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru mereka bagi subjek ini.

Demi memantapkan lagi tahap penguasaan pelajar terhadap topik-topik yang mereka pelajari, pelajar itu sendiri perlulah memainkan peranan yang aktif bagi membina kejayaan bagi diri mereka sendiri. Di antara kewajipan pelajar ialah, mereka hendaklah berusaha bagi meningkatkan daya kefahaman dalam topik-topik yang telah dipelajari melalui pelbagai cara dan kaedah, bukanlah semata-mata bergantung kepada kaedah penghafalan dengan menghafal contoh-contoh dari buku teks untuk lulus peperiksaan sahaja. Berdasarkan kepada soal selidik yang dijalankan, majoriti responden iaitu seramai 104 pelajar atau 41.3% menyatakan kerap kali pelajar hanya menghafal untuk lulus dalam peperiksaan tanpa mementingkan aspek kefahaman.

Gerak kerja pelajar turut memberi sumbangan dalam penguasaan subjek ini. Pelajar sendiri perlulah melaksanakan tugasan yang diberikan oleh guru mereka dengan penuh amanah dan berdedikasi. Guru pula hendaklah melatih pelajar untuk melaksanakan gerak kerja dengan efektif. Kegagalan atau pengabaiaan kepada gerak kerja dan latihan tersebut akan menyumbang kepada permasalahan dalam proses pembelajaran. Melalui soal selidik yang dijalankan didapati majoriti responden iaitu seramai 99 pelajar atau 39.3% menyatakan mereka tidak pernah dilatih bagi mencari rahsia Balaghah yang dipelajarinya melalui gerak kerja atau tugasan daripada guru mereka.

Penggunaan bahasa Arab dalam proses P&P banyak memberi sumbangan dalam membantu pelajar menguasai topik-topik Balaghah yang dipelajari. Guru hendaklah memberi galakkan kepada pelajar untuk menggunakan bahasa Arab dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seramai 75 pelajar atau 29.8% menyatakan jarang-jarang guru menggalakkan pelajar menggunakan bahasa Arab dalam kelas, manakala hanya sebahagian kecil daripada responden menyatakan guru mereka menggalakkan penggunaan bahasa Arab dalam kelas.

Buku teks juga dilihat merupakan sumber utama bagi menguasai topik-topik Balaghah yang dipelajari. Para pelajar banyak bergantung kepada buku teks dan jarang sekali merujuk kepada bahan-bahan rujukan yang lain. Malahan guru sendiri turut sama banyak bergantung kepada buku teks tersebut dalam pengajaran mereka. Gaya persembahan dan kandungan buku teks perlulah mengikut gaya semasa bagi memenuhi keperluan semasa proses pengajaran dan pembelajaran P&P. Bagi subjek Balaghah ini, walaupun buku teksnya digubal khusus dengan gaya tersendiri berpandukan kepada sukatan pelajaran dari al-Azhar, Mesir, namum ia tidak semestinya menghalang kita di Malaysia ini bagi memuatkan beberapa perubahan dan penambah baikkan yang bersesuaian, khususnya bagi merai kemampuan pelajar di negara kita yang sudah semestinyalah berbeza dengan pelajar-pelajar Arab di Mesir.

Kandungan buku teks yang digunakan mudah difahami oleh pelajar merupakan asas kejayaan dalam proses P&P. Sebaliknya buku teks yang sulit difahami akan mendatangkan masalah kepada pelajar dan malahan guru sendiri sukar untuk menerangkannya semula kepada pelajar. Melalui soal selidik yang telah dijalankan didapati majoriti responden iaitu 87 pelajar atau 34.5% menyatakan kadang-kadang buku teks yang mereka gunakan bagi subjek ini mudah untuk difahami, manakala seramai 63 pelajar lagi atau 25.0% memilih skala jarang-jarang mereka memahami dengan mudah isi kandungan buku teks tersebut.

Di antara ciri-ciri buku teks yang mudah difahami oleh pelajar ialah penerangan setiap tajuk yang dibincangkan itu hendaklah jelas dan terperinci. Seramai 88 pelajar atau 34.9% menyatakan kadang-kadang perbincangannya jelas dan mudah difahami. Ini diikuti pula oleh 61 pelajar atau 24.2% lagi menyatakan jarang-jarang.

Begitu juga dengan penggunaan contoh-contoh yang mempunyai unsur-unsur Balaghah hendaklah jelas dan mudah difahami oleh pelajar. Didapati seramai 98 orang responden atau 38.9% menyatakan kadang-kadang contoh-contoh yang terdapat dalam buku teks itu mudah difahami. Diikuti pula oleh 66 pelajar atau 26.2% menyatakan jarang-jarang. Ini menunjukkan contoh-contoh yang terdapat dalam buku teks tersebut agak sukar difahami oleh pelajar terutama oleh pelajar-pelajar yang agak lemah penguasaan bahasa Arab mereka, justeru contoh-contoh tersebut perlulah dibantu dengan penerangan dan penjelasan yang lebih lanjut.

Di antara ciri-ciri buku teks yang efektif juga ialah, setiap tajuk perbincangan hendaklah dibantu dengan gambar rajah dan ilustrasi yang bersesuaian. Seramai 132 pelajar atau 52.4% menyatakan tidak pernah perbincangan dalam buku teks dibantu dengan gambar rajah dan ilustrasi yang sesuai. Ini menyebabkan para pelajar berasa sukar untuk merumuskan elemen-elemen penting yang terdapat dalam sesuatu topik yang telah mereka pelajari.

Latihan dan aktiviti yang mencukupi merupakan ciri-ciri yang perlu ada dalam sesebuah buku teks. Majoriti responden iaitu seramai 76 orang pelajar atau 30.2% memilih skala jarang-jarang buku teks yang mereka gunakan itu dilengkapi dengan pelbagai latihan dan aktiviti yang mencukupi bagi membantu mereka memahami topik-topik yang telah dipelajari.

Reka bentuk *layout* buku teks juga dapat menarik minat pelajar. Walaupun faktor ini hanyalah merupakan faktor luaran, namun peranannya tidak dapat diperkecilkan dalam menarik minat pelajar membaca dan mengulangkaji isi kandungan buku teks tersebut. Justeru faktor reka bentuk ini menjadi faktor pelengkap kepada isi kandungan yang lengkap lagi padat bagi menghasilkan sebuah buku teks yang efektif dan mampu membantu meningkatkan keberkesanan proses P&P. Berdasarkan kepada soal selidik yang telah dijalankan, didapati satu angka yang agak besar iaitu seramai 69 pelajar atau 27.4% memilih skala negatif tidak pernah berkaitan reka bentuk buku teks secara amnya menarik minat mereka mempelajari subjek ini. Justeru pengabaian terhadap aspek reka bentuk yang hanya dianggap luaran ini tidak seharusnya berlaku, malahan ia juga perlu dititik beratkan dalam menyediakan sesebuah buku teks yang menjadi rujukan utama pelajar, agar ia mampu berfungsi dengan lebih berkesan.

Rangkumannya, melalui borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 252 orang responden yang merupakan pelajar-pelajar STAM di lima buah sekolah menegah agama di negeri Selangor, jelas menggambarkan bahawa penguasaan pelajar terhadap subjek Balaghah adalah lemah. Mereka juga didapati menghadapi pelbagai masalah berkaitan proses pembelajaran subjek ini yang menyebabkan trahap penguasaan mereka berada pada tahap yang lemah. Di antara permasalahan pelajar yang dapat dikenal pasti melalui soal selidik tersebut ialah:

1. Objektif dan tujuan subjek Balaghah ini masih tidak jelas kepada mereka.
2. Lemahnya penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar, menyebabkan mereka juga lemah dalam subjek Balaghah.
3. Subjek Balaghah dan topik-topiknya sukar difahami.
4. Subjek ini lebih mementingkan aspek teori daripada amali.
5. Kaedah-kaedah Balaghah yang dikemukakan tidak jelas.
6. Guru mengajar terlalu cepat dan tidak merai tahap pelajar yang berbeza-beza dalam sesebuah kelas.
7. Proses P&P berteraskan kepada proses penterjemahan dari bahasa asal iaitu bahasa Arab ke bahasa Melayu.
8. Kurangnya penggunaan bahan tambahan dari luar berkaitan tajuk yang dipelajari bagi mengukuhkan lagi tahap kefahaman pelajar.
9. Kurangnya latihan yang diberi dan disemak atau dibetulkan oleh guru melalui perbincangan dan sebagainya.
10. Kurangnya interaksi di antara kedua-dua pihak guru dan pelajar di luar kelas.
11. Kurangnya bimbingan khusus atau intensif terutama kepada pelajar yang lemah.
12. Kurang menggunakan alat bantu mengajar dan lebih banyak bergantung kepada pembacaan buku teks sahaja.

13. Alat bantu mengajar yang digunakan kurang bersesuaian misalnya tidak memanfaatkan teknologi-teknologi terkini melalui komputer dan sebagainya.

14. Pelajar lebih cenderung untuk menghafal kaedah-kaedah Balaghah dan contoh-contohnya tanpa memahaminya terlebih dahulu.

15. Pelajar kurang dilatih mengadakan gerak kerja sendiri terutama dalam usaha mencari sendiri rahsia kecantikan elemen-elemen Balaghah yang digunakan.

16. Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam proses P&P jarang diterapkan.

17. Buku teks agak sukar difahami oleh pelajar.

18. Penerangan dan penjelasan yang terdapat dalam buku teks kurang jelas.

19. Contoh-contoh yang digunakan juga sukar untuk difahami, terutama contoh-contoh yang diambil dari karya-karya sastera Arab seperti bait-bait syair dan seumpamanya.

20. Perbincangan setiap tajuk tidak dibantu dengan gambar rajah atau ilustrasi yang dapat membantu pelajar memahaminya dengan lebih mudah.

21. Latihan-latihan yang dimuatkan dalam buku teks kurang mencukupi.

22. Reka bentuk *layout* buku teks secara amnya kurang menarik minat pelajar.

# BAB VI

# CADANGAN DAN PENUTUP

Berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dijalankan bermula Februari sehingga Jun 2006 kepada 252 orang responden yang mewakili lima buah sekolah menengah agama di negeri Selangor bagi mengetahui tahap penguasaan subjek Balaghah dan permasalahannya, dapatlah dirumuskan bahawa tahap penguasaan pelajar bagi subjek ini adalah lemah. Ini berdasarkan kepada 10 soalan kefahaman yang dikemukan kepada mereka bagi menguji tahap kefahaman dan penguasaan mereka terhadap topik-topik Balaghah yang telah mereka pelajari. Didapati hanya satu soalan sahaja yang berjaya dijawab dengan betul dan mendapat bilangan tertinggi hanya 55 pelajar, manakala soalan-soalan lain sebahagian besar responden gagal menjawabnya dengan betul.

Hasil kajian ini juga menunjukkan beberapa permasalahan yang mengekang proses pembelajaran subjek tersebut di kalangan pelajar. Permasalahan ini berhubung dengan subjek Balaghah, proses dan kaedah pembelajaran, buku teks dan sikap pelajar itu sendiri. Bagi mengatasi permasalahan-permasalahan ini beberapa cadangan dikemukakan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Subjek Balaghah | Hendaklah dijelaskan kepada pelajar objektif dan sasaran yang ditetapkan daripada subjek Balaghah peringkat STAM ini bermula dari awal penggal persekolahan lagi. |
| | Subjek ini hendaklah dirangka dengan teliti supaya tidak menjadi terlalu sukar kepada pelajar memahami dan menguasainya, dengan mengambil kira faktor kesesuaian kepada kumpulan pelajar sasaran. |
| | Tajuk-tajuk yang terdapat dalam sukatan subjek tersebut hendaklah dikemukakan dalam bentuk yang lebih jelas dan tersusun supaya mudah difahami oleh pelajar. |
| | Dalam meletakkan rangka kasar subjek ini, seharusnya ia tidak |

| | |
|---|---|
| | dengan aspek aplikasi dalam membantu pelajar menguasai subjek ini dengan lebih berkesan. |
| Proses P&P | Guru hendaklah mengambil kira tahap kefahaman pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran P&P bagi memberi kefahaman kepada semua pelajar dalam kelas. Guru juga dinasihatkan agar tidak terlalu terkejar-kejar bagi menghabiskan sukatan pelajaran semata-mata lalu mengabaikan kefahaman pelajar. |
| | Guru hendaklah menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam proses P&P sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan masa pengajaran yang diperuntukkan kepadanya. |
| | Hendaklah menggunakan beberapa bahan tambahan luar yang dilihat sesuai bagi membantu pelajar menguasai topik yang dipelajari dengan lebih baik. |
| | Hendaklah diperbanyakkan latihan dan juga disemak serta diberi komen dan pembetulan oleh guru. Selain itu latih tubi dan teknik-teknik menjawab soalan peperiksaan juga perlulah diadakan dari semasa ke semasa. |
| | Guru dan pelajar hendaklah banyak berinteraksi di luar kelas bagi membincangkan topik-topik yang telah dipelajari, atau membincangkan persoalan dam permasalahan yang dihadapi oleh pelajar berkaiatan subjek Balaghah. |
| | Guru hendaklah membimbing pelajar mengenai cara-cara dan teknik-teknik menguasai pelajaran dan memahaminya melalui pelbagai galakkan dan tips-tips yang mudah diaplikasikan oleh pelajar. |
| | Penggunaan alat bantu mengajar perlulah diperbanyakkan bagi menerangkan sesuatu topik yang diajar. Alat tersebut juga hendaklah dipelbagaikan bagi mengelakkan pelajar berasa bosan |

| | |
|---|---|
| | dengan penggunaan bahan yang sama berulang kali. |
| | Penyediaan alat bantu mengajar yang bersesuaian perlu bagi membantu proses pembelajaran. Perkembangan teknologi semasa dapat dimanfaatkan dalam meneydiakan pelabagai bahan ABM yang bukan sekadar menarik akan tetapi ia dilihat lebih berkesan dan bersesuaian dengan konteks semasa. |
| Pelajar | Pelajar hendaklah selalu diberi motivasi dan bimbingan supaya banyak berusaha bagi meningkatkan daya kefahaman dan penguasaan mereka khususnya dalam subjek ini. |
| | Pelajar hendaklah digalakkan supaya dapat meningkatkan penguasaan bahasa Arab bagi memudahkan mereka memahami subjek tersebut. |
| | Pelajar hendaklah dilatih mengenai teknik-teknik bagi menjalankan mengadakan gerak kerja sendiri supaya dapat melaksanakan tugasan secara sendiri dengan dipantau oleh guru. |
| Buku teks | Penyediaan buku teks hendaklah mampu mempersembahkan isi kandungan subjek Balaghah ini dengan cara yang lebih mudah dan dalam masa yang sama mampu menarik minat pelajar. Setiap perbincangannya hendaklah memberikan gambaran yang jelas lagi terperinci mengenai sesuatu topik yang hendak disampaikan. |
| | Penerangan dan penjelasan dalam buku teks hendaklah jelas dan mudah difahami oleh pelajar. |
| | Contoh-contoh yang digunakan hendaklah dipilih daripada ayat-ayat yang mudah dan senang difahami oleh pelajar. Selain itu contoh-contoh tersebut perlulah dipelbagaikan lagi agar meliputi ayat al-Quran, Hadith nabi dan sastera Arab. Penjelasan kepada contoh-contoh syair hendaklah disertakan bersama khususnya pada perkataan-perkataan yang mempunyai pelbagai makna atau |

| | |
|---|---|
| | perkataan yang jarang digunakan oleh pelajar. |
| | Perlu meletakkan baris atau tanda bacaan apada perkataan-perkataan atau ayat-ayat tertentu, supaya membantu pelajar membacanya dengan betul lalu memahaminya dengan tepat selain mengelakkan pemahaman yang salah terhadap maksud yang dibawa oleh ayat tersebut berbeza daripada apa yang dimaksudkan oleh penulisnya. |
| | Hendaklah dipelbagaikan bentuk-bentuk latihan yang boleh membantu pelajar mengusai topik yang dipelajarinya. Contoh jawapan dan cara-cara menjawab (terutama soalan esei) juga hendaklah disediakan supaya pelajar dapat melakukan latihan kendiri. |
| | Reka bentuk atau *layout* persembahan buku hendaklah dirangka dengan lebih menarik supaya dapat menarik minat pelajar untuk membacanya. |
| | Isi perbincangan yang utama perlu diasingkan dan diletakkan pada satu tempat yang khusus, supaya pelajar dapat mengenalpastinya dengan lebih mudah dan tidak bercampur aduk dengan penjelasan, contoh-contoh dan sebagainya. |
| | Perbincangan setiap tajuk hendaklah disertakan dengan penerangan berbentuk rajah dan gambaran ilustrasi yang boleh membantu pelajar memahaminya dengan lebih mudah. |

Diharapkan kajian ini akan dapat membantu bagi mengatasi permasalahan dalam pembelajaran subjek Balaghah khususnya di kalangan pelajar melalui pelbagai cadangan penambah baikkan yang dikemukan melalui penyelidikan ini. Kepentingan subjek ini sudah tidak dapat dinafikan lagi, selain ia merupakan salah satu subjek teras bahasa Arab di peringkat STAM, penguasaan pelajar dalam subjek ini mampu memantapkan lagi kefahaman dan penguasaan mereka dalam

subjek-subjek bahasa Arab STAM yang lain seperti Nahu, Sorof, Mutalaah, Tarikh Adab dan sebagainya. Hal ini disebabkan oleh pertalian kukuh yang wujud antara subjek-subjek bahasa Arab ini.

Penyelidikan ini bukanlah bertujuan untuk mencari kesalahan atau kelemahan mana-mana pihak, akan tetapi kerjasama semua pihak amatlah diperlukan bagi menjayakan objektif dan tujuan pembelajaran subjek Balaghah STAM ini sepertimana yang telah ditetapkan. Semoga hasil penyelidikan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan ini akan dapat dimanfaatkan dengan sempurna, demi meningkatkan tahap penguasaan pelajar khususnya dalam subjek Balaghah dan ilmu Balaghah Arab itu sendiri amnya.

# BIBLIOGRAFI


Al-Quran al-Karim

Abbas, Fadl Hassan. 1997. *al-Balaghah: Fununuha wa Afnaniha*. Amman: Dar al-Furqan.

Abbas, Fadl Hassan. 1999. *al-Balaghah: al-Muftara ᶜalaiha baina al-Asalah wa al-Tabaᶜiah*. Amman: Dar al-Furqan.

Abdul Mutalib, Muhammad. 1994. *al-Balaghah wa al-Uslubiyyah*. Beirut: Maktabah Lubnan Nasyirun.

Abdul Rahman, Hussein Radhi. 2000. *Turuq Tadris al-Lughah al-ᶜArabiyah min Manzur Tarbawi Hadith*. Saudi Arabia: Maktabah al-Khabthi al-Thaqafiyah.

Abdul Salam, Ahmed Sheikh. 2000. *Madkhal al-Islami ila al-Lughawiyyat al-ᶜammah*. Kuala Lumpur : UIAM.

Ahmad, Muhammad Abdul Qadir. 1983. *Turuq Taᶜlim al-Lughah al-ᶜArabiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah

Asmat, Ibrahim. 1986. *al-Tarbiyyah al-ᶜamaliyyah wa Usus Turuq al-Tadris*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.

Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor. 2003. *Huraian Sukatan Pelajaran Subjek-subjek Sijil Menengah Agama (SMA) JAIS*. Shah Alam: JAIS

David Crystal. 1997. *The Cambridge Encyclopedia of Language*. London: Cambridge University Press.

David Crystal.1992. *Introducing Linguistics*. Middlesex, England: Penguin English.

David Crystal.1995. *What is Linguistics?*. London: Edward Arnold.

Ghalayini, Mustafa. 1987. *Jamiᶜ al-Durus al-ᶜArabiyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜalamiyah

Al-Jarim, Ali & Amin, Mustafa. 1996. *al-Balaghah al-Wadhihah*. Beirut: Dar al-Qalam.

Al-Jurjani, Abdul Qaher. 1996. *Dalail al-Iᶜjaz*. Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜalamiyah

Al-Jurjani, Abdul Qaher. 1997. *Asrar al-Balaghah*. Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜalamiyah

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2005. *Struktur Pengajian di Sekolah Menengah*. www.moe.gov.my

Khalifah, Muhammad & Naᶜnaᶜ, Abdul Hakim. 2002. *Miftah al-Balaghah*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia & al-Azhar al-Syarif, Mesir.

Labib, Muhammad. 1992. *Muqaddimah fi Falsafah al-Tarbiyyah*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah

Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2003. *Format Pentaksiran Balaghah STAM*. Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan Malaysia

Al-Madhi, Syukri Aziz. 1986. *Fi Nazariah al-Adab*. Amman : Dar al-Hadasah.

Mandur, Muhammad. 1995. *al-Naqd al- Manhaji inda al-$^c$Arab*. Beirut: Dar al-Nahdah

Matlub, Ahmad. 1996. *Mu$^c$jam al-Mustalahat al-Balaghiyah wa Tawauruha*. Beirut: Maktabah Lubnan Nasyirun.

Mujahid, Abdul Karim, 1999. *$^c$Ilmi al -Lisan al-$^c$Arabiy*. Amman : Dar al-Quds

Mustafa, Ibrahim et. all, 1999. *al-Mu$^c$jam al-Wasit*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyah

Al-Nahlawi, Abd al-Rahman. 2001. *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Muasir.

Al-Najar, Zaghlul Raghib. 1995. *Azmah al-Ta$^c$lim al-Mu$^c$asir wa Hululuha al-Islamiyyah*. Riyadh: Al-Dar al-$^c$alamiyyah.

Pusat Perkembangan Kurikulum. Kementerian Pelajaran Malaysia 2003. *Huraian Sukatan Pelajaran Baru Subjek al-Balaghah STAM*. Kuala Lumpur: DBP.

Al-Qazwini, Abdul Rahman. 1996. *al-Talkhis*. Damsyik: Dar al-Fikr

Al-Rajihi, Abduh. 1988. *Fiqh al-Lugah fi al-Kutub al-$^c$Arabiyyah*. Beirut: Dar an- Nahdhah.

Al-Rikabi, Jawdat. 1996. *Turuq Tadris al-Lughah al-$^c$Arabiyyah*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Al-Samiraai, Fadl Saaleh. 2000. *Ma$^c$ani al-Nahu*. Amman: Dar al-Fikr.

**Temubual** :

Ali, Solehan. Guru Balaghah. Sekolah Agama Menengah Tinggi Hisamuddin, Kampung Jawa, Klang. *Proses Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah di Sekolah*. (Temubual bersemuka). 4 Mei & 5 Julai 2006.

Miskan, Mashkuri. Guru Balaghah. Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sabak Bernam. *Proses Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah di Sekolah*. (Temubual bersemuka). 3 Mei & 27 Jun 2006

Nik Mohamed, Nik Mahizan. Guru Balaghah. Kolej Islam Sultan Alam Shah Klang. *Proses Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah di Sekolah*. (Temubual bersemuka). 11 Mei & 13 Julai 2006.

Yusuf, Yahya. Guru Balaghah. Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor. *Proses Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah di Sekolah*. (Temubual bersemuka). 26 April & 22 Jun 2006.

# LAMPIRAN

LAMPIRAN A

## BORANG KAJI SELIDIK
## PENGUASAAN PELAJAR LEPASAN (STAM)
## TERHADAP SUBJEK "AL-BALAGHAH"
## - KAJIAN PERINTIS-

BAHAGIAN A : Maklumat Umum

1- Jantina :
2- Tahun Peperiksaan STAM :
3- Gred Pencapaian subjek "al-Balaghah" :
4- Pangkat Kelulusan STAM :
5- Bagi soalan-soalan berikut sila beri jawapan anda berdasarkan ukuran penilaian seperti berikut :

**A- Amat Memuaskan B- Memuaskan C- Kurang Memuaskan D- Tidak Memuaskan**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| a) Minat anda terhadap subjek ini | A | B | C | D |
| b) Tajuk & isi kandungan silibus | A | B | C | D |
| c) Buku teks yang digunakan | A | B | C | D |
| d) Teknik-teknik pengajaran yang digunakan | A | B | C | D |
| e) Alatan bantu mengajar yang digunakan | A | B | C | D |
| f) Aktivi-aktivi yang dilakukan di dalam kelas | A | B | C | D |
| g) Penilaian anda secara keseluruhan terhadap subjek ini | A | B | C | D |

BAHAGIAN B : Pengukuran Tahap Penguasaan Pelajar

عين عناصر بلاغية في الجمل التالية ثم اشرحها بالتفصيل :

1- قال العابد إلى ربه : " يا ربي هبْ لي من لدنك علمًا نافعًا "

..............................................................................

2- يجلس الطالب في القاعة يجيب على أسئلة الامتحانات.

..............................................................................

3- تتجول فاطمة في شبكة الإنترنت و تشاهد أفلامًا أجنبية.

..............................................................................

4- إن في الزواج حياة.

.....................................................................................

5- قال الداعي : " يا أيها الناس ! اعملوا أعمالا صالحة أقيموا الصلاة وصوموا رمضان وتصدقوا بأموالكم وحجوا البيت من استطاع إليه سبيلاً..."

.....................................................................................

6- في التدخين ضرّ و نفع، ولكن أضراره أكثر.

.....................................................................................

7- قال الله تعالى { فليضحكوا قليلاً وليبكوا كثيرًا }

.....................................................................................

8- قال العاشق : " يا وردتي تعالي إليَّ لحظة "

.....................................................................................

9- قال الشاعر :

يكاد يخرج سرعة عن ظله      لو كان يرغب في فراق رفيق

.....................................................................................

10- قال أبو تمام :

لا تنكري عطل الكريم من الغنى      فالسيل حرب للمكان العالي

.....................................................................................

شكرًا على حسن تعاونكم

Terima kasih di atas kerjasama anda

LAMPIRAN B

جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA**

**KAJIAN PENYELIDIKAN – BORANG SOAL SELIDIK**

**PENGUASAAN "AL-BALAGHAH" DAN PERMASALAHANNYA DI KALANGAN PELAJAR SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM) (KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA NEGERI SELANGOR)**

**MODUL PELAJAR**

# BAHAGIAN A

**Maklumat sekolah**:

1. Nama sekolah : ______________________________

2. Status sekolah :

   1. Asrama Penuh ☐
   2. Asrama ☐
   3. Sekolah Harian ☐

3. Jenis sekolah:

   1. Sek Men. Agama kelolaan JAIS ☐
   2. Kelas Aliran Agama di Sek. Men. Kebangsaan ☐
   3. Sek. Men. Agama Berasrama Penuh ☐

# BAHAGIAN B

**Maklumat Umum: ( Tanda x pada kotak yang berkenaan )**

1. Jantina L ☐ P ☐

2. Tingkatan : ______________________

3. Pencapaian Pelajar Sebelum STAM:

a. PMR
Tahun Peperiksaan : ____________________
Pangkat Kelulusan : ____________________
Gred Pencapaian Subjek Bahasa Arab : ______________

b. SPM
Tahun Peperiksaan : ____________________
Pangkat Kelulusan : ____________________
Gred Pencapaian Subjek Bahasa Arab : ______________

c. STPM / Sijil Tinggi Agama (STA@ STU)
Tahun Peperiksaan : ____________________
Pangkat Kelulusan : ____________________
Gred Pencapaian Subjek Bahasa Arab : ______________

d. Keputusan Peperiksaan Subjek Balaghah Pada Semester Lepas : ____________

# BAHAGIAN C

Sila tandakan jawapan mengikut skala berikut:

**1. Tidak Pasti 2. Tidak Memuaskan 3. Kurang Memuaskan 4. Baik 5. Sangat Baik**

| Bil | Padangan Secara Umum | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Minat anda terhadap Balaghah | | | | | |
| 2 | Kepentingan Balaghah kepada anda | | | | | |
| 3 | Sejauh mana Balaghah membantu anda menguasai Bahasa Arab | | | | | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 4 | Pengetahuan anda terhadap objektif dan tujuan subjek Balaghah | | | | | |
| 5 | Sejauh mana subjek Balaghah mencapai objektif dan tujuannya | | | | | |
| 6 | Tahap penguasaan bahasa Arab anda secara keseluruhan | | | | | |
| 7 | Tahap penguasaan Balaghah anda | | | | | |
| 8 | Pandangan anda terhadap kurikulum& sukatan subjek Balghah | | | | | |
| 9 | Pandangan anda terhadap buku teks Balaghah di peringkat STAM | | | | | |
| 10 | Latihan & aktiviti yang terdapat dalam buku teks | | | | | |
| 11 | Penggunaan alat bantu mengajar (ABM) dalam pengajaran subjek Balaghah | | | | | |
| 12 | Kesesuain ABM yang digunakan | | | | | |
| 13 | Pandangan anda terhadap teknik-teknik P&P yang digunakan bagi subjek Balaghah | | | | | |
| 14 | Sejauh mana anda mengaplikasi ilmu Balaghah yang telah dipelajari | | | | | |
| 15 | Perkaitan Balaghah dengan ilmu-ilmu bahasa Arab yang lain | | | | | |

# BAHAGIAN D

Sila tandakan jawapan anda berdasarkan skala berikut :

**1. Kurang pasti 2.Amat tidak setuju 3. Tidak setuju 4. Setuju 5. Sangat setuju**

| Bil | Persepsi Khusus | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Subjek Balaghah amat diperlukan di sekolah | | | | | |
| 2 | Subjek Balaghah lebih mementingkan teori dari amali | | | | | |
| 3 | Tajuk-tajuk Balaghah sukar diaplikasikan | | | | | |
| 4 | Subjek Balaghah sukar | | | | | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | Proses P&P subjek Balaghah membosankan | | | | | |

Bagi soalan-soalan berikut sila jawab berdasarkan skala berikut :

**1. Kurang pasti 2.Tidak pernah 3. Jarang-jarang 4. Kadang-kadang 5. Kerap kali**

| Bil | Aktiviti P& P | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Guru mengajar terlalu cepat | | | | | |
| 2 | Guru kurang menguasai ilmu Balaghah dengan sempurna | | | | | |
| 3 | Guru menterjemah kandungan silibus ke dalam bahasa Melayu | | | | | |
| 4 | Guru menggunakan petikan luar bagi membantu pengajarannya | | | | | |
| 5 | Setiap latihan disemak dan dibincangkan oleh guru | | | | | |
| 6 | Pelajar diberi peluang berbincang dalam kelas | | | | | |
| 7 | Pelajar sering berbincang dengan guru di luar kelas | | | | | |
| 8 | Pelajar lebih gemar dengan kaedah hafalan | | | | | |
| 9 | Pelajar dilatih mencari rahsia Balaghah secara sendiri | | | | | |
| 10 | Guru menggalakkan pelajar berkomunikasi menggunakan bahasa Arab dalam kelas | | | | | |
| 11 | Guru sering mendengar masalah pelajar dalam mempelajari subjek Balaghah | | | | | |
| 12 | Kandungan buku teks yang digunakan mudah difahami | | | | | |
| 13 | Penerangan setiap topik dalam buku teks jelas dan terperinci | | | | | |
| 14 | Contoh penggunaan elemen Balaghah dalam buku teks mudah difahami | | | | | |
| 15 | Dimuatkan kesimpulan@ rumusan penting bagi setiap tajuk yang dibincangkan | | | | | |
| 16 | Kaedah Balaghah yang dikemukan jelas dan mudah diaplikasikan | | | | | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 17 | Penjelasan setiap tajuk dibantu dengan gambarajah dan ilustrasi yang bersesuaian | | | | | |
| 18 | Latihan & aktiviti dalam buku teks mencukupi | | | | | |
| 19 | Guru menfokuskan hanya kepada bahagian penting bagi setiap tajuk buku teks | | | | | |
| 20 | Reka bentuk *layout* buku teks secara amnya menarik minat pelajar | | | | | |

# BAHAGIAN E

Pengukuran Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Subjek Balaghah

عين عناصر بلاغية في الجمل التالية ثم اشرحها بالتفصيل :

1- قال العابد إلى ربه :" يا ربي هبْ لي من لدنك علمًا نافعًا "

.....................................................................................

2- يجلس الطالب في القاعة يجيب على أسئلة الامتحانات.

.....................................................................................

3- تتجول فاطمة في شبكة الإنترنت و تشاهد أفلامًا أجنبية.

.....................................................................................

4- إن في الزواج حياة.

.....................................................................................

5- قال الداعي : " يا أيها الناس ! اعملوا أعمالا صالحة أقيموا الصلاة وصوموا رمضان وتصدقوا بأموالكم وحجوا البيت من استطاع إليه سبيلاً..."

.....................................................................................

6- في التدخين ضرّ و نفع، ولكن أضراره أكثر.

.....................................................................................

7- قال الله تعالى { فليضحكوا قليلاً وليبكوا كثيرًا }

.....................................................................................

8- قال العاشق : " يا وردتي تعالي إليّ لحظة "

..............................................................................................

9- قال الشاعر :

يكاد يخرج سرعة عن ظله      لو كان يرغب في فراق رفيق

..............................................................................................

10- قال أبو تمام :

لا تنكري عطل الكريم من الغنى      فالسيل حرب للمكان العالي

..............................................................................................

## BAHAGIAN F

**Komen & Saranan terhadap subjek Balaghah:**

________________________________________________________________________________
________________________________________________________________________________
________________________________________________________________________________
________________________________________________________________________________
________________________________________________________________________________
________________________________________________________________________________
________________________________________________________________________________
________________________________________________________________________________
________________________________________________________________________________

شكرًا على حسن تعاونكم

Terima kasih di atas kerjasama anda

Disediakan oleh :

Muhammad Marwan Ismail
Penyelidik @ Pensyarah
Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

Disahkan oleh :

Dr. Rosni Samah
Ketua Penyelidik
Timbalan Dekan,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

LAMPIRAN C

Carta Analisa Peratusan Jawapan Responden Bagi Soalan-soalan Kefahaman Pelajar

قال العابد إلى ربه:" يا ربي هبْ لي من لدنك علمًا نافعًا




يجلس الطالب في القاعة يجيب على أسئلة الامتحانا



تتحول فاطمة في شبكة الإنترنت و تشاهد أفلامًا أجنبية




ن في الزواج حياة



عملوا أعمالا صالحة أقيموا الصلاة وصوموا رمضان وتصدقوا بأموالكم وحجوا البيت من استطاع إليه سبيلاً...




في التدخين ضرّ و نفع، ولكن أضراره أكث



قال الله تعالى {فليضحكوا قليلاً وليبكوا كثيرًا}




قال العاشق: ''يا وردتي تعالي إليّ لحظة



قال الشاعر:

يكاد يخرج سرعة عن ظله     لو كان يرغب في فراق رفيق




- قال أبو تمام:

لا تنكري عطل الكريم من الغنى     فالسيل حرب للمكان العالي



LAMPIRAN D

ALBUM LAWATAN PENYELIDIKAN



Bertanya...Sesi temubual bersama guru Balaghah STAM di SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Banting, Selangor



Asyik...Para responden dari SAMT SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Banting, Selangor sedang asyik menjawab borang soal selidik.




Penjelasan… Para responden dari SAMT SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Banting, Selangor memberikan pandangan mereka dalam sesi soal jawab yang dijalankan.



Penghargaan…Ketua Penyelidik Dr. Rosni Samah menyampaikan cenderamata kepada Pengetua KISAS, Klang, Selangor Ustaz Abdullah Mat Saad.



Tandatangan… Ketua Penyelidik Dr. Rosni Samah menandatangani buku pelawat KISAS sebagai kenang-kenangan.



Bertanya…Sesi temubual bersama guru Balaghah STAM di KISAS, Klang, Selangor



Menjawab… Sebahagian responden dari KISAS, Klang, Selangor sedang asyik menjawab borang soal selidik.



Menjawab… Sebahagian lagi responden dari KISAS, Klang, Selangor sedang asyik menjawab borang soal selidik.